

# **AIR, SANITASI, KEBERSIHAN DAN PERSEKITARAN DALAM PENJARA**

**PANDUAN TAMBAHAN**



**ICRC**



**ICRC**

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC)  
Unit 50-11-1, Level 11, Wisma UOA Damansara,  
No. 50, Jalan Dungun, Damansara Heights,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2084 1800 F +603 2084 1999  
E [kualalumpur@icrc.org](mailto:kualalumpur@icrc.org) W [www.icrc.org](http://www.icrc.org)  
© ICRC, April 2012

# **AIR, SANITASI, KEBERSIHAN DAN PERSEKITARAN DALAM PENJARA**

**PANDUAN TAMBAHAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>PRAKATA</b>	<b>7</b>
<b>PENGENALAN</b>	<b>9</b>
<b>BAGAIMANA MENGGUNAKAN GARIS PANDUAN INI</b>	<b>11</b>
<b>1. SENI BINA SEBUAH PENJARA</b>	<b>13</b>
Realiti	15
Amalan baik dan implikasi operasi	15
a. Pengezonan	15
b. Bangunan	19
c. Peralatan	20
<b>2. PRINSIP-PRINSIP REKA BENTUK UMUM</b>	<b>21</b>
Realiti	22
Amalan baik dan implikasi operasi	23
a. Persoalan mengenai kos	23
b. Strategi pengurusan dan tujuan penjara	24
c. Pertimbangan budaya	25
d. Pertimbangan iklim	25
e. Aliran kakitangan, tahanan dan trafik kenderaan di dalam penjara	26
f. Penyelenggaraan	27
<b>3. KUARTERS TEMPAT TINGGAL DAN KAPASITI</b>	<b>29</b>
A. Ruang tempat tinggal bagi setiap orang dalam keadaan normal	30
Realiti	30
Spesifikasi teknikal	32
Faktor-faktor lain yang relevan untuk menentukan ruang yang diperlukan	34
a. Keadaan fizikal bangunan	34
b. Jumlah masa yang diluangkan dalam sesuatu ruang	35
c. Bilangan orang dalam sesuatu ruang	35
d. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam sesuatu ruang	36
e. Cahaya dan pengudaraan	37
f. Perkhidmatan yang disediakan dalam sesuatu ruang	38
g. Penyeliaan	38
B. KEPERLUAN KESELURUHAN RUANG	40
Amalan baik dan implikasi operasi	40
C. RUANG TEMPAT TINGGAL DALAM SITUASI KECEMASAN	40
Realiti	40
Amalan baik dan implikasi operasi	40
D. Definisi penghunian	41
a. Kapasiti rasmi	41
b. Kadar penghunian	42
c. Kapasiti operasi	42
d. Kapasiti kecemasan	42
<b>4. BEKALAN AIR DAN LANGKAH-LANGKAH KEBERSIHAN</b>	<b>43</b>
Realiti	44
Spesifikasi teknikal	45

Amalan baik dan implikasi operasi	45
a. Infrastruktur, termasuk penyimpanan	45
b. Bekalan, kualiti dan jumlah air serta akses kepadanya	47
c. Pengagihan air kecemasan	49
<b>5. SANITASI DAN KEBERSIHAN</b>	<b>51</b>
Realiti	52
Spesifikasi teknikal	52
Amalan baik dan implikasi operasi	53
a. Infrastruktur	53
b. Bekalan air, kebersihan dan sanitasi	54
c. Pembersihan tandas	54
d. Akses kepada kawasan sanitasi	54
e. Pengurusan air buangan	54
f. Pengurusan sisa perubatan	56
<b>6. WANITA, KANAK-KANAK PEREMPUAN DAN KANAK-KANAK TANGGUNGAN</b>	<b>57</b>
Realiti	58
Amalan baik dan implikasi operasi	59
a. Tempat tinggal	59
b. Keselamatan	59
c. Kemasukan dan penempatan	60
d. Kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan	60
e. Kebersihan	61
f. Tempat tinggal, kemudahan dan perkhidmatan untuk ibu dan bayi mereka serta kanak-kanak kecil	61
g. Pemakanan	61
h. Kerja, pendidikan, rekreasi dan perkhidmatan program lain	62
i. Kemudahan melawat	62
<b>7. JUVANA</b>	<b>63</b>
Realiti	64
Amalan baik dan implikasi operasi	64
a. Tempat tinggal	64
b. Keselamatan	65
c. Kemasukan dan penempatan	65
d. Kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan	65
e. Kebersihan	65
f. Pemakanan	65
g. Pendidikan am dan vokasional serta rekreasi	65
h. Kemudahan melawat	66
<b>8. PENYELENGGARAAN PENJARA – TERMASUK PENGLIBATAN TAHANAN DALAM MENYELENGGARA LOJI DAN PERALATAN</b>	<b>67</b>
Realiti	68
Amalan baik dan implikasi operasi	68
a. Prinsip-prinsip utama	68
b. Membangunkan pelan penyelenggaraan	69

c. Pertimbangan mengenai penyelenggaraan semasa mereka bentuk penjara baharu dan membesarkan penjara sedia ada	70
d. Mengurus dan menyelia kerja	70
e. Peraturan kerja	71
f. Pemilihan tahanan untuk bekerja	71
g. Ganjaran	71
<b>9. MERANCANG PEMBINAAN ATAU PEMULIHAN PENJARA</b>	<b>73</b>
Realiti	74
Amalan baik dan implikasi operasi	74
a. Pelan induk	74
b. Strategi pengurusan	75
c. Pasukan reka bentuk – komposisi dan fungsi	76
d. Lokasi penjara	77
e. Panduan pembinaan	78
f. Pentauliahan	79

**Peserta-peserta meja bulat**

Robert Allen  
Tomris Atabay  
Karine Benyahia  
Javier Bustamente  
Johnson Byabashaija  
Riccardo Conti  
Annette Corbaz  
Florence Dapples  
Rosendo Dial  
Robert Goble  
Paul Guerts  
Richard Kuuiire  
David Macharia  
Robert Mardini  
Yousoupha Ndiaye  
Amberg Paramarta  
Lisa Quirion  
Peter Severin  
Mark Shaw  
Andre Vallotton

**Ketua-ketua projek**

Isabel Hight  
Evaristo Oliviera



# PRAKATA

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC), bertindak berdasarkan mandat kemanusiaannya, mengadakan lawatan ke tempat tahanan dalam situasi berbeza untuk memantau keadaan dalam tahanan dan layanan yang diterima oleh tahanan. Lawatan ini, dilakukan dengan persetujuan dan kerjasama pihak berkuasa, bertujuan menjamin maruah serta integriti tahanan. Ini bermakna bahawa ICRC berusaha untuk memastikan tahanan hidup dalam keadaan yang baik dan sesuai serta dilayan secara berperikemanusiaan.

Sejak bertahun-tahun lalu, ICRC telah membina pengalaman dan pengetahuan yang mendalam mengenai pelbagai jenis tempat tahanan. Tanpa mengambil kira persekitaran yang berbeza di tempat tahanan ini, prosedur lawatan adalah tetap sama dan terdiri daripada: perbincangan sulit secara dua hala dengan pihak berkuasa, perbincangan peribadi dengan tahanan, lawatan ke semua bahagian penjara yang digunakan oleh tahanan, dan mengulangi lawatan ke atas tahanan. Cadangan kemudiannya dibuat berkaitan isu kemanusiaan yang membimbangkan dan pelbagai bentuk bantuan mungkin diberikan.

Pengalaman khusus berkaitan air, sanitasi, kebersihan dan persekitaran dalam penjara pertama kali diterbitkan pada 2005 dalam *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara* dan dikemaskini pada 2012. Pada 2009, satu pertemuan meja bulat peringkat antarabangsa telah diadakan untuk meneliti dan mempertimbangkan dengan lebih lanjut panduan yang diberikan dalam buku panduan itu berikutan perkembangan yang berlaku dalam bidang berkaitan. Penerbitan ini adalah hasil daripada pertemuan meja bulat tersebut, yang memberikan panduan praktikal tambahan kepada kakitangan ICRC dan orang lain yang bekerja di tempat tahanan serta mereka yang menangani keadaan pemenjaraan dan layanan terhadap tahanan.

# PENGENALAN

Pada 2012, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) mengemaskini buku panduan *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutaran dalam Penjara*, yang pertama kali diterbitkan pada 2005. Tujuan buku panduan itu adalah untuk mewujudkan satu platform bersama yang akan menyumbang kepada penambahbaikan keadaan dalam tahanan menerusi garis panduan untuk menilai keadaan dalam tahanan dan memahami kaitan antara air, sanitasi, kebersihan dan persekitaran.

Buku panduan itu mengandungi panduan praktikal mengenai aspek alam sekitar bagi tempat tinggal di penjara dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan. Biarpun panduan itu menumpukan kepada perincian teknikal, ia mengakui bahawa penyelesaian dan nasihat teknikal tidak boleh dipisahkan daripada aspek penting lain dalam persekitaran penjara, termasuk (tetapi tidak terhad kepada): bagaimana kemudahan penjara digunakan; jumlah masa yang diluangkan tahanan di kawasan terbuka di luar ruang tempat tinggal; dan akses kepada kemudahan kebersihan.

Buku panduan tersebut bertujuan mengisi jurang dalam panduan/maklumat yang diperolehi kakitangan ICRC, pihak berkuasa kebangsaan dan komuniti antarabangsa yang terlibat dalam menyediakan tempat tinggal untuk tahanan. Ia telah digunakan secara meluas untuk menilai dan menaksir infrastruktur penjara serta untuk menyediakan panduan dalam reka bentuk dan pembinaan baharu dan pemulihan tempat tinggal serta perkhidmatan sanitasi. Ia juga telah digunakan oleh pihak berkuasa kebangsaan sebagai rujukan ketika membangunkan garis panduan dan piawaian kebangsaan mereka sendiri. Tanpa diduga, dan disebabkan tiada piawaian antarabangsa yang terperinci, spesifikasi dan garis panduan dalam penerbitan itu telah dipetik secara meluas dan ada masanya tersilap dirujuk sebagai “piawaian”, terutamanya mengenai spesifikasi untuk ruang lantai bagi setiap orang.

Pada Oktober 2009, ICRC mengadakan persidangan meja bulat untuk mengambil kira perkembangan dalam pewujudan panduan antarabangsa sejak buku panduan itu pertama kali diterbitkan dan untuk mengambil kira isu-isu yang masih belum disentuh dalam buku panduan itu. Bagi perkara pertama, ia termasuk kemaskini terhadap Peraturan Penjara Eropah dan pengenalan piawaian melalui usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa Eropah untuk Pencegahan Penyeksaan. Bagi perkara kedua, ia termasuk pertimbangan tambahan terhadap hubung kait antara dasar, termasuk tujuan pemenjaraan, infrastruktur dan amalan pengurusan serta proses untuk merancang tempat tinggal yang baharu di penjara, penglibatan tahanan untuk menyelenggara loji dan peralatan serta keperluan wanita dan kanak-kanak. Semua isu ini sering dibangkitkan oleh pihak berkuasa kebangsaan dengan perwakilan ICRC.

Meja bulat itu berhasrat untuk membangunkan panduan yang lebih khusus mengenai:

- keperluan ruang tempat tinggal dalam keadaan normal dan kecemasan;
- pengukuran kadar penghunian;
- proses untuk merancang tempat tinggal penjara yang baharu;
- penglibatan tahanan dalam menyelenggara loji dan peralatan; dan
- keperluan khusus wanita dan anak-anak mereka.

Ia mengumpulkan pakar dari 18 negara, termasuk ketua eksekutif perkhidmatan penjara, pegawai dari ibu pejabat dan operasi, pakar penjara dalam situasi pasca-konflik, cendekiawan dan jurutera sektor swasta. Pengalaman dan latar belakang yang berbeza dalam kalangan peserta mencerminkan pelbagai bentuk persekitaran di mana program-program ICRC telah dilaksanakan. Penerbitan baharu ini menggambarkan pandangan yang terhasil daripada pertemuan meja bulat itu serta pandangan kakitangan ICRC yang berpengalaman dalam hal ini. Penerbitan ini perlu dibaca bersama-sama dengan buku panduan *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutaran dalam Penjara*. Ia merujuk secara terus kepada petikan serta ilustrasi yang terkandung di dalam buku panduan itu.

# **BAGAIMANA UNTUK MENGGUNAKAN GARIS PANDUANINI**

Garis panduan ini dihasilkan sebagai pelengkap kepada buku panduan *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutaran dalam Penjara*, dengan menyediakan maklumat tambahan dan spesifikasi-spesifikasi yang telah ditambahbaik, terutama berkaitan tempat tinggal yang ditemui dalam pelbagai jenis penjara di seluruh dunia.

Garis panduan ini berhasrat untuk meningkatkan pemahaman menyeluruh mengenai keadaan minimum yang perlu disediakan bagi menjamin supaya tahanan sentiasa ditempatkan di tempat tahanan yang memenuhi keperluan asas manusia. Selain itu, garis panduan ini juga dihasilkan secara menyeluruh untuk membolehkannya digunakan dalam pelbagai persekitaran.

Setiap isu ditangani dengan mempertimbangkan realiti sesuatu situasi dan apa yang dianggap sebagai amalan baik. Semua bab dalam panduan ini mengikut format berikut: "Realiti" diikuti dengan "Amalan baik dan implikasi operasi". Bahagian "Amalan baik dan implikasi operasi" cuba untuk meliputi sesetengah keadaan sebenar yang berkaitan dengan setiap topik. Bagaimanapun, memandangkan ICRC bekerja di 70 negara, sukar untuk menggambarkan realiti dan implikasi operasi dalam setiap persekitaran yang berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang sama: kebanyakan penjara berdepan kekurangan sumber dan tidak memiliki kapasiti kemudahan atau kewangan dan sumber manusia yang mencukupi, manakala yang lain mempunyai sumber yang lebih mencukupi tetapi kekurangan kepakaran teknikal yang diperlukan. Kebanyakan penjara berhadapan dengan pertambahan populasi yang kronik atau tidak berkala yang melebihi kapasiti reka bentuk penjara itu. Bagi persekitaran tempat tahanan yang mempunyai sumber yang sangat terhad, bukan semua panduan yang diberikan boleh digunakan. Bagi tempat yang lain pula, panduan ini adalah terlalu asas dan tindak balas yang lebih rumit mungkin diperlukan.

Seboleh-bolehnya, setiap bahagian dalam garis panduan ini ditulis untuk memberikan sebanyak mungkin maklumat penting supaya pembaca tidak perlu merujuk kepada bahagian lain. Oleh yang demikian, terdapat beberapa pengulangan maklumat.

Perlu diberi perhatian bahawa ilustrasi mengenai reka bentuk penjara yang berbeza tidak dikemukakan sebagai "piawai" atau reka bentuk unggul tetapi dilampirkan semata-mata untuk menunjukkan pelbagai jenis penyelesaian yang digunakan di negara-negara berbeza.

Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama buku panduan *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutaran dalam Penjara*, yang boleh didapati dalam bahasa Inggeris, Perancis, Cina dan Arab melalui laman web ICRC <http://www.icrc.org/eng/resources/documents/publication/p0823.htm>. Di mana yang sesuai, tajuk yang digunakan dalam dokumen ini adalah sama dengan tajuk yang terdapat dalam buku panduan berkenaan.

## **Senarai istilah**

**Penjara:** Sebarang tempat tahanan yang menempatkan orang sebelum perbicaraan atau yang sudah dijatuhkan hukuman dari mana-mana kelas atau kategori keselamatan. Ini meliputi semua penjara dengan semua peringkat keselamatan.

**Tahanan:** Mana-mana orang yang ditempatkan di tempat tahanan, termasuk mereka yang belum disabitkan kesalahan, individu yang menunggu atau sedang menjalani perbicaraan, mereka yang sudah didapati bersalah, sedang membuat rayuan dan yang sudah dijatuhkan hukuman.

**Rejim:** Rutin atau aturan yang digunakan di dalam penjara untuk menguruskan semua atau sebahagian daripada populasi tahanan. Ini termasuk waktu operasi, hak dan keistimewaan, perkhidmatan dan peluang yang tersedia kepada tahanan.

## **Singkatan**

**SMRs:** Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (1955)

(*United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners, 1955*)

**Buku panduan ICRC:** Buku panduan *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutaran dalam Penjara*, ICRC

# **1. SENI BINA SEBUAH PENJARA**

Bab ini menyentuh mengenai penyusunan fizikal dan susun atur sebuah penjara. Ia menerangkan rasional dan peranan fungsian bangunan yang diperlukan serta bagaimana ia perlu diuruskan dengan mengambil kira hubung kait antara fungsi yang berbeza.

Penjara mungkin sangat berbeza antara satu sama lain dari segi seni bina tetapi semuanya perlu memiliki rangkaian kemudahan dan perkhidmatan asas yang sama, direka untuk memenuhi keperluan material tahanan serta keperluan pihak pengurusan:

- bangunan-bangunan yang mempunyai bilik berpenghuni tunggal atau berpenghuni ramai di mana tahanan tidur;
- pemasangan sanitari untuk kebersihan diri: tandas dan bilik mandi;
- kemudahan tempat dobi untuk mencuci dan mengeringkan pakaian;
- kawasan terbuka, laman untuk senaman di luar bangunan dan padang sukan;
- dapur;
- kemudahan penjagaan kesihatan;
- bilik lawatan atau tempat-tempat lain di mana tahanan boleh bertemu dan keluarga mereka;
- bilik lawatan di mana tahanan boleh menerima nasihat guaman secara sulit;
- pejabat pentadbiran penjara;
- bilik(-bilik) sembahyang;
- bilik stor;
- bengkel (untuk digunakan oleh tahanan dan/atau kakitangan);
- kelas;
- bilik serba guna;
- perpustakaan;
- sistem air dan kumbahan;<sup>1</sup>
- tempat tinggal kakitangan dan perkhidmatan;<sup>2</sup>
- kawasan di mana tahanan mungkin diasingkan sementara untuk tujuan mengekalkan keadaan yang teratur dan disiplin.



Rajah 1 Contoh kawasan sebuah penjara dengan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan asas

<sup>1</sup> Disentuh dalam Bab 4 dan 5.

<sup>2</sup> Tempat tinggal mungkin disediakan untuk kakitangan dan keluarga mereka, terutamanya di negara-negara membangun. Biarpun perkara ini tidak disentuh secara khusus dalam penerbitan ini, perlu diberi perhatian bahawa tempat tinggal kakitangan harus mematuhi kod bangunan yang relevan ketika ia dibina dan perlu diselenggara dengan baik.

## Realiti

Penjara yang digunakan pada hari ini selalunya telah berusia dan dalam keadaan serba kekurangan. Kebanyakannya tidak mempunyai perkhidmatan dan kemudahan yang mencukupi. Ini mewujudkan cabaran besar dalam menyediakan keadaan pemenjaraan yang berperikemanusiaan selain melindungi pematuhan terhadap undang-undang, piawaian serta garis panduan kebangsaan dan antarabangsa yang boleh digunakan. Sesetengah penjara mempunyai blok tempat tinggal dengan hanya beberapa bangunan selain dari dapur dan kawasan pagar masuk. Kemudahan lawatan, klinik kesihatan, bengkel, kelas dan perkhidmatan lain yang diperlukan sama ada tidak disediakan atau sekiranya ia disediakan, tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan bilangan tahanan yang ditempatkan di penjara tersebut. Kawasan di dalam penjara selalunya tidak dizonkan dengan sebaiknya. Bangunan-bangunan mungkin digunakan tanpa mengambil kira penggunaan ruang yang berkesan dan selamat serta pergerakan orang dan kenderaan. Apabila populasi tahanan terus meningkat, ia menjadi perkara biasa di mana kelas, bengkel atau bangunan lain serta ruang di kawasan terbuka diubah untuk menyediakan tempat tinggal tambahan. Kemudahan yang dibina sebagai struktur sementara selalunya masih beroperasi beberapa tahun selepas itu walaupun ia berada dalam keadaan serba kekurangan. Keselamatan fizikal yang disediakan oleh infrastruktur berkenaan biasanya lemah.

Sesetengah kemudahan yang digunakan di penjara asalnya adalah dibina untuk tujuan lain, untuk kategori tahanan yang sangat berbeza berbanding tahanan yang ditempatkan pada kini atau untuk rejim yang sangat berlainan. Tujuan asal kemudahan itu adalah pelbagai, daripada menjadi rumah peribadi kepada tempat tinggal untuk pekerja, berek askar, hospital atau bangunan kerajaan yang lain. Sesetengahnya langsung tidak diubah dari segi struktur bangunan untuk disesuaikan dengan penggunaan terkini, dan biarpun ada perubahan yang dilakukan pada bangunan tersebut, kebanyakan kemudahan itu masih memberikan cabaran besar kepada pengurusan penjara, dari segi kesesuaianya sebagai penjara dan penyelenggaraan yang sentiasa perlu dijalankan.

Penjara yang dibina di kawasan luar bandar atau di pinggiran bandar kini dikelilingi pembangunan moden atau, sebaliknya, kini terletak di kawasan yang telah ditinggalkan oleh penduduk setempat disebabkan oleh kejatuhan industri berhampiran yang menjadi sumber pendapatan mereka. Dalam persekitaran selepas konflik berakhir, yang menyaksikan tempat tinggal di penjara telah dimusnahkan, mungkin terdapat tekanan untuk membina penjara yang baharu mengikut spesifikasi yang biasa digunakan oleh penderma luar dan penasihat jemputan tetapi tidak sesuai dengan situasi, adat atau budaya.

Keputusan oleh kerajaan untuk membina penjara baharu dan memperluaskan lagi kapasiti penjara sedia ada tidak semestinya dibuat berdasarkan kepada ketersediaan infrastruktur komuniti yang diperlukan atau disokong oleh dana yang mencukupi untuk pembinaan dan peralatan. Kekurangan dana selalunya menyebabkan kemudahan perkhidmatan penting tidak dibina. Peruntukan belanjawan untuk penyelenggaraan selalunya sama ada tidak mencukupi atau tiada langsung. Ini mengehadkan keupayaan pengurus penjara untuk memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa, mengurangkan keselamatan dan kawalan, mengurangkan keupayaan untuk meminimumkan kesan negatif pemenjaraan dan menghalang reintegrasi tahanan dalam komuniti secara berkesan.

## Amalan baik dan implikasi operasi

### A. PENGEZONAN

Di penjara yang direka dan diurus dengan baik, "pengezonan" diwujudkan, di mana fungsi dan aktiviti tertentu dijalankan dalam setiap zon ini. Pengezonan ini termasuk untuk reka bentuk penjara baharu dan juga aturan atau penyusunan semula penjara sedia ada. Membahagikan penjara mengikut zon membolehkan pergerakan tahanan secara selamat, terjamin dan lancar antara kawasan berbeza di dalam penjara. Pihak pengurusan penjara bertanggungjawab untuk menyusun rutin penjara bagi memastikan keberkesanan pergerakan di dalam dan di antara zon. Penggunaan zon, dan bangunan serta akses di dalam dan di antara zon perlu diterangkan dalam pelan atau strategi pengurusan.<sup>3</sup>

Pengezonan memudahkan pelaksanaan "hari berstruktur". Konsep "hari berstruktur" bertujuan meniru hari "normal" seperti di dunia luar dengan menyediakan pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan setiap tahanan pada mana-mana hari tertentu: kebersihan diri, kerja, pendidikan,

<sup>3</sup> Pelan atau strategi pengurusan menerangkan keseluruhan operasi di sebuah penjara. Perkara ini disentuh dalam Bab 2 bagi penjara baharu tetapi ia juga boleh digunakan untuk penjara sedia ada dan perlu menjadi dokumen rujukan utama untuk pengurusan sebuah penjara.

rekreasi dan berhubung dengan dunia luar melalui lawatan (guaman dan keluarga), panggilan telefon dan surat. Hari berstruktur diadakan untuk menyumbang kepada pemeliharaan keselamatan dan kawalan di dalam penjara selain membantu reintegrasi tahanan dalam komuniti secara berkesan.

Zon biasanya terbahagi kepada tiga kategori:

- zon tidak boleh dimasuki tahanan;
- zon yang boleh dimasuki tahanan secara terhad (dikawal);
- zon umum yang boleh dimasuki tahanan.

*“Zon tidak boleh dimasuki tahanan” termasuk kawasan yang digunakan oleh kakitangan serta pelawat dan akses kenderaan ke penjara.*

Bagi mengelak tahanan melarikan diri dan untuk memastikan kawalan di dalam penjara, mungkin terdapat satu atau lebih dinding atau tembok di sekitar bangunan(-bangunan) penjara. Tembok dalaman, biasanya dirujuk sebagai perimeter keselamatan dalaman, mengehadkan pergerakan antara zon dalaman penjara dan dinding/tembok perimeter luaran. Kawasan ini dirujuk sebagai “zon steril”. Zon steril diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan kawalan dengan cara tidak membenarkan tahanan akses ke kawasan berkenaan, sekaligus mengurangkan kemungkinan tahanan dapat meloloskan diri dengan cara memanjang tembok luaran atau keluar melalui pagar luar. Ia juga mengehadkan akses tahanan untuk menyeludup barang yang mungkin dibaling ke dalam kawasan penjara dari luar.

*“Zon yang boleh dimasuki tahanan secara terhad” membabitkan semua bangunan perkhidmatan (kemudahan perubatan dan kesihatan, tempat menyambut tetamu, bengkel, stor, dapur, kawasan lawatan dan sebagainya) yang hanya boleh dimasuki tahanan di bawah penyeliaan. Bengkel perlu dipisahkan daripada kawasan tempat tinggal dan ditempatkan di lokasi di mana bahan-bahan boleh dihantar atau dikirim secara cekap dan isu keselamatan dapat ditangani. Bahan-bahan dan peralatan boleh dihantar secara manual atau dengan kenderaan, bergantung kepada reka bentuk dan kekangan sumber serta pertimbangan keselamatan. Bengkel juga boleh disediakan hanya untuk kegunaan kakitangan dan ditempatkan secara bersinggungan. Penyediaan bengkel yang mencukupi adalah sesuatu yang baik supaya semua tahanan berpeluang melibatkan diri dalam kerja yang konstruktif atau latihan vokasional/berasaskan kerja atau pendidikan rasmi secara separuh atau sepenuh masa.*<sup>4,5</sup>



Rajah 2 Kemudahan kesihatan dan bilik perundingan



Fred Clarke /ICRC

Rajah 3 Kemudahan kesihatan dan makmalnya

<sup>4</sup> Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersama bagi Layanan terhadap Tahanan 1955 (SMRs): SMR 71(3) “Kerja yang secukupnya dan bermanfaat hendaklah diberikan bagi memastikan tahanan bekerja secara aktif pada hari kerja biasa.”

<sup>5</sup> SMR 71 (4) “Seberapa yang boleh, kerja yang diberikan hendaklah mengekalkan atau meningkatkan keupayaan tahanan untuk mencari rezeki secara jujur selepas dibebaskan.”

## Klinik kesihatan

Kemudahan kesihatan dan perubatan, termasuk dispensari, biasanya terletak berasingan dari tempat tinggal tahanan tetapi dalam kawasan yang mudah diakses dari tempat tinggal tahanan. Ia perlu diasingkan daripada kawasan perkhidmatan lain seperti bengkel, program dan tempat lawatan supaya tahanan boleh memasuki ruang kemudahan kesihatan biarpun ketika kakitangan berada di luar kawasan ini. Kemudahan itu harus mempunyai ruang menunggu terlindung yang membolehkan tahanan duduk, selain bilik temu bual dan rawatan di mana tahanan boleh ditemubual dan diperiksa secara peribadi. Kemudahan perubatan dan kesihatan perlu mempunyai ruang pejabat untuk kakitangan perubatan dan kesihatan selain kakitangan penjara. Persediaan juga perlu dibuat untuk penyimpanan rekod perubatan tahanan secara selamat dan sulit. Rekod perubatan tahanan dan rekod perubatan yang lain perlu disimpan secara berasingan daripada semua rekod lain kerana ia hanya boleh diakses oleh kakitangan perubatan sahaja, kecuali jika tahanan memberikan keizinan.



Laurent Meirhans / ICRC



Christoph von Jagdenburg / ICRC

Rajah 4 Dua contoh ruang lawatan tanpa bersentuhan

## Ruang lawatan tanpa bersentuhan

Lokasi spesifik ruang lawatan berbeza-beza mengikut infrastruktur penjara serta prinsip dan amalan dalam strategi pengurusan secara keseluruhan. Bagaimanapun, ruang lawatan biasanya terletak berhampiran dengan pagar hadapan bagi membolehkan kemasukan secara lancar dan mengehadkan kemasukan pelawat ke bahagian dalam kawasan penjara. Lawatan bersentuhan,<sup>6</sup> yang membolehkan pelawat dan tahanan bercakap secara terus dengan satu sama lain tanpa ada sebarang penghalang, seharusnya menjadi norma di penjara. Amalan yang baik memerlukan saiz dan bilangan kemudahan lawatan yang mencukupi bagi memastikan semua tahanan dapat menerima lawatan bersentuhan secara tetap bagi tempoh masa yang lebih lama. Ruang lawatan itu perlu mempunyai kawasan *lawatan bersentuhan* yang sesuai untuk lawatan keluarga serta lawatan guaman dan lawatan profesional yang lain. Ia perlu mempunyai kawasan yang membolehkan kanak-kanak bermain dengan selamat semasa ibu bapa mereka berbual. Jika boleh, kawasan menunggu, termasuk kawasan yang sesuai untuk kanak-kanak, perlu disediakan akses kepada tandas. Kemudahan tempat melawat dan menunggu perlu memberi perlindungan daripada elemen alam sekitar, yang bersesuaian dengan iklim tempatan. Jika tiada kemudahan lawatan yang khusus, satu kawasan terbuka berhampiran pagar penjara boleh ditetapkan sebagai lokasi melawat, dan kerusi atau tempat duduk lain disediakan di kawasan itu ketika waktu melawat. Tahanan yang berisiko rendah mungkin boleh diberikan kebenaran untuk menerima kunjungan betul-betul di luar pagar penjara.

Lawatan bersentuhan adalah bentuk lawatan yang paling biasa dan harus menjadi norma di semua penjara. Bagaimanapun, apabila *lawatan tanpa sentuhan*<sup>7</sup> dijangka, kedua-dua pelawat dan tahanan seharusnya boleh melihat antara satu sama lain dan keadaan di situ perlu memudahkan perbualan secara lisan. Lawatan tanpa sentuhan boleh digunakan sekiranya kedatangan pelawat ke penjara boleh menimbulkan ancaman keselamatan yang tertentu, sebagai contoh, jika pelawat diperhatikan cuba menyeludup dadah atau barang larangan lain kepada tahanan. Di bahagian tanpa sentuhan, tempat duduk perlu disediakan di kedua-dua bahagian skrin atau halangan. Tempat duduk perlu dipasang di bahagian pelawat di kawasan tanpa sentuhan untuk membolehkan kanak-kanak duduk pada ketinggian yang mencukupi untuk melihat tahanan. Ruang perlu disediakan di bahagian lawatan tanpa sentuhan di mana individu (sama ada tahanan atau pelawat) yang berkerusi roda dapat melihat dan bercakap dengan satu sama lain.

<sup>6</sup> Lawatan antara pelawat dan tahanan yang dibuat di kawasan terbuka di bawah penyeliaan dan membenarkan sentuhan fizikal yang terhad.

<sup>7</sup> Pelawat dan tahanan dipisahkan oleh halangan fizikal – jaring atau lapisan kaca lutsinar- dan bercakap menerusi bukaan kecil pada halangan atau menggunakan gagang telefon yang ringkas.

Telesidang adalah satu bentuk lawatan tanpa sentuhan yang semakin diterima oleh tahanan dan pelawat dalam sesetengah keadaan, contohnya, kedudukan penjara yang terlalu jauh dari keluarga menyebabkan mereka tidak dapat melawat secara kerap dan di penjara yang mempunyai persekitaran keselamatan yang ketat di mana prosedur keselamatannya adalah komprehensif. Telesidang terbukti diterima terutamanya jika penjara tersebut turut memberikan peluang untuk lawatan keluarga yang lebih meluas, walaupun tidak kerap, termasuk lawatan yang berlangsung selama beberapa hari.

Lawatan berkaitan undang-undang tidak boleh diadakan di tempat yang sama dengan lawatan keluarga memandangkan ia perlu dibuat secara sulit.



Rajah 5 Contoh sebuah perpustakaan



Rajah 6 Contoh sebuah kelas biasa

### Kemudahan kelas

*“Zon umum yang boleh dimasuki tahanan”* membabitkan kemudahan tempat tinggal dan tidur, rekreasi dan kawasan program (kelas dan kawasan bersukan). Kawasan program dan rekreasi perlu mudah dimasuki dari kawasan tempat tinggal dan perlu menyediakan ruang kerja untuk kakitangan. Bengkel, kelas, perpustakaan/bilik membaca dan bilik serba guna tertentu selalunya terletak berdekatan ruang lawatan bagi melancarkan kemasukan individu yang melawat penjara untuk mengadakan program atau menyampaikan perkhidmatan. Tandas perlu disediakan untuk kegunaan pelawat. Kawasan mencuci pakaian, kawasan bilik mandi dan tandas untuk tahanan perlu ditempatkan di dalam kawasan dan zon tempat tinggal.



Rajah 7 Contoh sebuah bengkel untuk latihan vokasional dengan pengurusan keselamatan yang baik.



Rajah 8 Contoh sebuah bengkel kayu



Rajah 9 Contoh latihan vokasional – tenunan

## Bengkel latihan vokasional



Fred Clarke/CRE



Franco Pagetti/ICRC

Rajah 10 Dua contoh kawasan terbuka – laman untuk senaman luar dan sukan

Jika sesebuah penjara menempatkan tahanan yang berbeza peringkat keselamatannya, reka bentuk bangunan itu perlu memastikan supaya semua tahanan boleh menggunakan kemudahan di zon umum bagi tahanan, tanpa mengira peringkat keselamatan mereka. Ini mempunyai implikasi terhadap lokasi-lokasi kemudahan yang terdapat di dalam kawasan penjara. Sebagai contoh, menempatkan kemudahan bersebelahan dengan pagar luar mungkin kurang sesuai sekiranya aturan keselamatan fizikal dan pengurusan di kawasan itu tidak cukup kukuh.

Kemudahan pentadbiran penjara perlu berada di dalam zon yang berasingan. Ia boleh ditempatkan di perimeter dalaman atau di luar pagar. Menempatkan pejabat di dalam kawasan penjara boleh meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai apa yang berlaku dan menggalakkan perhubungan yang lebih kerap antara kakitangan dan tahanan. Pejabat juga mungkin perlu ditempatkan di luar kawasan penjara tetapi dalam kes seperti itu, lebih baik sekiranya diwujudkan sebuah pejabat dalaman bagi kegunaan tetap pihak pengurusan untuk bertemu kakitangan dan menemubual tahanan.

## B. BANGUNAN

Penjara yang direka dengan baik mempunyai bangunan yang mencukupi untuk membolehkannya menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan bilangan tahanan mengikut reka bentuk asal, serta bilangan tahanan yang ditempatkan pada masa kini. Ini terpakai ke atas penjara yang mempunyai semua jenis tahap keselamatan: dari keselamatan maksimum dan tinggi ke terbuka atau rendah.<sup>8</sup> Bangunan-bangunan itu dan rangkaian perkhidmatan yang sepatutnya disediakan berdasarkan reka bentuk asalnya, seperti yang dinyatakan dalam bahagian mengenai "zon", perlu dipertimbangkan sebagai satu pakej untuk membantu pengurusan yang baik dan reintegrasi tahanan secara berkesan. Adalah menjadi satu hakikat yang diterima secara umum bahawa kejayaan reintegrasi bergantung sebahagiannya kepada peluang-peluang yang diberikan kepada tahanan sepanjang mereka berada di dalam penjara. Ketersediaan perkhidmatan yang ada sebahagian besarnya bergantung kepada kesesuaian bangunan itu dan kecekapan dalam penggunaannya. Bilik-bilik serba guna, termasuk yang tidak mempunyai dinding kukuh dalam iklim tropika, boleh dibina dan digunakan secara bersilih ganti sebagai kelas, ruang hobi atau ruang melawat.

Jika terdapat cadangan untuk membina bangunan tambahan di dalam kawasan penjara sedia ada (di atas kawasan sukan atau kawasan "kosong" lain), perancang perlu menilai impak bangunan yang dicadangkan itu terhadap bangunan-bangunan lain yang ada di dalam kawasan sama serta perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh disediakan. Sebagai contoh, pembinaan bangunan mungkin mengganggu aliran angin sehingga bangunan-bangunan yang sedia ada menjadi tidak selesa untuk didiami, terutama di kawasan beriklim panas dan lembap. Bangunan baharu juga mungkin mengurangkan cahaya semula jadi sehingga berada di bawah piawaian minimum.<sup>9</sup> Kegagalan untuk menentukan lokasi air bawah tanah dan infrastruktur kumbahan boleh menyebabkan bangunan baharu dibina di atas pemasangan tersebut, satu kesilapan yang akan melibatkan kos sangat tinggi. Bangunan yang dibina berhampiran dengan sesuatu perimeter mungkin tidak sesuai untuk tahanan dengan tahap keselamatan lebih tinggi, sekali gus menghalang akses mereka kepada perkhidmatan penting.

<sup>8</sup> SMR 63 (2) "Institusi tersebut tidak perlu menyediakan tahap kawalan keselamatan yang sama bagi setiap kumpulan. Sebaik-baiknya tahap kawalan keselamatan yang berbeza-beza disediakan mengikut risiko yang telah dinilai dan keperluan khusus tahanan. Institusi terbuka menyediakan keadaan paling baik bagi memulihkan tahanan yang dipilih dengan teliti, memandangkan institusi sedemikian tidak menyediakan kawalan keselamatan bagi mencegah tahanan melarikan diri tetapi bergantung kepada disiplin diri tahanan."

<sup>9</sup> SMR 11 (a) "Tingkap hendaklah cukup besar untuk membolehkan tahanan membaca atau bekerja dengan cahaya semula jadi, dan hendaklah dibina bagi membolehkan udara segar masuk sama ada sistem pengudaraan dipasang atau tidak."

### C. PERALATAN

Keselamatan fizikal boleh dilengkapkan dengan penyediaan peralatan mencukupi yang sesuai untuk persekitaran dan penggunaan kemudahan dengan baik, serta penempatan kakitangan yang sewajarnya. Kepelbagai dan kecanggihan peralatan berubah-ubah mengikut faktor-faktor seperti ketersediaan sumber, tahap keselamatan tahanan yang dijangka ditempatkan di situ dan strategi pengurusan secara keseluruhan.

*Pencahayaan* yang sesuai perlu dipasang di semua kawasan luaran, perimeter kawalan, koridor dan halaman dalaman serta di sekitar perimeter luaran penjara itu sendiri. Pencahayaan tidak boleh terlalu terang sehingga ia mengganggu tidur tahanan dan juga penduduk di sekitar kawasan penjara tetapi perlu cukup terang supaya orang dapat dilihat – tetapi tidak semestinya dikenal pasti – pada waktu malam. Sekiranya sumber mengizinkan, pencahayaan perlu dilengkapkan dengan lampu suluh berkekuatan industri yang boleh dipegang.

Alat *pemadam api* perlu dipasang dan semua kakitangan penjara perlu dilatih tentang cara penggunaannya. Latihan kebakaran perlu dijalankan secara kerap. *Program penyelenggaraan* secara rutin yang meliputi pemeriksaan dan membaiki semua peralatan perlu dibuat. Selain itu, sistem akauntabiliti terhadap peralatan semasa dan ketika pertukaran syif tugas juga perlu diwujudkan.<sup>10</sup> Sistem akauntabiliti boleh dibuat dalam bentuk rekod ringkas di buku nota, yang diperiksa secara rutin dan ditandatangani oleh pegawai kanan.

---

<sup>10</sup> Penyelenggaraan penjara disentuh dalam Bab 8.

## **2. PRINSIP-PRINSIP REKA BENTUK UMUM**

Bab ini berbincang tentang prinsip-prinsip umum yang mempengaruhi reka bentuk bangunan baharu di dalam dan bersebelahan dengan penjara sedia ada serta reka bentuk kemudahan baharu. Ia menyentuh mengenai prinsip-prinsip ini dalam konteks sebuah penjara yang beroperasi dengan berkesan dan melibatkan persoalan mengenai kos untuk membesarakan kapasiti penjara, penghasilan dan tujuan strategi pengurusan, lokasi penjara dan impak budaya serta iklim terhadap reka bentuk itu.

### **Realiti**

Pertambahan dalam penggunaan hukuman pemenjaraan di kebanyakan negara sejak 30 tahun lalu telah meletakkan beban yang amat besar kepada kemudahan sedia ada, yang kebanyakannya dibina sekurang-kurangnya 50 tahun lalu. Di kedua-dua negara membangun dan maju, corak peningkatan yang berterusan ini adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan orang yang dipenjarakan dan peningkatan tempoh purata penahanan bagi orang yang ditahan sementara menunggu perbicaraan dan mereka yang sudah dijatuhi hukuman. Sebagai tindak balas kepada peningkatan dalam permintaan ini dan keperluan untuk menggantikan bangunan yang sudah tidak sesuai lagi untuk digunakan, kemudahan baharu telah dibina.

Sesetengah penjara direka dengan baik dan dibina di lokasi yang sesuai namun terdapat penjara-penjara lain yang dibina tidak sesuai dengan persekitarannya serta tujuan penggunaannya. Pelan yang dibangunkan di sebuah negara atau berkaitan dengan kategori tahanan tertentu selalunya dicadangkan sebagai asas untuk pembinaan penjara baharu di negara lain atau dalam konteks yang berbeza. Pendekatan “salin dan tampal” ini mengakibatkan pembinaan bangunan penjara yang tidak sesuai dengan persekitaran tempatan, amalan pemulihan yang baik atau keperluan dan jangkaan tahanan atau keluarga mereka. Penjara yang direka dengan baik di sebuah negara, yang membolehkan pengurusan tahanan yang baik dan menyediakan persekitaran pemenjaraan yang sesuai, mungkin mewujudkan persekitaran yang tidak selamat dan tidak berperikemanusiaan apabila ia dipindahkan ke negara lain. Sesebuah penjara yang direka dengan baik untuk satu kategori keselamatan mungkin akan mengehadkan akses kepada orang dan perkhidmatan tanpa sebab jika ia digunakan bagi kategori keselamatan yang lain, seterusnya menghalang pemulihan.

Pengalaman telah menunjukkan bahawa jika aturan yang dimasukkan dalam reka bentuk penjara tidak dapat dilaksanakan, kakitangan dan tahanan akan mencipta dan melaksanakan penyelesaian sementara untuk mengatasi kekurangan yang ada, terutama yang berkaitan dengan pemanasan dan penyejukan (contohnya, menyekat atau memecahkan tingkap). Aturan ini selalunya tidak selamat. Aturan sementara mungkin diperkenalkan di kawasan penyediaan makanan dan masakan, pengurusan dan reka bentuk kemudahan lawatan, sel individu berbanding sel berpenghuni ramai, dan reka bentuk serta pengurusan klinik kesihatan/perubatan. Sebagai piawaian minimum, keadaan budaya, persekitaran dan iklim di setiap lokasi dan reka bentuk khusus yang mungkin perlu disesuaikan dengan keadaan tersebut harus diambil kira pada peringkat paling awal untuk reka bentuk dan perancangan yang baik.

Kebanyakan kerajaan sukar untuk memberikan keutamaan kepada pembinaan dan pemulihan penjara dan ini dapat dilihat berdasarkan keadaan bangunan dan lokasinya. Terdapat penjara yang dibina dengan ruang penahanan di bawah tanah, kawasan tempat tinggal tidak diterangi cahaya semula jadi pada siang hari dan penggunaan cahaya lampu secara berterusan sehingga menyebabkan perbezaan antara malam dan siang tidak dapat dikenalpasti. Bangunan menjadi usang dengan lebih pantas berbanding sepatutnya kerana penyelenggaraan secara rutin tidak dibuat dan ini memberikan kesan kepada tahanan dan kakitangan.

Kos kewangan adalah faktor yang kritikal di semua negara. Di negara-negara yang tidak dilimpahi dengan sumber yang banyak dan memiliki dana yang kecil untuk perkhidmatan awam, sumber yang terhad biasanya akan diperuntukkan untuk bangunan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penjara. Tuggakan yang berkos tinggi berkaitan kerja pembaikan akan semakin bertambah kerana perhatian berterusan tidak dapat diberikan kepada penyelenggaraan bangunan secara tetap dan untuk pencegahan. Keadaan ini boleh membebankan dana kerajaan. Penyelenggaraan pencegahan infrastruktur secara tetap adalah penting dan sebenarnya adalah lebih murah dalam jangka panjang. Penjara sedia ada biasanya diubahsuai dan dibesarkan secara tergesa-gesa, dengan menggunakan bahan kurang bermutu dan struktur baharunya gagal mematuhi amalan baik yang diiktiraf, terutama di kawasan pasca-konflik. Apa yang selalu berlaku adalah bahan api yang disediakan untuk memasak tidak mengikut reka bentuk ruang dapur.

Bukan sesuatu yang asing untuk melihat dapur yang tertutup dan dipenuhi asap. Ini kerana pada asalnya ia direka untuk digunakan dengan bahan api lain tetapi ini tidak lagi disediakan, sebaliknya digantikan dengan kayu, yang selalunya dalam keadaan basah.

Pelbagai kekurangan dalam kemudahan turut mencerminkan bahawa mereka yang bertanggungjawab untuk mengubahsuai penjara sedia ada atau merancang dan membina penjara baharu tidak mempunyai pemahaman yang jelas mengenai matlamat pemenjaraan. Ini menyebabkan pembinaan bangunan di mana perkhidmatan penting langsung tidak dapat disediakan atau hanya sebahagian sahaja yang dapat disediakan dan dalam keadaan yang sangat tidak cekap. Kecacatan dalam reka bentuk juga boleh berlaku disebabkan kebertanggungjawaban yang rendah semasa proses perancangan dalam kalangan kementerian kerajaan atau kelemahan dalam perundingan dan pengawasan oleh beberapa unit profesional yang berbeza. Ini berlaku terutamanya jika penyelarasian antara jabatan dalaman kerajaan adalah lemah.

## **Amalan baik dan implikasi operasi**

### **A. PERSOALAN MENGENAI KOS**

Peningkatan bilangan orang yang ditahan sementara menunggu perbicaraan atau yang sedang menjalani tempoh pemenjaraan, biasanya adalah hasil daripada keputusan politik, yang menakrifkan kesalahan dan menentukan sekatan-sekatan dan langkah-langkah yang ditetapkan, serta sistem mahkamah yang tidak berfungsi dengan baik. Ia bukan semata-mata akibat peningkatan kadar jenayah. Keputusan politik memberi kesan kepada akses tertuduh untuk mendapatkan nasihat undang-undang, menakrifkan kesalahan dan menentukan tindakan serta hukuman yang boleh atau harus dikenakan. Kapasiti penjara sedia ada mungkin perlu ditambah sebagai kesan yang logik akibat perkhidmatan perundangan yang tidak mencukupi, mencipta kesalahan-kesalahan baharu, meningkatkan hukuman minimum dan maksimum, mengehadkan akses kepada hukuman berdasarkan komuniti dan menjadikan penahanan sesuatu yang mandatori. Adalah penting untuk kerajaan melihat hubung kait antara kesemua ini. Kerajaan perlu berunding dengan pihak berkuasa penjara mengenai implikasi polisi perundangan dan perubahan belanjawan berkaitan pemenjaraan. Begitu juga, jabatan penjara mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan dan menasihati kerajaan mengenai kesan dasar undang-undang dan ketenteraman, terutamanya jika polisi dan perundangan yang berkaitan dengannya mungkin menyebabkan pertambahan populasi tahanan sehingga melebihi kapasiti sistem penjara tersebut dan menyebabkan peningkatan kos.

Apabila terdapat peningkatan dalam saiz populasi tahanan atau terdapat jangkaan bahawa jumlahnya akan bertambah secara berterusan sehingga bakal menyebabkan penjara tidak dapat memenuhi piawaian minimum untuk keselamatan dan perikemanusiaan, adalah wajar untuk pihak berkuasa penjara membuat pembentangan kepada kerajaan supaya jumlah keseluruhan tahanan dikurangkan melalui mekanisme yang mengeluarkan orang yang bakal dibicarkan dan mereka yang disabitkan kesalahan dari penjara. Mekanisme tersebut termasuk menyediakan khidmat nasihat mengenai akses kepada pelbagai bentuk jaminan, meneliti semula status tahanan dari segi perundangan, memudahkan permohonan untuk mengurangkan tempoh hukuman yang perlu dijalani sebelum dibebaskan, mengubah sebahagian hukuman pemenjaraan kepada pengawasan komuniti (*community supervision*) atau meringankan hukuman (sebagai contoh, melalui pengampunan). Mekanisma berdasarkan penjara perlu dilengkapi dengan perubahan dalam sistem pengadilan jenayah.

Mekanisme untuk mengurangkan bilangan tahanan mungkin tidak digemari atas faktor politik (dianggap tidak boleh diterima oleh orang awam atau tidak selari dengan landasan politik kerajaan) atau sebab-sebab teknikal yang lain (contohnya, kekurangan sistem untuk menyediakan sokongan dan pengawasan kepada tahanan yang dibebaskan). Dalam kes ini, pihak berkuasa penjara wajar memohon supaya kapasiti penjara dipertingkatkan melalui pertambahan kemudahan sedia ada atau penjara baharu dibina. Kata-kata hikmah iaitu “adalah mustahil untuk seseorang mencari jalan keluar daripada krisis kesesakan,” selalunya terbukti benar. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, penjara baharu diperlukan, sebagai contoh untuk menggantikan penjara yang sudah terlalu usang sehingga pengubahsuaiannya tidak mampu lagi menyediakan keadaan yang memuaskan untuk penahanan. Jika pertambahan kapasiti penjara dicadangkan, pegawai jabatan penjara bertanggungjawab untuk menasihati kerajaan sama ada belanjawan yang diperuntukkan mencukupi atau tidak bagi proses perancangan dan reka bentuk, pembinaan dan operasi yang sedang berjalan serta penyelenggaraan penjara itu. Amalan baik memerlukan persediaan awal belanjawan yang terperinci, belanjawan mencukupi yang telah ditetapkan ketika keputusan membina bangunan baharu dibuat, serta modal dan dana operasi yang berterusan. Kos tidak

boleh dijadikan alasan untuk mengubah reka bentuk penjara sehingga ia tidak memenuhi syarat minimum piawaian antarabangsa, keselamatan atau keperluan asas tahanan.

Terdapat sebilangan penderma yang menawarkan dana untuk pembinaan penjara. Langkah berwaspada perlu diambil oleh pembuat keputusan untuk tidak menerima sebarang syarat yang melibatkan penyelesaian yang tidak konsisten dengan budaya atau persekitaran tempatan serta/ atau di mana ketersediaan dan kemampuan untuk mendapatkan sumber dan bahan tempatan tidak diambil kira, seterusnya menjadikan penjara tersebut tidak mampan. Sebagai contoh, sekiranya alat-alat ganti tidak boleh didapati di dalam negara itu pada harga yang berpatutan, ia akan menyebabkan peralatan yang perlu dibaiki tidak dapat digunakan apabila ia rosak. Ini meliputi kenderaan, keselamatan dan peralatan operasi. Pendekatan yang paling sesuai adalah dengan mendapatkan penyelesaian di peringkat tempatan yang boleh diterima dan digunakan mengikut piawaian antarabangsa.

#### **B. STRATEGI PENGURUSAN DAN TUJUAN PENJARA**

Strategi pengurusan seharusnya mengemudi pembangunan keseluruhan bagi semua aspek dalam sesbuah penjara. Ia perlu disediakan sebelum sebarang pelan bangunan dihasilkan. Ia perlu menyediakan butiran yang mencukupi supaya pasukan reka bentuk mempunyai pemahaman jelas mengenai operasi harian yang diusulkan untuk penjara baharu atau penjara yang diperbesarkan itu. Satu strategi pengurusan juga perlu disediakan jika bangunan tersebut akan digunakan untuk tujuan selain yang telah ditetapkan pada asalnya atau jika terdapat sebarang perubahan operasi dalam penjara sedia ada, termasuk pemindahan bilangan tahanan dalam jumlah yang besar dari penjara-penjara sedia ada. Dokumen itu perlu mudah difahami, ringkas tetapi menyeluruh. Strategi tersebut perlu menetapkan:

- falsafah yang menyokong tujuan penjara itu;
- kaedah pengurusan tahanan yang akan digunakan; termasuk konsep keselamatan dan sistem-sistem sokongan;
- bilangan dan jenis tahanan;<sup>11</sup>
- rangkaian program dan aktiviti yang dicadangkan;
- waktu operasi;
- struktur pengurusan;
- nisbah kakitangan kepada tahanan;
- kemudahan yang diperlukan untuk kakitangan.

Maklumat ini perlu memberikan sokongan bagi reka bentuk bangunan dan kawasan tapaknya. Bentuk dan susun atur fizikal adalah berdasarkan jenis dan kepelbagaian bangunan, tujuannya, hubungan fungsian antara bangunan, dan aliran pergerakan tahanan, kakitangan dan sesiapa sahaja yang memasuki kawasan penjara (contohnya, pelawat, mereka yang menyediakan program, mereka yang bertanggungjawab dalam memindahkan tahanan dan barang, pekerja).

Strategi itu perlu dibangunkan oleh pasukan dengan pelbagai bidang yang diketuai oleh pengamal pengurusan penjara dan pakar polisi, termasuk pakar psikologi, pekerja sosial, profesional perubatan, pakar program penjara dan pekerjaan tahanan, jurutera/arkitek dengan kepakaran dalam reka bentuk penjara, pakar keselamatan penjara dan lain-lain. Selalunya jabatan bangunan atau unit seumpamanya bertanggungjawab untuk membangunkan strategi tersebut biarpun ia mempunyai sedikit sahaja atau tiada langsung pengetahuan mengenai operasi penjara yang baik. Ketua kumpulan itu perlu terdiri daripada kakitangan kanan jabatan penjara dan kumpulan itu perlu menghantar laporan kepada ketua jabatan dan menteri kerajaan yang bertanggungjawab ke atas jabatan penjara. Sebuah jawatankuasa pemandu di peringkat menteri boleh ditubuhkan untuk tujuan ini, terutamanya apabila beberapa jabatan berbeza terlibat, walaupun tanggungjawab untuk meluluskan strategi pengurusan perlu kekal di bawah jabatan penjara. Ahli kumpulan perlu mempunyai pengetahuan mengenai peruntukan dan penggunaan instrumen antarabangsa yang berkaitan.<sup>12</sup> Mereka juga perlu tahu mengenai peruntukan perundangan kebangsaan dan peraturan-peraturan pihak berkuasa tempatan. Kumpulan itu perlu mengambil kira belanjawan dan tujuan penjara berhubung dengan penjara-penjara sedia ada serta hasrat kerajaan berkenaan penggunaan penjara tersebut. Sekiranya terdapat delegasi ICRC di negara tersebut, ia mungkin dapat memberi nasihat pakar dalam bidang ini.

<sup>11</sup> SMR 63 (3) "Sebaik-baiknya bilangan tahanan di institusi tertutup tidak begitu besar sehingga menghalang tahanan mendapatkan layanan secara individu. Di sesetengah negara, bilangan penghuni institusi sedemikian dianggap tidak harus melebihi 500 orang." Di negara-negara lain, piawaian sama diguna pakai untuk setiap unit penempatan di dalam kompleks penjara yang sangat besar atau dalam sesetengah kes di beberapa institusi dalam kawasan perimeter atau estet yang sama.

<sup>12</sup> Termasuk Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (1955), Kumpulan Prinsip-prinsip bagi Perlindungan Semua Orang yang Berada di bawah Segala Bentuk Penahanan atau Pemenjaraan (1988) dan Prinsip Asas bagi Layanan terhadap Tahanan (1990).

### C. PERTIMBANGAN BUDAYA

Budaya tempatan adalah faktor asas yang harus diambil kira dan tidak ditafsirkan secara salah. Reka bentuk bangunan perlu mencerminkan kecenderungan dan norma tingkah laku dalam budaya tersebut. Sebagai contoh, Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SMR) menyatakan bahawa tempat tinggal dalam bentuk sel individu adalah sesuatu yang standard.<sup>13</sup> Bagaimanapun, dalam sesetengah budaya tempat tinggal dalam bentuk sel individu dianggap sebagai tidak sesuai dan malah dianggap sebagai hukuman. Mungkin terdapat kecenderungan dari segi budaya untuk berkongsi tempat tinggal. Dalam persekitaran sebegini, sel berpenghuni ramai perlu dibina dalam beberapa saiz berbeza (dapat menempatkan antara 2 hingga 50 orang). Sel individu boleh disediakan dalam bilangan yang kecil untuk membolehkan pengasingan tahanan dalam keadaan yang luar biasa. Pilihan untuk berkongsi tempat tinggal tidak boleh sama sekali digunakan untuk menggambarkan pilihan terhadap kepadatan penempatan komuniti atau digunakan untuk mewajarkan penahanan dalam keadaan yang sesak.

Konsep ‘privasi’ berubah-ubah antara budaya yang berlainan dan mengikut kepadatan populasi. Konsep privasi dalam budaya tertentu atau ciri-ciri keadaan tempat tinggal yang sesak dalam sesebuah komuniti tempatan tidak boleh digunakan untuk mewajarkan pengurangan ruang tempat tinggal minimum yang telah ditetapkan ( $3.4\text{ m}^2$ ) untuk setiap tahanan. Selain itu, keperluan dan manfaat privasi tidak seharusnya dicampur adukkan dengan penggunaan kurungan persendirian atas sebab keselamatan (lihat Bab 3).

### D. PERTIMBANGAN IKLIM

Bahan yang digunakan untuk pembinaan penjara dan penyelenggaraan perlu sesuai dengan iklim tempatan. Perkakas yang dipilih untuk digunakan dalam iklim tertentu juga perlu dipastikan dapat bertahan dalam keadaan cuaca yang lazim. Bahan-bahan dan peralatan yang direka untuk berfungsi dalam iklim sederhana mungkin tidak berfungsi seperti yang sepatutnya jika digunakan dalam persekitaran dengan suhu yang lebih ekstrem, ribut pasir atau hujan tropika yang kerap. Ini terutamanya melibatkan barang elektronik yang mungkin tidak direka untuk bertahan daripada tiupan angin gurun berpasir yang kuat. Kakisan logam pula merupakan masalah yang lebih besar di kawasan pantai beriklim tropika dan sub-tropika.

Reka bentuk sistem pemanasan dan penyejukan juga perlu mengambil kira keadaan iklim tempatan dan mencerminkan pengetahuan setempat bagi kawasan tertentu. Reka bentuk penjara yang akan dibina di kawasan tropika perlu mengambil kira haba dan kelembapan di wilayah itu, serta keperluan untuk laluan angin bertentangan, yang mungkin tidak dimasukkan atau digambarkan dalam pelan untuk penjara yang dibina di kawasan iklim sederhana. Penjara yang dibina di kawasan gurun perlu mengambil kira suhu ekstrem dan menyediakan kedua-dua sistem pemanasan serta penyejukan.

Apabila aturan pemanasan sudah dimasukkan ke dalam reka bentuk penjara, adalah penting untuk memastikan sistem itu sesuai untuk keadaan yang ada. Sistem pemanasan perlu menggunakan bahan api yang boleh diperolehi secara tetap pada kos yang berpatutan. Sistem berdasarkan minyak atau elektrik tidak akan berfungsi jika bahan api tersebut tidak boleh didapati secara tetap atau harganya tidak berpatutan.

Kawasan senaman terbuka perlu disesuaikan dengan persekitaran. Dalam iklim panas, teduhan perlu disediakan untuk melindungi tahanan daripada panas matahari. Di negara panas dan lembap, kawasan berbumbung yang dilengkapi dengan sistem saliran yang baik perlu disediakan untuk membolehkannya digunakan ketika hujan lebat dan musim monsun. Dalam iklim sejuk, kawasan senaman perlu dilindungi daripada angin dan hujan.

Biarpun reka bentuk penjara mungkin diilhamkan daripada reka bentuk penjara dari rantau lain, langkah berhati-hati perlu diambil untuk memastikan keadaan iklim tempatan diberi pertimbangan.

<sup>13</sup> SMR 9 (1) “Jika tempat tidur ialah sel atau bilik berasingan, maka setiap tahanan hendaklah menghuni sel atau biliknya sendiri pada waktu malam. Jika atas sebab tertentu, seperti kesesakan sementara, maka pentadbiran penjara pusat perlu membuat pengecualian terhadap peraturan ini, adalah tidak sesuai untuk menempatkan dua tahanan di dalam sebuah sel atau bilik.”



Florence Dapples/ICRC

**Rajah 11 Contoh sistem pengudaraan bumbung yang ringkas membenarkan penyedutan keluar udara panas dan lembap**

#### **E. ALIRAN KAKITANGAN, TAHANAN DAN KENDERAAN DI DALAM PENJARA**

Aliran trafik di sesebuah penjara menyumbang kepada pengurusan penjara yang baik dan cekap. Aliran itu perlu memberikan tahanan akses mudah kepada perkhidmatan kesihatan, bahagian lawatan, ruang kerja dan program, ruang senaman terbuka serta perkhidmatan lain. Ia perlu dihitung berdasarkan bilangan keseluruhan tahanan dan kakitangan dalam institusi tersebut dan menggambarkan cara bagaimana penjara itu seharusnya beroperasi, seperti yang diterangkan dalam strategi pengurusannya.

Sama ada penjara sedia ada perlu diubahsuai atau penjara baharu dibina, perancang-perancang perlu dinasihatkan mengenai rejim penyeliaan yang dicadangkan dan memastikan rekaan itu menyokong pendekatan yang ingin digunakan pihak pengurusan. Model penyeliaan secara langsung memerlukan pejabat kakitangan untuk ditempatkan di dalam blok tempat tinggal yang menjamin keselamatan kakitangan serta akses kepada tahanan. Strategi pengurusan yang mengkehendaki tahanan untuk bekerja pada hari normal (6-8 jam), menerima lawatan sekurang-kurangnya sekali seminggu, bersenam setiap hari, menghadiri program pemulihan dan sebagainya, perlu menerangkan mengenai aturan aliran trafik yang membenarkan ramai tahanan bergerak dalam kawasan penjara pada masa yang sama. Koridor hendaklah membolehkan pergerakan tahanan dan kakitangan dengan lancar. Koridor sempit yang hanya membolehkan sebilangan kecil tahanan untuk bergerak antara dua lokasi akan menyebabkan akses terhad kepada perkhidmatan.


Ciri-ciri reka bentuk yang membolehkan akses lebih lancar untuk tahanan dan kakitangan di seluruh penjara menyumbang kepada keselamatan dan kawalan penjara dengan mengurangkan potensi kekacauan yang berlaku apabila timbul rasa kecewa yang berterusan dalam kalangan kakitangan dan tahanan terhadap reka bentuk fizikal penjara.

Peruntukan perlu dibuat untuk trafik kenderaan yang memerlukan akses ke pusat penghantaran dan pungutan, termasuk pengiring tahanan, dapur dan bengkel, pengumpulan sisa, penyelenggaraan dan respons kecemasan (contohnya ambulans, bomba). Zon kenderaan perlu diasingkan daripada kawasan trafik tahanan. Ia perlu menyediakan satu laluan masuk dan satu laluan keluar namun menyediakan ruang membekok untuk kenderaan. Reka bentuk itu perlu menyediakan *sally-port* bagi membenarkan kenderaan diperiksa dalam kawasan yang tertutup dan berperanan sebagai penghalang bagi cubaan melarikan diri. Di kebanyakan lokasi, kenderaan tidak dapat memasuki penjara. Dalam keadaan seperti itu, bahan perlu dihantar dan sisa dikutip dengan menggunakan kereta angkut secara manual (tong sampah, troli, kereta sorong dan sebagainya) di kawasan di luar tembok penjara.

## F. PENYELENGGARAAN

Adalah penting untuk semua yang bertanggungjawab dalam mengurus, merancang dan/atau membina penjara, untuk memahami sepenuhnya keperluan bagi penyelenggaraan secara berterusan. Mereka perlu mempertimbangkan ketersediaan bahan, peralatan dan kemahiran teknikal serta menyediakan belanjawan penyelenggaraan yang termasuk peruntukan untuk tahun pertama operasi penjara. Secara ringkasnya, perancang-perancang perlu membuat reka bentuk penjara yang boleh diselenggara tanpa kesukaran luar biasa dan bukannya sebuah penjara yang menggunakan peralatan, bahan dan pengetahuan teknikal yang tidak boleh didapati di peringkat tempatan atau harga tidak berpatutan. Bab 8 menyentuh mengenai penyelenggaraan dengan lebih mendalam.

### Kemudahan penyelenggaraan



Rajah 12 Operasi dan penyelenggaraan – gambar rajah menunjukkan kepelbagaiannya perkhidmatan infrastruktur yang diperlukan



# **3. KUARTERS TEMPAT TINGGAL DAN KAPASITI**

Bab ini menyentuh mengenai ruang tempat tinggal yang diperlukan oleh setiap tahanan dalam keadaan normal, keperluan dalam keadaan kecemasan dan keseluruhan ruang yang diperlukan untuk setiap orang. Ia mengandungi perbincangan mengenai pelbagai unsur dan faktor lain yang perlu dipertimbangkan ketika menilai keperluan ruang. Istilah teknikal yang selalu digunakan berkaitan penghunian ditakrifkan dan pelaksanaannya diterangkan.

## A. RUANG TEMPAT TINGGAL BAGI SETIAP ORANG DALAM KEADAAN NORMAL

### Realiti

Tahanan hidup dalam persekitaran yang berbeza-beza, bermula daripada tinggal bersendirian di dalam sel individu kepada tinggal di dalam sel berkongsi, bilik yang dikongsi bersama beberapa orang lagi dan di dalam dormitori bersama-sama bilangan tahanan yang ramai. Walaupun sesetengah penjara mempunyai ruang yang cukup untuk tahanan, malangnya ruang tempat tinggal tahanan kebiasaannya terlalu sesak di kebanyakan penjara.

Pada satu hujung skala ialah sel, bilik dan dormitori yang tidak mempunyai perabot dan tahanan membentangkan tikar atau bahan lain (sekiranya ada) untuk tidur. Dalam kebanyakan penjara seperti itu, ruang lantai yang tersedia tidak mencukupi untuk semua tahanan berbaring pada satu masa yang sama dan mereka perlu mengambil giliran. Sekiranya tempat tidur disediakan, ia mungkin ditempatkan secara satu tingkat atau beberapa tingkat dalam bentuk katil dua atau tiga tingkat. Ruang tempat tinggal mungkin juga digunakan untuk memasak, mencuci dan bekerja (contohnya mesin penenun) kerana tidak ada ruang berasingan untuk acara dan aktiviti berbeza. Kekurangan kemudahan berasingan mungkin berlaku kerana bangunan(-bangunan) yang digunakan sebagai penjara itu pada asalnya direka untuk tujuan lain atau untuk dikendalikan sebagai penjara yang mempunyai tujuan atau rejim yang sangat berbeza.

Pada hujung skala yang lain, tahanan ditempatkan sama ada di dalam sel individu yang mempunyai katil, rak, tandas, bilik mandi dan sinki ataupun bilik yang mempunyai dua atau ramai penghuni serta dormitori yang mempunyai katil dan rak dengan tandas dan bilik mandi berasingan di dalam kawasan tempat tinggal. Tahanan mempunyai ruang yang cukup untuk bergerak dan untuk menyimpan barang-barang peribadi serta pakaian.

Dalam sesetengah penjara, tahanan dari kategori yang berbeza diperuntukkan tempat tinggal yang mempunyai piawaian berbeza. Ada kalanya perkara ini mencerminkan beberapa sebab termasuk diskriminasi sosial atau amalan yang korup.

Tidak ada piawaian sejagat untuk ruang tempat tinggal tahanan.<sup>14</sup> Bagaimanapun, sesetengah organisasi dan forum telah membuat cadangan-cadangan yang memberi kesan terhadap pelbagai kumpulan negara berbeza, contohnya:

Pengisytiharan Kampala mengenai Keadaan Penjara di Afrika 1996 menyatakan tahanan “perlu mempunyai keadaan kehidupan yang bersesuaian dengan marauh manusia” dan keadaan di mana tahanan dikurung “tidak sepatutnya memburukkan lagi kesengsaraan yang telah pun diakibatkan oleh kehilangan kebebasan.”<sup>15</sup>

Prinsip XII dalam Suruhanjaya Inter-Amerika mengenai Hak Asasi Manusia (IACMR), Resolusi 1/108, Prinsip-prinsip dan Amalan Terbaik mengenai Perlindungan Orang yang Dilucutkan Kebebasan di Amerika, menyatakan bahawa “orang yang dilucutkan kebebasan hendaklah diberikan ruang lantai yang mencukupi, pendedahan kepada cahaya semula jadi pada setiap hari, pengudaraan yang baik serta pemanasan, berdasarkan keadaan iklim tempat mereka dilucutkan kebebasan. Mereka hendaklah disediakan dengan tempat tidur yang berasingan, pakaian tidur yang sesuai, dan semua keadaan lain yang amat diperlukan untuk berehat pada waktu malam.”<sup>16</sup>

<sup>14</sup> SMR 10 “Semua kemudahan yang disediakan untuk kegunaan tahanan dan terutamanya semua tempat tidur hendaklah memenuhi segala keperluan kesihatan, dengan perhatian sewajarnya diberikan kepada keadaan iklim dan terutamanya kandungan udara bagi setiap ukuran padu, ruang lantai minimum, pencahayaan, pemanasan dan pengudaraan.”

<sup>15</sup> University of Pretoria, South Africa, Centre for Human Rights, [http://www.chr.up.ac.za/hr\\_docs/african/docs/other/other15.doc](http://www.chr.up.ac.za/hr_docs/african/docs/other/other15.doc) and ICPS Report Minimum space requirement in prison systems, 2010.

<sup>16</sup> *Ibid.*

Disebabkan tiada piawaian sejagat, piawaian kebangsaan telah dihasilkan oleh banyak negara tetapi perbezaannya sangat luas. Sebagai contoh, julat piawaian di Eropah adalah antara  $4\text{ m}^2$  di Albania dan  $12\text{ m}^2$  di Switzerland. Sesetengah bidang kuasa menetapkan ruang yang lebih luas untuk tahanan yang menunggu perbicaraan. Ada pula yang menetapkan keperluan ruang yang lebih besar untuk wanita (misalnya, Iceland, Poland dan Slovenia), manakala ada yang masih membezakan antara dewasa dan juvana (sebagai contoh, Hungary dan Latvia).<sup>17</sup>

Di Amerika Selatan, Chile menetapkan  $6\text{ m}^2$ , yang termasuk satu katil bujang, satu bilik mandi, satu sinki, satu meja dan satu rak. Di Guatemala, terdapat tiga jenis sel: sel individu berukuran  $11.52\text{ m}^2$ , sel untuk tiga orang berukuran  $20.68\text{ m}^2$  dengan purata  $6.98\text{ m}^2$  bagi setiap orang, dan sel kelompok untuk 37 tahanan berukuran  $276.35\text{ m}^2$  dengan purata  $7.46\text{ m}^2$  untuk setiap orang. Ukuran ini turut termasuk ruang tandas dan bilik mandi. Keperluan bagi penyediaan ruang minimum ini tidak termaktub dalam undang-undang atau peraturan-peraturan.

Di Afrika, tempat tinggal dormitori adalah satu kebiasaan. Di Kenya, keperluan ruang minimumnya adalah 40 kaki persegi ( $3.7\text{ m}^2$ ) untuk setiap tahanan. Di Senegal, tiada ruang minimum ditetapkan tetapi satu kajian dalaman menunjukkan purata ruang lantainya adalah  $3.55\text{ m}^2$  untuk setiap orang, kapasiti kubiknya adalah  $5\text{ m}^3$ . Di Mauritius, keperluan bagi ruang per kapita adalah  $8.75\text{ m}^2$  dalam sel individu,  $4.08\text{ m}^2$  dalam dormitori untuk 20 orang dan  $5.58\text{ m}^2$  di wad hospital.

Hakikatnya, di kebanyakan negara membangun, keperluan ruang masih belum ditetapkan. Di tempat-tempat di mana piawaian minimumnya sudah ditetapkan, ia sering tidak dipatuhi akibat peningkatan populasi penjara.



Carter Goble Lee



Annick Bouvier / ICRC

Sel individu




Carter Goble Lee



Annick Bouvier / ICRC

Sel dua katil

<sup>17</sup> R. Walmsley, *Prison Populations in Europe and North America*, HEUNI Paper No. 10, Helsinki, 1997.



Rajah 13 Dormitori – pemasangan katil bertingkat untuk mengoptimumkan penggunaan ruang yang ada



Rajah 14 Dormitori biasa tanpa ruang mencukupi untuk setiap orang

Persatuan Pemulihan Amerika telah menerbitkan Piawaian untuk Institusi Pemulihan Dewasa, yang menetapkan peruntukan ruang - dari segi ruang tidak dihalang - untuk sel individu ( $35 \text{ kps}/3.25 \text{ m}^2$ ) dan sel berpenghuni ramai ( $25 \text{ kps}/2.32 \text{ m}^2$ ).<sup>18</sup> Banyak bidang kuasa yang merujuk kepada pembolehubah lain sebagai faktor yang relevan dalam menentukan ruang yang mencukupi, seperti tempoh jam pengurungan setiap hari dan tahap penyeliaan. Di Australia, negeri Victoria menetapkan  $8.75 \text{ m}^2$  untuk sel individu lengkap dengan bilik mandi dan tandas,  $6.5 \text{ m}^2$  untuk sel individu tanpa kemudahan bilik air atau tandas dan  $12 \text{ m}^2$  untuk reka bentuk yang dibina bagi sel berkembar.<sup>19</sup>

Peraturan Penjara Eropah (EPR) tidak menetapkan keperluan ruang minimum. Bagaimanapun, bahagian Ulasan pada EPR merujuk kepada Jawatankuasa Eropah untuk Pencegahan Penyeksaan (CPT).<sup>20</sup> CPT menganggap “*satu keperluan minimum mutlak iaitu keluasan 4 meter persegi untuk tahanan yang berkongsi tempat tinggal dan 6 meter persegi dalam satu sel individu*” perlu digunakan dalam semua keadaan tetapi menjelaskan bahawa nilai minimum dalam keadaan keadaan tertentu mungkin lebih besar, bergantung “*kepada kualiti ruang dan jumlah masa yang diluangkan tahanan di dalam sel mereka*.”<sup>21</sup> Ulasan itu menambah “*walaupun CPT tidak pernah secara langsung menetapkan norma tersebut, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ia menganggap 9 hingga 10 m<sup>2</sup> sebagai saiz yang diingini untuk sel bagi seorang tahanan.*”<sup>22</sup>

### Spesifikasi teknikal

Berikutnya tiada piawaian sejagat, ICRC, berdasarkan pengalamannya di banyak negara dalam tempoh lebih 60 tahun, telah membangunkan spesifikasi berkaitan keperluan ruang. Perkara ini diperincikan dalam buku panduan *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara* dan diperhalusi lagi dalam bahagian ini.

ICRC tidak menetapkan piawaian minimum. Sebaliknya, ia menetapkan **spesifikasi yang disyorkan** berdasarkan pengalamannya. Penggunaan spesifikasi ini bergantung kepada situasi sebenar dalam konteks tertentu. Pada masa yang sama, ICRC berharap spesifikasi yang disyorkan ini tidak akan digunakan untuk mengurangkan peruntukan ruang yang lebih besar kepada tahanan.

ICRC telah membuat pengiraan ruang yang diperlukan untuk tidur di atas katil sebagai  $1.6 \text{ m}^2$  dan ruang tandas dan bilik mandi sebagai  $1.2 \text{ m}^2$ . Ia mengesyorkan spesifikasi berikut sebagai ruang minimum yang diperlukan supaya tahanan dapat tidur tanpa gangguan, menyimpan barang peribadi serta bergerak bebas. Ini tidak termasuk ruang untuk tandas dan bilik mandi. Spesifikasi asal adalah  $3.4 - 5.4 \text{ m}^2/\text{setiap orang}$ . Bagaimanapun, Perbincangan Meja Bulat mendapati adalah lebih baik untuk menetapkan ruang minimum bagi tempat tinggal sel individu dan tempat tinggal berkelompok sebagai titik permulaan bagi sebarang penilaian berhubung keperluan ruang.

<sup>18</sup> “Ruang tidak terhalang adalah ruang yang boleh digunakan dan tidak terhalang oleh perabot atau lekapan...” American Correctional Association, *Adult Correctional Institutions, Fourth Edition*, 2003, p. 36.



<sup>19</sup> Australian Prison Design Standards, Correctional Services Administrators Council, 2005.

<sup>20</sup> Council of Europe, *Commentary to Recommendation Rec(2005) of the Committee of Ministers to Member States on the European Prison Rules*, Council of Europe, Strasbourg, 2005.

<sup>21</sup> Dirk van Zyl Smit and Sonja Snacken, *Principles of European Prison Law and Policy*, Oxford University Press, 2009, p. 132.



<sup>22</sup> Council of Europe, *Commentary to Recommendation Rec(2005) of the Committee of Ministers to Member States on the European Prison Rules*, Council of Europe, Strasbourg, 2005; comments on Rule 18.

→ Tempat tinggal sel individu: **5.4 m<sup>2</sup>** bagi setiap orang<sup>23</sup>



- Penghunian tunggal
- 5.4 m<sup>2</sup>
- Tidak termasuk kemudahan tandas

→ Tempat tinggal berkongsi atau dormitori : **3.4 m<sup>2</sup>** bagi setiap orang, termasuk jika katil bertingkat digunakan



- Penghunian berkelompok
- 10 tahanan
- 3.4 m<sup>2</sup> bagi setiap tahanan (jumlah ruang: 34 m<sup>2</sup>)
- Termasuk kemudahan tandas

**PENTING:** Angka-angka ini adalah spesifikasi minimum yang disyorkan. Ia bukan merupakan piawaian.

#### KATIL BERTINGKAT

Tidak ada dokumentasi yang mencukupi mengenai bagaimana untuk membuat pengiraan keperluan ruang per kapita apabila katil bertingkat dipasang. Bagaimanapun, tujuan utama penggunaan katil bertingkat adalah untuk memaksimumkan ruang lantai terbuka bagi kegunaan tahanan. Menggunakan asas ini, keperluan ruang boleh dihitung menggunakan angka minimum 3.4 m<sup>2</sup> bagi setiap orang (termasuk 1.6 m<sup>2</sup> ruang tidur) di tempat tinggal berkongsi.

Di dalam sel yang dikongsi empat orang dan menggunakan katil bujang, sel itu perlu berukuran  $13.6 \text{ m}^2$  ( $3.4 \text{ m}^2$  bagi setiap orang  $\times 4$ , termasuk  $1.6 \text{ m}^2$  untuk setiap katil). Di dalam sel yang dikongsi empat orang di mana dua katil dua tingkat digunakan, sel itu akan berukuran  $10.4 \text{ m}^2$ . Pengiraan itu dibuat dengan menolak ruang untuk dua katil bujang ( $1.6 \text{ m}^2 \times 2$ ), yang dijimatkan dengan penggunaan katil dua tingkat, daripada jumlah keluasan yang diperlukan oleh empat orang yang tidur atas katil bujang ( $13.6 \text{ m}^2$ ). Biarpun katil bertingkat mengambil ruang yang lebih kecil di dalam keseluruhan sel, dalam kedua-dua kes di atas, ruang lantai terbuka untuk empat orang adalah sama selepas ditolak dengan ruang katil, iaitu  $7.2 \text{ m}^2$ .

**PENTING:** Angka-angka ini adalah spesifikasi minimum yang disyorkan. Ia bukan merupakan piawaiyan.

Peruntukan khusus bagi ruang adalah kaedah ringkas yang menarik untuk pengamal dan membuat dasar. Bagaimanapun, secara praktikalnya, jumlah ruang yang diperlukan oleh tahanan tidak boleh dinilai hanya berdasarkan ukuran sesuatu kawasan yang khusus. Beberapa faktor lain turut menyumbang kepada penilaian keperluan ruang, termasuk faktor pengurusan dan kemudahan serta perkhidmatan yang ada di dalam penjara. Pendekatan menyeluruh ini memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai realiti yang dihadapi tahanan dan kakitangan. Ia digunakan untuk menekankan hakikat bahawa semua aspek mengenai ruang dan penggunaannya adalah saling berkaitan dan perubahan dalam satu faktor akan memberi kesan kepada faktor-faktor lain serta kualiti pengalaman setiap tahanan di penjara.

**Faktor-faktor lain yang relevan untuk menentukan ruang yang diperlukan Seperti yang telah dinyatakan, ruang itu sendiri merupakan ukuran yang terhad bagi kualiti kehidupan dan keadaan tempat tahanan.** Oleh itu, ia hanyalah titik permulaan ketika menilai keadaan di mana tahanan dikurung. Norma ruang tidak boleh ditetapkan secara berasingan daripada persekitaran keseluruhan. Kesesuaian spesifikasi yang disarankan oleh ICRC dalam mana-mana situasi tertentu bergantung kepada beberapa faktor lain<sup>24</sup> termasuk:

- keperluan spesifik individu, misalnya, tahanan yang sakit, tua atau muda, wanita dan/atau orang kurang upaya;
- keadaan fizikal bangunan-bangunan tersebut;
- jumlah masa yang diluangkan dalam ruang tempat tinggal;
- kekerapan dan sejauh mana terdapat peluang untuk melakukan senaman, bekerja dan terlibat dengan aktiviti lain di luar ruang tempat tinggal;
- bilangan orang di dalam ruang tempat tinggal (untuk memberikan ruang privasi dan mengelakkan perasaan terasing);
- jumlah cahaya semula jadi dan pengudaraan yang mencukupi;
- aktiviti-aktiviti lain yang dilakukan di dalam kawasan tempat tinggal (contohnya memasak, mencuci dan mengering);
- perkhidmatan lain yang ada (seperti tandas dan bilik mandi); dan
- sejauh mana tahap penyeliaan.

#### A. KEADAAN FIZIKAL BANGUNAN

Bangunan-bangunan dan kawasan-kawasan luaran yang digunakan oleh kakitangan dan tahanan perlu “sesuai dengan tujuan” dan berperanan memenuhi keperluan asas tahanan seperti perlindungan, makanan, tidur, pemanasan dan penyejukan yang mencukupi.<sup>25</sup> Infrastruktur itu perlu menyediakan persekitaran yang selamat, tanpa mengira lokasi penjara dan sumber-sumber yang ada. Infrastruktur adalah termasuk sistem air dan elektrik yang selamat. Perkara-perkara berikut perlu diwujudkan dan dilaksanakan di semua penjara:

- program penilaian risiko dan keperluan;
- pelan pengurusan berasingan;
- polisi dan prosedur berkaitan penggunaan kemudahan dan peralatan;
- program latihan kakitangan bagi prosedur yang relevan; dan
- pelan penyelenggaraan yang menyeluruh.

Program penilaian risiko perlu mencerminkan realiti situasi tersebut yang berkaitan dengan bangunan, ruang dan sumber-sumber lain.

<sup>24</sup> Ibid., Bab 1.3.

<sup>25</sup> SMR 10 “Semua kemudahan yang disediakan untuk kegunaan tahanan dan terutamanya semua tempat tidur hendaklah memenuhi segala keperluan kesihatan, dengan perhatian sewajarnya diberikan kepada keadaan iklim dan terutamanya kandungan udara bagi setiap ukuran padu, ruang lantai minimum, pencahayaan, pemanasan dan pengudaraan.”

## B. JUMLAH MASA YANG DILUANGKAN DALAM SESUATU RUANG

Semakin lama seseorang tahanan dikurung di dalam ruang tempat tinggal tertutup dalam mana-mana tempoh 24 jam, semakin luas jumlah ruang yang diperlukannya. Rejim penjara yang diluluskan perlu menetapkan jumlah masa yang akan diluangkan oleh seseorang tahanan di luar ruang tempat tidurnya pada setiap hari. Peraturan Minimum Standard menetapkan bahawa setiap orang “hendaklah diberikan sekurang-kurangnya satu jam untuk melakukan senaman yang bersesuaian pada setiap hari di kawasan terbuka.”<sup>26</sup> Tempoh minimum satu jam ini adalah tambahan kepada masa yang dihabiskan untuk aktiviti-aktiviti lain di luar kawasan tempat tinggal.

Semakin banyak masa yang diluangkan oleh tahanan untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti positif setiap hari, di dalam persekitaran yang selamat dan terjamin di luar daripada ruang tempat tinggal, semakin besar kemungkinan untuk mengurangkan kesan negatif ke atas tahanan dan juga kakitangan yang diakibatkan oleh pengurungan dalam ruang sempit. “Aktiviti-aktiviti positif” termasuk bekerja dan pendidikan, bertemu pelawat, melibatkan diri dalam senaman dan sukan yang teratur, meluangkan lebih banyak masa lapang di ruang senaman terbuka, dan mengambil bahagian dalam hobi serta program rekreasi.

ICRC menyedari bahawa terdapat perbezaan yang besar antara negara-negara dalam mengenal pasti, dan bertindak ke atas, kesan-kesan negatif yang berpunca daripada kesesakan. Di sesetengah negara, tahanan yang ditahan dalam keadaan terlalu padat, dibenarkan meluangkan kira-kira 8 - 12 jam di luar ruang tempat tinggal. Dalam persekitaran lain yang serupa, tahanan tetap dikurung dalam ruang tempat tinggal selama 23 jam sehari, walaupun terdapat ruang kawasan terbuka. Amalan yang berbeza ini mencerminkan tahap berbeza sumber manusia dan prosedur tingkah laku yang diharap daripada kakitangan. Ia juga mencerminkan kepercayaan, biasanya yang tidak tepat, mengenai tujuan pemerintahan dan mengenai tahap kawalan yang diperlukan bagi menjamin keselamatan tahanan, kakitangan dan masyarakat awam.

Satu lagi faktor tambahan adalah kapasiti pengurusan penjara untuk menyediakan aktiviti dan perkhidmatan positif yang mencukupi untuk mengekalkan suasana yang lebih harmoni dalam kuarters tempat tinggal. Reka bentuk kemudahan itu juga boleh memberi pengaruh positif atau negatif dalam usaha untuk mengurangkan kesan negatif kesesakan (sebagai contoh, jika tandas dan kemudahan mencuci disediakan, kakitangan di dalam sel secara teorinya mempunyai pilihan untuk mengelak daripada memindahkan tahanan dari satu ruang ke satu ruang yang lain; sekiranya tidak ada ruang di mana beberapa orang tahanan boleh berkumpul, hakikat sebenarnya adalah mereka tidak dapat pergi ke mana-mana tempat lain untuk mendapatkan sedikit keleaan daripada keadaan tempat tinggal yang terlalu sesak).

Pengalaman telah menunjukkan bahawa dalam usaha untuk mengurangkan kesan negatif kesesakan, pengurusan penjara perlu terbuka untuk menggunakan pendekatan yang mungkin kelihatan seperti tidak munasabah. Sebagai contoh, berbanding daripada menyasarkan hanya sebilangan kecil tahanan bekerja sepenuh masa, mungkin lebih baik sekiranya diwujudkan dua atau lebih syif di bengkel. Dengan cara itu, lebih ramai tahanan dapat diambil bekerja sekurang-kurangnya untuk beberapa jam dalam sehari. Contoh lain termasuk akses secara bergilir untuk aktiviti sukan, kemudahan perpustakaan dan pelajaran serta kawasan rekreasi; memperkenalkan satu sistem jawatankuasa tahanan yang memerlukan tahanan untuk mengambil tanggungjawab bagi menganjurkan aktiviti rekreasi, sukan, pendidikan dan vokasional; dan meningkatkan kekerapan dan/atau tempoh masa lawatan.

## C. BILANGAN ORANG DALAM SESUATU RUANG

Bilangan orang yang boleh tinggal secara selesa di dalam sel, bilik atau dormitori tertentu berubah-berubah mengikut pelbagai faktor, termasuk faktor-faktor yang dinyatakan dalam bab ini. Semakin ramai bilangan orang dalam ruang tempat tinggal, semakin tinggi kemungkinan berlakunya ketegangan yang boleh membawa kepada kekacauan di dalam penjara, terutamanya di tempat di mana penyeliaan kakitangan adalah terhad dan bukan secara langsung, dan tahanan dibenarkan memikul tanggungjawab penyeliaan yang tidak sesuai.<sup>27</sup> Bilangan yang lebih ramai juga meningkatkan bunyi bising, yang boleh menjadi faktor yang memburukkan lagi keadaan dan menyumbang kepada ketegangan di kawasan tersebut. Bilangan tahanan yang meningkat juga menjelaskan kapasiti pihak pengurusan untuk mengekalkan piawaian kebersihan tempat tinggal dan ruang bersuci pada tahap yang memuaskan, serta mempunyai kesan negatif yang serius terhadap kesihatan fizikal dan psikologi tahanan.

<sup>26</sup> SMR 21 (1) “Setiap tahanan yang tidak diambil untuk bekerja di luar bangunan perlu sekurang-kurangnya mendapat satu jam senaman bersesuaian dalam kawasan terbuka setiap hari sekiranya cuaca mengizinkan.”

<sup>27</sup> SMR 28 (1) “Tiada seorang pun tahanan boleh diambil berkhidmat untuk institusi bagi menjalankan sebarang tugas berkaitan dengan penjagaan disiplin.”

Secara umumnya, tidak lebih daripada 40 - 50 orang sepatutnya ditempatkan di dalam satu bilik yang digunakan sebagai tempat tidur tahanan. Ia juga bergantung sama ada ruang, pengudaraan dan pencahayaan yang ada telah pun memenuhi spesifikasi.<sup>28</sup> Melalui pemerhatian ICRC, jika bilangannya melebihi jumlah ini, akses tahanan kepada perkhidmatan asas (seperti tandas dan air) menjadi bertambah sukar. Ia juga menjadi lebih sukar untuk memastikan keselamatan semua tahanan tanpa menjelaskan piawaian minimum.

Selain daripada jumlah keseluruhan bilangan tahanan di dalam sesuatu ruang, isu-isu khusus berkenaan *kesihatan* mereka juga perlu dipertimbangkan. Tahanan yang menghidap penyakit berjangkit perlu diasingkan daripada mereka yang tidak dijangkiti sepanjang tempoh berjangkit. Mereka boleh ditempatkan di bahagian berasingan dalam hospital penjara/kemudahan kesihatan atau kawasan berasingan di dalam blok tempat tinggal itu. Pilihan yang kedua mungkin lebih sesuai jika hospital penjara terlalu sesak atau tidak dapat memberikan pengasingan yang mencukupi daripada tahanan yang tidak dijangkiti. Tahanan yang boleh membawa jangkitan tidak boleh terus berada di dalam tempat tinggal yang dikongsi bersama tahanan yang tidak sakit.

Semasa mereka bentuk sesebuah ruang, pertimbangan lain yang perlu diambil kira adalah usia tahanan (terutamanya untuk mencerminkan keperluan kanak-kanak daripada kedua-dua jantina untuk menjalani aktiviti fizikal) dan jantina (terutamanya jika tahanan wanita ditemani kanak-kanak kecil).

#### **D. AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN DALAM SESUATU RUANG**

Kepelbagaian aktiviti yang dijalankan dalam ruang tempat tinggal mempunyai kaitan dengan ruang mencukupi yang diperuntukkan untuk setiap orang. Memasak, mencuci pakaian dan bersuci tidak sepatutnya dilakukan di dalam kawasan tempat tinggal, tetapi ia harus dilakukan di ruang-ruang yang telah direka dan ditetapkan secara khusus untuk tujuan itu.

Penyediaan makanan, memasak dan mencuci pakaian harus dilakukan di kawasan lain dari kawasan tempat tinggal. Bagaimanapun, hakikatnya, aktiviti-aktiviti ini ada kalanya dilakukan di blok tempat tinggal kerana kemudahan yang ditetapkan tidak mencukupi, sekatan keselamatan menjadikannya tidak boleh diakses secara mencukupi atau tahanan perlu menjaga barang mereka kerana bimbang ia akan hilang (terutama dalam kes makanan yang dibekalkan oleh keluarga). Dalam kes ini, ruang tambahan bagi setiap orang perlu disediakan dan ruang berasingan perlu diperuntukkan untuk setiap aktiviti yang berbeza. Jika makanan dibenarkan disimpan di dalam kawasan tempat tinggal, ia sepatutnya disimpan di dalam bekas yang sesuai untuk mengelakkan serangga dan tikus, serta keadaan iklim perlu sesuai untuk menyimpan makanan. Rak mungkin lebih sesuai berbanding penyimpanan di atas lantai.

Jika tahanan perlu menyimpan pakaian mereka, adalah lebih baik sekiranya mereka mencuci dan mengeringkannya di dalam atau berhampiran kawasan tempat tinggal. Dalam keadaan seperti itu, ruang tambahan dengan pengudaraan yang baik diperlukan.<sup>29</sup> Laman penjara atau ruang bersebelahan dengan blok-blok tempat tinggal boleh digunakan untuk mencuci dan mengeringkan pakaian.

Sebagai amalan biasa, tahanan perlu dibenarkan untuk menyimpan barang-barang peribadi dalam ruang penyimpanan di sekeliling atau di bawah katil. Barang yang boleh disimpan di situ adalah pakaian, bahan bacaan dan penulisan, surat peribadi, gambar foto, barang-barang kebersihan yang kecil, dan sebagainya.

Menyediakan ruang penyimpanan merupakan satu cabaran besar kepada pihak pengurusan, terutamanya dalam kawasan yang sesak. Bagaimanapun, pengalaman menunjukkan sekiranya penyimpanan yang sesuai tidak disediakan, tahanan akan mencipta sendiri susunan sementara, contohnya dengan mengubah suai cangkul dan memasukkannya ke dalam dinding atau menggunakan ambang tingkap dan ruang lantai sebagai rak. Cangkul selalunya akan menyebabkan haiwan perosak berkumpul dalam lubang-lubang yang dibuat pada dinding, manakala penggunaan ambang tingkap akan mengganggu pengudaraan dan mengurangkan jumlah cahaya semula jadi yang masuk ke dalam kawasan itu. Menyediakan ruang penyimpanan yang tersusun juga boleh memudahkan tugas untuk mengekalkan keselamatan.

<sup>28</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 1.6.

<sup>29</sup> SMR 17 (2) "Semua pakaian hendaklah bersih dan dijaga dalam keadaan baik. Pakaian dalam hendaklah ditukar dan dibasuh seberapa kerap yang diperlukan bagi menjaga kebersihan diri."

#### E. CAHAYA DAN PENGUDARAAN

Cahaya semula jadi diperlukan untuk mengekalkan kesihatan mental dan fizikal. Jumlah saiz tingkap dan bukaan di dalam sel (atau ruang tempat tinggal) tidak boleh kurang daripada 10% berbanding ruang lantai. Tingkap perlu membolehkan tahanan melihat sebahagian daripada persekitaran luar. Jika reka bentuk pengudaraan terbuka yang disediakan tidak sesuai dengan iklim, dan ruang tempat tinggal tahanan menjadi terlalu dingin, tahanan biasanya akan menghalang kemasukan angin sejuk dengan menutup ruang tersebut. Halangan berkenaan mengganggu pengudaraan dan cahaya semula jadi. Begitu juga, jika penyejukan tidak mencukupi, tahanan mungkin memecahkan tingkap yang bertutup untuk membenarkan aliran udara.

Penyelesaian reka bentuk bagi menangani permasalahan ini termasuk:

- memasang anak tingkap dan jerji yang sesuai dengan keperluan minimum untuk membolehkan kemasukan cahaya siang dan boleh dibuka dan ditutup oleh tahanan dan/ atau kakitangan bagi membenarkan aliran udara; pengadang dan anak tingkap perlu dibina menggunakan bahan berkekuatan industri dan anak tingkap perlu dibina dengan cara supaya ia tidak boleh dialihkan;
- memasang bolong mekanikal seperti kipas-kipas ekzos yang dipasang pada bumbung dan/ atau kipas dalaman yang dipasang pada siling; dan
- memasang bolong bumbung berbentuk cendawan (*roof mushrooms*).



Rajah 15 Sistem pengudaraan mekanikal paksa



Rajah 16 Sistem pengudaraan semulajadi tidak menggunakan tenaga elektrik (sekiranya boleh)

Cahaya semulajadi yang mencukupi perlu ada supaya tahanan dapat membaca pada waktu siang.<sup>30</sup> Cahaya lampu tidak seharusnya dibiarkan terpasang selama 24 jam di kawasan di mana tahanan tidur. Jadual pencahayaan yang mengikut waktu malam dan siang serta membolehkan tahanan tidur tanpa cahaya lampu perlu dilaksanakan. Tahanan perlu dibenarkan untuk mengawal lampu walaupun kakitangan mampu mengambil alih kawalan operasi lampu.

<sup>30</sup> SMR 11 (a) "Tingkap hendaklah cukup besar untuk membolehkan tahanan membaca atau bekerja dengan cahaya semulajadi, dan hendaklah dibina bagi membolehkan udara segar masuk sama ada sistem pengudaraan dipasang atau tidak."

## F. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN DALAM SESUATU RUANG

Air minuman yang bersih perlu disediakan melalui pili air atau bekas secara berterusan selama 24 jam sehari.<sup>31</sup> Punca air (*water point*) yang mencukupi perlu dipasang di seluruh penjara bagi memastikan air sentiasa boleh didapati. Sekiranya perlu, kakitangan dan tahanan perlu dibekalkan dengan kemudahan atau bahan untuk penulenan air.

Peruntukan minimum untuk air adalah berdasarkan pemerhatian ketika berlakunya kejadian kecemasan, termasuk perpindahan populasi, dan ia diterangkan dalam piawaian kemanusiaan seperti Sphere Standards.<sup>32</sup>

Tanpa mengambil kira keadaan iklim, setiap tahanan memerlukan 3 - 5 liter air minuman setiap hari.<sup>33</sup> Peruntukan ini tidak termasuk air yang digunakan untuk mencuci pakaian, pembersihan dan penyucian secara umum. Jumlah minimum air yang diperlukan untuk minuman, memasak dan kebersihan diri adalah 15 liter untuk setiap orang bagi setiap hari. Di negara yang mempunyai bekalan air memuaskan, purata normalnya adalah antara 50 hingga 300 liter setiap orang sehari.

Bilik mandi dan ruang pembersihan peribadi perlulah mencukupi untuk menyediakan kebersihan asas.<sup>34</sup> Secara minimumnya, ICRC mencadangkan sebuah bilik mandi untuk setiap 50 tahanan.<sup>35</sup> Bagaimanapun, cadangan ini perlu dipertimbangkan dengan berhati-hati kerana ia adalah berdasarkan andaian bahawa tahanan boleh menggunakan kawasan bilik air pada bila-bila masa. Bilangan bilik mandi perlu ditambah jika strategi pengurusan dan rejim harian menyebabkan akses yang terhad kepada bilik mandi dan jika kumpulan berbeza ditempatkan di ruang yang berbeza. Ini adalah supaya tahanan dapat mandi dalam tempoh masa terhad yang telah ditetapkan bagi mereka menggunakan kemudahan tersebut.

Sekurang-kurangnya satu tandas perlu disediakan untuk setiap 25 tahanan. Tandas perlu berada di dalam atau berhampiran dengan sel atau blok tempat tinggal. Tahanan perlu dibenarkan untuk menggunakan tandas 24 jam sehari, tidak mengambil kira sama ada akses diberikan tanpa halangan atau diberikan berdasarkan permintaan. Semua tandas mesti berfungsi dan agen pembersihan disediakan pada bila-bila masa.

Isu-isu ini disentuh dengan lebih terperinci dalam Bab 4.

## G. PENYELIAAN

Pihak pengurusan penjara mempunyai kewajipan untuk memastikan keselamatan orang awam, semua kakitangan dan tahanan serta untuk menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan asas tahanan. Apabila bilangan tahanan dalam sesebuah ruang semakin meningkat, menjadi semakin sukar untuk mengekalkan persekitaran yang selamat dan terjamin tanpa mengubahsuai rutin dan aturan.

Rejim penyeliaan perlu ditetapkan dalam strategi pengurusan. Penyeliaan boleh dibuat secara langsung atau tidak langsung<sup>36</sup>. Sama ada rejim tersebut menggunakan penyeliaan secara langsung (ciri komponen utama keselamatan yang bersifat dinamik adalah kakitangan terlatih yang bekerja secara dekat dan berinteraksi dengan tahanan), penyeliaan tidak langsung (contohnya, rondaan keselamatan, pondok atau menara pemerhati, pengawasan video) atau gabungan keduanya, bilangan kakitangan perlu mencukupi dan berada cukup hampir untuk memastikan keselamatan dan kawalan semua tahanan di dalam kawasan tempat tinggal bagi 24 jam sehari.

<sup>31</sup> SMR 20 (2) "Air minum hendaklah disediakan kepada setiap tahanan apabila dia memerlukannya."

<sup>32</sup> The Sphere Project, *The Sphere Handbook: Minimum Standards in Water Supply, Sanitation and Hygiene Promotion*, The Sphere Project, Geneva, 2011.

<sup>33</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 2.5.

<sup>34</sup> SMR 13 "Kemudahan mandi dan pancuran yang mencukupi hendaklah disediakan supaya setiap tahanan boleh mandi atau menggunakan pancuran, pada suhu yang sesuai dengan keadaan iklim, seberapa kerap yang perlu bagi menjaga kebersihan diri mengikut musim dan kawasan geografi, tetapi sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam iklim sederhana."

<sup>35</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 2.5.

<sup>36</sup> "Keselamatan dinamik" (penyeliaan secara langsung) merujuk kepada interaksi positif antara kakitangan dan tahanan, dengan kakitangan memberi perhatian kepada situasi yang membolehkan mereka untuk menjangka dan mencegah kekacauan dan gangguan lain, termasuk cubaan meloloskan diri, sebelum ia berlaku. "Konsep keselamatan dinamik termasuk:

- Membina hubungan positif dengan tahanan
- Mengalihkan tenaga tahanan kepada kerja dan aktiviti yang konstruktif

• Menyediakan rejim yang baik dan seimbang dengan program perseorangan untuk tahanan." UNODC, *Criminal Justice Assessment Toolkit, Custodial and Non-Custodial Measures, The Prison System*, United Nations, New York, 2006, p. 22 ([http://www.unodc.org/documents/justice-and-prison-reform/cjat\\_eng/1\\_Prison\\_%20System.pdf](http://www.unodc.org/documents/justice-and-prison-reform/cjat_eng/1_Prison_%20System.pdf)).

Tanpa mengambil kira jenis penyeliaan, adalah penting untuk kakitangan mempunyai sikap yang selari dengan prosedur penyeliaan yang telah diluluskan secara rasmi. Prosedur ini perlu cukup menyeluruh untuk mengekalkan keselamatan dan kawalan kakitangan serta tahanan selain mengekalkan keadaan minimum bagi pemenjaraan dan layanan terhadap tahanan. Ia perlu termasuk kapasiti untuk bertindak balas kepada sebarang kecemasan tepat pada masanya. Kakitangan tidak seharusnya mewakilkan tanggungjawab penyeliaan kepada tahanan, terutamanya perkara yang berkaitan disiplin dan sekatan.<sup>37</sup>

Tidak ada piawaian sejagat yang menentukan bilangan kakitangan. Bagaimanapun, kebiasaannya jika nisbah kakitangan kepada tahanan adalah lebih tinggi, dan jika bilangan orang dalam sesuatu ruang yang diselia adalah lebih rendah, tahanan dan kakitangan kurang terdedah kepada serangan, pertikaian jarang melarat sehingga ke tahap pergaduhan ganas, keselamatan peribadi dapat dijaga dengan lebih berkesan, vandalisme berkurangan, akses kepada perkhidmatan dapat diuruskan dengan lebih baik, risiko penularan penyakit berjangkit dapat dikurangkan dan keadaan bagi tahanan lebih menyerupai kehidupan normal, sesuatu yang amat penting untuk pemulihian. Melalui pemerhatian ICRC, di bawah rejim penyeliaan secara langsung di mana kakitangan terlatih bekerja rapat dengan tahanan dan terdapat bilangan kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan tugas mereka, persekitaran di situ secara umumnya menjadi lebih selamat dan terkawal untuk tahanan dan kakitangan.

Sikap profesional dan kualiti kemanusiaan yang ada pada kakitangan adalah sama penting dengan bilangan mereka. Selain memberi impak kepada keselamatan, sikap kakitangan penjara terhadap tahanan boleh mempengaruhi aspek lain dalam pengalaman setiap tahanan berhubung pemenjaraan. Kakitangan yang menyedari kewujudan masalah tertentu akibat pengurungan tahanan di tempat sempit, selalunya bagi tempoh yang lama setiap hari, boleh membantu dalam mengurangkan masalah yang wujud dalam pemenjaraan jika kakitangan tersebut bertindak sewajarnya di atas kesedaran itu serta menggunakan sumber-sumber yang ada. Contohnya termasuk:

- menyokong/meluluskan rutin, penambahan lawatan keluarga atau untuk tempoh yang lebih lama;
- mengizinkan masa yang mencukupi untuk mencuci pakaian dan mandi;
- memastikan pengagihan makanan yang adil;
- melaksanakan sistem yang berkesan untuk penjagaan perubatan secara rutin dan kecemasan, termasuk mengagihkan ubat-ubatan yang ditetapkan;
- menerima permohonan dan aduan tahanan serta menjawab setiap satu daripadanya secepat mungkin, membuat keputusan yang praktikal berdasarkan apa yang boleh dan berdasarkan matlamat asas pemenjaraan. Contohnya, permohonan untuk bahan bacaan/pendidikan tambahan perlu diberikan pertimbangan yang baik, memandangkan kepentingan aktiviti konstruktif untuk mengekalkan keadaan baik di dalam penjara;
- menggalakkan tahanan untuk memperbaiki tingkah laku mereka, kemahiran hidup yang positif dan persediaan untuk pembebasan.

Kakitangan penyeliaan menggalas tanggungjawab untuk mengesahkan keperluan tahanan bagi mendapatkan perkhidmatan di dalam ruang tempat tinggal (untuk makanan, penjagaan kesihatan, dan sebagainya). Tahanan mungkin boleh dilibatkan dalam pengurusan dan pengagihan sesetengah perkhidmatan (walaupun ini hanya boleh dilakukan melalui cara yang tidak menjaskan kerahsiaan dan hak privasi tahanan, terutamanya dalam kes perkhidmatan perubatan). Bagaimanapun, kakitangan tetap bertanggungjawab untuk penyeliaan keseluruhan berdasarkan "tanggungjawab untuk menjaga" (*duty of care*) mereka, termasuk mencegah pembentukan struktur kuasa dalam kalangan tahanan, melindungi tahanan rentan dan memastikan kesaksamaan.

<sup>37</sup> SMR 28 (1) "Tiada seorang pun tahanan boleh diambil berkhidmat untuk institusi bagi menjalankan sebarang tugas berkaitan dengan penjagaan disiplin."

## B. KEPERLUAN KESELURUHAN RUANG

### **Amalan baik dan implikasi operasi**

Keperluan ruang boleh dihitung berdasarkan keluasan keseluruhan kawasan penjara yang biasanya boleh diakses oleh tahanan. Kawasan atau zon-zon ini (lihat Bab 1) termasuk bengkel, bilik program, laman dan ruang senaman, kawasan rekreasi, ruang lawatan, klinik kesihatan, tempat ibadat dan mana-mana bahagian lain di penjara yang boleh diakses oleh tahanan sebagai sebahagian daripada rutin harian biasa mereka. Ia tidak termasuk kawasan keselamatan kakitangan, kemudahan latihan kakitangan dan kawasan lain yang biasanya tidak boleh diakses oleh tahanan.

ICRC menetapkan keperluan ruang keseluruhan seluas **20-30 m<sup>2</sup>** bagi setiap orang.<sup>38</sup> Julat ini diberikan kerana tahanan tidak semestinya mempunyai akses ke ruang-ruang lain walaupun mereka kebiasaannya mempunyai akses ke semua bahagian di dalam ruang tempat tinggal mereka. Andaian asas bagi pengiraan itu adalah sebuah penjara yang berkesan akan mempunyai beberapa ruang di mana terdapat pelbagai perkhidmatan dan peluang yang boleh diakses oleh sebahagian besar tahanan. Oleh itu, mana-mana angka di bawah 20-30 m<sup>2</sup> perlu diperiksa dengan lebih teliti untuk memastikan penjara tersebut menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang mencukupi. Kemudahan dan perkhidmatan ini juga perlu disediakan kepada bilangan tahanan yang mencukupi supaya penjara tersebut dapat memenuhi peranan pentingnya, selain sekadar untuk fungsi keselamatan secara tidak langsung.

## C. RUANG TEMPAT TINGGAL DALAM SITUASI KECEMASAN

### **Realiti**

Situasi kecemasan adalah kejadian secara tiba-tiba yang berlaku dalam masa singkat. Ia mungkin berpunca daripada krisis politik, bencana alam, kebakaran, rusuhan, krisis kesihatan di mana ramai tahanan perlu diasingkan daripada yang lain atau kejadian yang memerlukan pemindahan tahanan dari sebuah penjara yang telah rosak ke sebuah penjara yang lain.

Situasi kecemasan boleh memberi impak kepada tempat tinggal yang ada di dalam sesebuah penjara dan, sekiranya tidak diselesaikan, ia boleh bertukar menjadi situasi berpanjangan yang kronik. Kesesakan penjara boleh berlaku, contohnya apabila tempat tinggal musnah dan tidak boleh digantikan dengan cepat tetapi bilangan tahanan yang sama perlu dimuatkan di ruang yang lebih kecil, atau ketika berlaku peningkatan mendadak dalam bilangan keseluruhan tahanan. Situasi ini biasanya memerlukan tindak balas pengurusan yang berbeza berbanding keadaan kesesakan yang berlaku disebabkan oleh peningkatan secara tetap dalam bilangan tahanan dalam tempoh masa yang panjang atau apabila kerja perobohan atau pengubahsuaian bangunan lama adalah sebahagian daripada pelan pembinaan yang strategik.

### **Amalan baik dan implikasi operasi**

Apabila ruang hilang secara tiba-tiba, akibat serta-merta yang tidak dapat dielakkan ialah kekurangan tempat tinggal bagi setiap orang. Peserta-peserta dalam perbincangan Meja Bulat ICRC pada Oktober 2009 berpendapat bahawa dalam krisis sebegitu, ruang minimum untuk setiap orang tidak seharusnya ditetapkan secara sewenang-wenangnya. Perbincangan Meja Bulat itu sebulat suara menyarankan supaya spesifikasi ICRC berkenaan keluasan 2 m<sup>2</sup> dalam situasi kecemasan<sup>39</sup> dibatalkan. Ia mengesyorkan supaya panduan disediakan untuk mengembalikan penjara kepada keadaan normal (termasuk spesifikasi ruang minimum) secepat mungkin, berbanding menetapkan sebarang piawaian minimum dalam masa kecemasan. Pengurusan serta-merta situasi kecemasan perlu ditetapkan bagi mengelakkan perkembangan situasi kekurangan yang kronik.

Mengikut definisi, aturan kecemasan perlu diguna pakai dalam tempoh masa yang singkat sahaja. Amalan yang baik memerlukan pihak berkuasa penjara untuk menyedari bahawa kecemasan boleh berlaku dan untuk bersiap sedia, mempunyai dan melaksanakan pelan kontingensi, yang termasuk mengembalikan penjara kepada keadaan normal dalam tempoh segera.

<sup>38</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 1.6.

<sup>39</sup> Angka 2 m<sup>2</sup> untuk situasi kecemasan dimasukkan dalam versi pertama buku panduan ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara*, tetapi telah dikeluarkan daripada edisi terbarunya, yang diterbitkan pada 2012.

ICRC menyedari bahawa sebaik sahaja sesuatu kecemasan berlaku, fokus utama pihak berkuasa adalah untuk menangani keselamatan dan kawalan serta memenuhi keperluan asas kemanusiaan. Sejurus selepas fasa ini, objektifnya adalah untuk mengembalikan penjara kepada operasi normal, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, spesifikasi ruang yang disyorkan (lihat Bab 3, Bahagian A. Ruang tempat tinggal bagi setiap orang dalam keadaan normal, Spesifikasi teknikal). Tahanan mungkin perlu dipindahkan, unit-unit tempat tinggal pasang siap perlu dibina dan/atau mengatur semula penggunaan bangunan-bangunan sedia ada.

Memanjangkan tempoh masa tahanan dikurung di dalam sel atau dormitori adalah tindak balas yang selalu dilakukan apabila berlaku peningkatan dalam kepadatan dan kesesakan akibat kecemasan serta keutamaan pihak pengurusan terhadap keselamatan dan kawalan. Bagaimanapun, bagi menjamin keadaan berperikemanusiaan dan pengembalian kepada operasi normal secara terkawal, pelbagai pilihan perlu dipertimbangkan pada peringkat awal. Ini termasuk meningkatkan masa yang diluangkan di luar blok tempat tinggal, ketersediaan pekerjaan dan kekerapan dan/atau tempoh lawatan oleh keluarga dan rakan-rakan, selain memperbaiki pengudaraan dan penyediaan cahaya semulajadi. Memanjangkan masa tahanan dikurung di dalam kawasan tempat tinggal tidak memberikan kesan positif, terutamanya jika ketegangan dan keimbangan dalam kalangan tahanan dan kakitangan sudah pun berada pada tahap yang tinggi. Sebaliknya, membuat perubahan-perubahan kecil dalam rejim penyeliaan dan rutin harian untuk meningkatkan akses tahanan kepada bahagian penjara yang lain serta kepada dunia luar akan mengurangkan ketegangan dan tekanan serta mengurangkan impak negatif yang timbul daripada kurungan sempit.

## D. DEFINISI PENGHUNIAN

→ **Kapasiti rasmi** (atau **kapasiti reka bentuk**) sesebuah penjara adalah “**bilangan keseluruhan tahanan yang boleh ditempatkan** di dalam penjara tersebut dan dalam masa yang sama mematuhi keperluan minimum (termasuk rangkaian penuh perkhidmatan), **yang telah ditetapkan, dari segi ruang lantai bagi setiap tahanan atau sekumpulan tahanan**” **termasuk ruang tempat tinggal.**<sup>40</sup> Kapasiti rasmi ini secara umumnya ditentukan ketika penjara dibina. Ia adalah angka yang diketahui, digunakan dan dirujuk oleh pihak berkuasa penjara walaupun penjara dan pengelasannya mungkin telah berubah beberapa kali. Rasional pembinaannya juga mungkin tidak lagi diketahui dan ruang lantai asal untuk setiap orang tidak dapat dilihat. Untuk membolehkan angka tersebut diperaktikkan, asas pengiraan kapasiti asal penjara perlu diketahui dan angka itu perlu dikemaskini setiap kali perubahan yang relevan dibuat ke atas bangunan penjara tersebut.

Kebanyakan bidang kuasa telah menentukan jumlah kapasiti semua penjara di dalam negara mereka. Maklumat ini diterbitkan di bawah *World Prison Brief* di laman sesawang *International Centre for Prison Studies (ICPS)*.<sup>41</sup> Bagaimanapun, memandangkan “ruang bagi setiap orang” dikira berdasarkan piawaian atau ukuran yang diterima di setiap negara, peratusan kesesakan yang direkodkan di laman sesawang itu perlu difiksirkan dengan berhati-hati. Atas sebab ini dan juga sebab-sebab yang lain, perbandingan data antara bidang kuasa yang berbeza tidak semestinya bermanfaat.

Penggunaan data “kapasiti” untuk membuat perbandingan di bawah satu bidang kuasa yang sama juga perlu dibuat secara berhati-hati. Sebagai contoh, sebuah penjara mungkin digambarkan memiliki kapasiti 2,500 tahanan, yang dihitung berdasarkan angka yang ditetapkan (iaitu 3.4 m<sup>2</sup>). Bagaimanapun, mungkin terdapat perbezaan dalam ruang bagi setiap tahanan di kawasan tempat tinggal yang berbeza, sama seperti perbezaan yang ada antara penjara. Asas yang digunakan untuk pengiraan asal kapasiti penjara itu juga mungkin berbeza.

Jika tempat tinggal tambahan dibina atau penggunaan bangunan diubah, kapasitinya harus dikira semula. Kapasiti rasmi perlu mengambil kira akses kepada dan kemampuan infrastruktur penjara yang lain (perkhidmatan, program, aktiviti dan sebagainya), bukan hanya katil-katil yang diluluskan. Tentu sekali kapasiti yang diingini sepatutnya mempengaruhi keputusan yang dibuat di peringkat perancangan dan reka bentuk.

<sup>40</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutuan dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 1.3.

<sup>41</sup> International Centre for Prison Studies, *World Prison Brief*, <http://www.prisonstudies.org/info/worldbrief>.

- **Kadar penghunian**, juga dikenali sebagai **kepadatan populasi**, ditentukan melalui pengiraan nisbah bilangan tahanan yang ada pada hari tertentu kepada bilangan tempat yang ditetapkan oleh **kapasiti rasmi** penjara.<sup>42</sup>

**Kadar penghunian = Bilangan tahanan yang ada  
Kapasiti rasmi**

Kadar penghunian biasanya paling selalu dirujuk apabila tahap kesesakan dibincangkan. Bagaimanapun, sama seperti “kapasiti rasmi”, perbandingan antara bidang kuasa perlu digunakan dengan berhati-hati kerana ruang yang diperuntukkan untuk setiap tahanan jauh berbeza. Sebagai contoh, sebuah penjara yang memerlukan  $3.4 \text{ m}^2$  bagi setiap orang akan mempunyai kepadatan populasi dua kali ganda lebih tinggi berbanding sebuah penjara yang memerlukan  $6.8 \text{ m}^2$  bagi setiap orang; bagaimanapun bagi situasi pertama, ia tidak dikelaskan sebagai kesesakan kerana ia mematuhi spesifikasi rasmi.

Walau bagaimanapun, perbandingan lampau mengenai kadar penghunian di dalam satu sistem penjara boleh memberikan maklumat berguna untuk perancangan masa depan serta perbincangan dengan kerajaan dan organisasi lain mengenai pola dalam pemenjaraan, keadaan pemenjaraan (termasuk situasi kritis) dan tindak balas terhadap perkara-perkara ini.

- **Kapasiti operasi** merujuk kepada bilangan keseluruhan orang yang boleh ditempatkan secara selamat dan berperikemanusiaan di dalam sesebuah penjara pada satu-satu masa. Angka ini mungkin berubah seiring dengan masa kerana perubahan dibuat ke atas penjara dan apabila berlaku pertambahan dan pengurangan sumber. Sebagai contoh, katil tambahan (termasuk katil bertingkat) mungkin dipasang, bangunan mungkin diubah menjadi tempat tinggal atau bilangan katil mungkin ditambah dengan menggunakan ruang lantai yang diperuntukkan untuk tujuan lain seperti pendidikan atau program. Dalam keadaan sebegitu, rejim harian perlu disesuaikan untuk mengimbangi jumlah ruang yang telah dikurangkan bagi setiap orang (yang dalam keadaan apa sekali pun tidak boleh berada di bawah syor minimum, kecuali dalam keadaan kecemasan). Ini mungkin termasuk mengizinkan tahanan meluangkan lebih banyak masa di luar kawasan tempat tinggal dan akses lebih baik kepada perkhidmatan-perkhidmatan dengan memanjangkan masa operasi bagi, sebagai contoh, tempat mencuci pakaian dan mandi, pusat kesihatan dan pendidikan, ruang lawatan dan/atau kawasan rekreatif.

Konsep “kapasiti operasi” menyediakan titik rujukan kepada pihak pengurusan penjara mengenai operasi penjara yang sepatutnya dan had populasi penjara. Pengurusan penjara perlu bertindak pada dua peringkat sekiranya had kapasiti operasi hampir dicecah:

- Kerajaan: pihak pengurusan perlu bertindak proaktif dengan memaklumkan situasi tersebut kepada kerajaan. Kerajaan boleh merangsang perbahasan mengenai tujuan dan kos pemenjaraan serta meletakkan keperluan untuk dana tambahan dan perluasan sistem penjara dalam agenda politik.
- Pengurusan penjara: pengurus penjara perlu menyemak semula kesesuaian rejim dan rutin yang digunakan serta mengenal pasti perubahan yang sewajarnya bagi memastikan piawaian minimum dikekalkan.

- **Kapasiti kecemasan adalah peratusan di atas kapasiti rasmi** yang tidak boleh dilangkaui kerana selepas had ini, institusi tersebut akan menjadi tidak selamat untuk beroperasi. Kapasiti kecemasan tidak boleh dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang kerana ia akan menyebabkan ketegangan dalam kalangan kakitangan dan tahanan serta menghalang penjara daripada menyediakan semua perkhidmatan yang sepatutnya. Kebiasaannya, pihak berkuasa penjara akan menentukan tahap kesesakan yang boleh diterima bagi tempoh sementara tanpa menjelaskan keselamatan operasi penjara.

# **4. BEKALAN AIR DAN LANGKAH- LANGKAH KEBERSIHAN**

**Bab ini membincangkan mengenai keperluan infrastruktur untuk bekalan air yang efektif dan cekap, pertimbangan dari segi operasi tentang akses dan pengagihan, serta penyimpanan dan pengagihan air kecemasan.**

### **Realiti**

Bekalan air yang berterusan diperlukan untuk mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan tahanan dan kakitangan. Kedudukan dan penambahbaikan akses kepada punca air untuk tujuan mencuci pakaian dan kebersihan adalah isu yang sering dibincangkan antara delegasi ICRC dan pengurus-pengurus penjara. Jika punca air sedikit dan/atau penyeliaan kakitangan adalah lemah, peluang untuk tahanan mengawal akses kepada air meningkat, dan mengenakan bayaran terhadap penggunaan serta akses kepada air. Sebaliknya, punca air yang lebih banyak boleh memperbaiki akses tahanan kepada air tetapi mengurangkan nilainya sebagai satu sumber dan menyebabkan pembaziran dan juga kerosakan akibat kebocoran.

Meletakkan punca air di dalam atau berdekatan kawasan tempat tinggal mengurangkan jumlah masa yang diluangkan tahanan di luar ruang tempat tinggal yang biasanya tertutup. Sekiranya punca air ini diletakkan agak jauh dari kawasan tempat tinggal, ia boleh mengurangkan atau menghalang akses kepada air melainkan pihak pengurusan menempatkan kakitangan yang mencukupi (jika penyeliaan diperlukan) dan/atau membenarkan masa yang lebih lama untuk tahanan pergi ke dan balik dari bekalan air.

Menyediakan bekalan air yang mencukupi untuk minum, penyediaan hidangan, membasuh perkakas, kebersihan diri, pembuangan kumbahan (dalam sistem pembuangan berdasarkan air) dan pembersihan boleh menjadi sesuatu yang sangat mencabar kepada pihak berkuasa penjara. Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk perancangan dan reka bentuk yang tidak sesuai; infrastruktur tidak mencukupi atau tidak diselenggara dengan baik; bilangan tahanan yang ramai dan peningkatan bilangan tahanan; kos yang tinggi untuk menghantar bekalan mencukupi, terutama ketika musim kering dalam iklim panas; gangguan dalam bekalan air; kekurangan belanjawan penyelenggaraan; dan/atau bayaran yuran kepada pihak berkuasa tempatan.

Dalam proses mereka bentuk penjara baharu, adalah menjadi kebiasaan di mana saiz paip bekalan luar di dalam sistem air komuniti dan saiz paip yang ditetapkan untuk penjara adalah tidak sepadan. Ralat ini biasanya lewat disedari dan menelan kos yang tinggi untuk diperbetulkan. Sebagai contoh, reka bentuk penjara mungkin menyediakan 20 bilik mandi tetapi kapasiti bekalan air tidak mencukupi untuk menyalurkan air ke setiap bilik mandi pada masa yang sama. Begitu juga, peningkatan dalam bekalan air supaya kuantiti tambahan dapat dibekalkan untuk memenuhi permintaan perlu mengambil kira kapasiti (had) sistem pemindahan bekalan air.

Perubahan terhadap persekitaran sejak sistem penghantaran air itu direka dan/atau dipasang boleh memberi kesan kepada bekalan. Perluasan bandar mungkin menyebabkan sesebuah penjara yang dibina di kawasan luar bandar kini dikelilingi kawasan kediaman dalam sebuah kejiranian yang semakin padat dengan keperluannya sendiri bagi perkhidmatan sanitasi dan air. Akibatnya, tekanan air dan jumlah air yang sampai ke penjara mungkin berkurangan. Bukan sesuatu yang asing untuk komuniti tempatan dan kakitangan penjara yang tinggal di kuarters kerajaan dalam komuniti tersebut untuk mengambil air melalui sambungan haram. Penjara mungkin pada asalnya terletak di kawasan perindustrian yang menjamin bekalan air tetapi industri-industri berkenaan mungkin sudah lama berhenti beroperasi atau dipindahkan.

Paip bekalan luar mungkin rosak dan hanya dibaik pulih secara sementara, mengakibatkan resapan (*seepage*). yang berterusan. Di dalam penjara, kerosakan pada titik-titik bekalan air, pili air, paip dan kemudahan kebersihan sering berlaku, jauh lebih kerap berbanding yang diduga oleh mereka yang tidak biasa dengan persekitaran penjara. Terdapat banyak punca kepada perkara tersebut, termasuk:

- ➔ pengurusan penjara gagal menjalankan kerja penyelenggaraan dengan segera dan sewajarnya, menggunakan bahan berkualiti rendah dan/atau bahan tidak tahan lama, menggunakan kakitangan dan tahanan yang tidak mahir dan/atau tidak diberi ganjaran secukupnya;
- ➔ vandalism, sabotaj atau penanggalan loji oleh tahanan;
- ➔ bilangan tahanan yang tinggi menggunakan peralatan itu;
- ➔ penggunaan peralatan secara tidak betul disebabkan penyeliaan yang lemah atau kepimpinan dan kawalan yang tidak mencukupi oleh kakitangan.

Air juga mungkin tercemar di beberapa tempat ketika proses penghantaran. Ini boleh berlaku di dalam dan di luar kawalan secara langsung oleh pentadbiran penjara, termasuk pada punca, melalui paip bekalan dan bahan infrastruktur, menerusi bekas penyimpanan yang tidak diselenggara dengan betul atau menerusi pencemar yang meresap masuk ke dalam sistem bekalan. Sistem bekalan air yang tidak beroperasi secara berterusan sering dicemari semasa paipnya kosong dan tidak mempunyai tekanan, menyebabkan berlakunya penyusupan bahan pencemar.

### **Spesifikasi teknikal**

Spesifikasi berikut yang disarankan oleh ICRC perlu dipertimbangkan dengan berhati-hati. Faktor-faktor lain perlu dipertimbangkan ketika menentukan spesifikasi yang bersesuaian. Faktor-faktor ini termasuk tempoh semasa peralatan atau kemudahan tersebut boleh digunakan oleh bilangan tahanan yang tertentu, iklim dan pengudaraan yang bersesuaian.

#### **Infrastruktur**

- Bilangan pili air: **1 - 2 pili air bagi setiap 100 tahanan**
- Kadar minimum aliran: **3 - 5 liter bagi setiap minit**

#### **Bekalan (jumlah minimum air)**

- **10-15 liter setiap hari** (untuk meliputi semua keperluan)
- **3-5 liter setiap orang bagi setiap hari untuk kelangsungan hidup** (persekitaran sejuk atau panas)
- **1 liter setiap orang sehari untuk mencuci** selepas menggunakan tandas<sup>43</sup>

#### **Penyimpanan air**

- Jumlah kapasiti penyimpanan minimum: **penggunaan untuk satu hari**, termasuk dapur dan dispensari. (Jika air diagihkan daripada bekalan utama dalam kejiranannya berlainan secara berselang seli, bilangan hari antara pengagihan perlu diambil kira.)
- Kapasiti penyimpanan untuk waktu malam: **2 liter setiap orang** disediakan di setiap sel, bilik dan dormitori. Baldi, tong 'jerry can', dan botol plastik memberikan penyimpanan yang sesuai.

### **Amalan baik dan implikasi operasi**

Memastikan kualiti dan kuantiti bekalan air mencukupi dan memenuhi piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah tanggungjawab utama pihak pengurusan.<sup>44</sup> Pengurus penjara perlu memastikan bahawa air minuman dan air untuk semua tujuan lain adalah percuma dan disediakan pada setiap masa kepada semua tahanan. Menghalang akses tahanan kepada bekalan air sebagai satu bentuk kawalan, untuk menghukum atau untuk tujuan soal siasat adalah sama sekali tidak boleh diterima. Pengurus penjara mempunyai tanggungjawab yang khusus untuk memastikan kumpulan rentan, termasuk wanita dan kanak-kanak, mereka yang menderita masalah mental dan penyakit fizikal atau mereka yang memerlukan rutin kebersihan khusus untuk penjagaan kesihatan, orang tua, orang kurang upaya, mereka yang diletakkan di bawah rejim terhad (contohnya dalam sel hukuman, ditahan secara berasingan sementara menunggu pengesahan atau pelaksanaan hukuman mati, atau diasingkan daripada majoriti populasi penjara atas sebab-sebab yang lain), mempunyai akses kepada kuantiti dan kualiti air yang mencukupi untuk tujuan minuman dan kebersihan.

#### **A. INFRASTRUKTUR, TERMASUK PENYIMPANAN**

Individu yang mereka bentuk sistem air dan sanitasi perlu melawat sistem bekalan air di penjara-penjara lain di rantau yang sama dan menyelidiki bagaimana ia diuruskan. Mereka perlu ingat bahawa permintaan terhadap pemasangan sistem ini di dalam penjara adalah sangat berbeza berbanding yang dipasang dalam persekitaran domestik yang normal. Kemudahan air dan sanitasi perlu cukup kukuh untuk bertahan dengan kadar penggunaan yang tinggi dalam persekitaran institusi. Institusi penjara juga berbeza dengan institusi lain dalam beberapa aspek. Pereka dan perancang sering membuat anggaran yang lebih rendah bagi jumlah penggunaan dan seterusnya terhadap masalah haus dan lusuh yang akan berlaku. Kelengkapan domestik yang biasa (terutamanya pili air, sinki dan tandas) selalunya perlu digantikan secara kerap kerana kadar penggunaannya yang tinggi atau kerana ia dirosakkan secara sengaja atau tidak sengaja. Biarpun produk-produk bergred industri dan institusi adalah lebih mahal, ia lebih menjimatkan dalam jangka masa panjang jika digunakan dalam persekitaran di mana ketahanan adalah perkara yang amat penting.

<sup>43</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 2.5.


<sup>44</sup> SMR 20 (2) "Air minuman perlu disediakan untuk setiap tahanan setiap kali dia memerlukannya."

Adalah penting untuk menghasilkan dan melaksanakan jadual penyelenggaraan yang tetap untuk semua pemasangan bagi pengagihan air, termasuk di kawasan bilik mandi. Kesesakan jangka masa panjang bukanlah sesuatu yang luar biasa. Ia menyebabkan permintaan yang lebih besar terhadap sesuatu kelengkapan berbanding yang telah dirancang dan boleh mempercepatkan lagi kerosakan infrastruktur penjara (termasuk air dan sanitasi) berbanding dalam persekitaran domestik. Oleh itu, dalam keadaan sesak, perkhidmatan penyelenggaraan perlu dipertingkatkan.

Pelaksanaan jadual penyelenggaraan memerlukan dana. Keperluan belanjawan penyelenggaraan perlu dimasukkan semasa peringkat perancangan dan selepas itu dikemukakan ketika proses belanjawan tahunan, mengambil kira sebarang jangkaan peningkatan dalam saiz populasi penjara. Jika penambahan bilangan yang tidak dirancang adalah ketara, permohonan bagi belanjawan penyelenggaraan tambahan perlu dikemukakan. Sebahagian penjimatan boleh dibuat dengan melibatkan tahanan yang terlatih dan diselia dalam menyelenggara infrastruktur penjara. Bagaimanapun, demi kebijakan tahanan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan terdapat kakitangan yang mempunyai kelayakan bersesuaian, dan bukannya tahanan, yang bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap penjagaan sistem pengagihan dan bekalan air (lihat Bab 8, Penyelenggaraan Penjara).

Di sebalik spesifikasi ICRC yang menetapkan 1 - 2 pili air bagi setiap 100 tahanan, bilangan pili air yang diperlukan untuk memastikan semua tahanan dibekalkan dengan air yang cukup untuk minum, membasuh dan mencuci, akan dipengaruhi oleh susun atur kemudahan tersebut dan rutin operasi yang telah diluluskan. Sebagai contoh, lebih banyak pili air diperlukan jika rutin operasi mengehadkan akses tahanan kepada kawasan basah (kawasan di mana air disediakan).

ICRC mengesyorkan aliran minimum sebanyak 3 - 5 liter bagi setiap minit. Proses perancangan dan reka bentuk perlu merangkumi penentuan kualiti bahan-bahan untuk memenuhi kadar aliran ini, selain pemasangan paip bekalan air, pam dan peralatan lain. Pasukan perancang perlu mempertimbangkan teknologi baharu dan alternatif seperti tадahan hujan, pam solar dan penapis seramik buatan tempatan yang tidak begitu mahal dan boleh didapati serta-merta. Analisis kos-faedah perlu merangkumi kos pemasangan awal, kos penyelenggaraan dan kos baik pulih serta ketersediaan bahan dan kepakaran teknikal di peringkat tempatan. Teknologi baharu mungkin pada mulanya memerlukan pelaburan masa dan wang tetapi ia memberikan penjimatan kos dalam jangka masa panjang dan terbukti lebih teguh berbanding kaedah-kaedah konvensional. Walau bagaimanapun, penyelesaian alternatif perlu dinilai secara terperinci bagi memastikan yang ia difahami, boleh digunakan sepanjang tahun dan memenuhi objektif sepenuhnya. Semangat pada peringkat awal selalunya melahirkan jangkaan yang tidak realistik. Adalah disarankan untuk menguji pilihan-pilihan ini pada skala kecil sebagai projek perintis atau melawat tapak di mana teknologi tersebut sedang digunakan dengan jayanya.



Rajah 17 Satu sistem air yang biasa dengan takungan simpanan bawah tanah dan takungan yang ditinggikan untuk memastikan tekanan mencukupi, pengagihan melalui paip-paip ke kemudahan-kemudahan berbeza dan yang penting, pemindahan

#### B. BEKALAN, KUALITI DAN JUMLAH AIR SERTA AKSES KEPADANYA

Prinsip asas untuk menentukan di mana punca air perlu ditempatkan termasuk yang berikut:

- tahanan memerlukan akses kepada air minuman 24 jam sehari. Jika isu keselamatan, logistik atau isu lain yang munasabah menyebabkan akses sepanjang 24 jam kepada air mengalir tidak dapat disediakan, bekas penyimpanan yang mudah dibawa dan yang boleh ditutup bagi menghalang pencemaran perlu dibekalkan dan disediakan di dalam ruang tempat tinggal;
- peralatan/bahan penulenan air perlu disediakan kepada kakitangan dan tahanan jika akses mencukupi kepada air minuman yang sudah dirawat tidak dapat disediakan. Laporan analisis secara tetap dan terkini oleh makmal yang diiktiraf perlu mengesahkan bahawa hasil penulenan itu mencapai piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia;<sup>45</sup>
- punca air yang ditetapkan perlu mengambil kira keperluan untuk mengasingkan lelaki daripada wanita dan juvana daripada orang dewasa di dalam kawasan tempat tinggal. (penggunaan satu punca air yang sama oleh kumpulan tahanan berbeza mengikut waktu yang ditetapkan adalah tidak digalakkan kerana amalan ini sering menyebabkan akses yang tidak mencukupi oleh satu atau lebih banyak kumpulan);
- lokasi punca air itu perlu ditetapkan berdasarkan penggunaan setiap bangunan dan kawasan seperti yang dirancang, termasuk ruang kakitangan, di dalam dan di luar penjara;
- jumlah penggunaan perlu mencerminkan realiti dan selain keperluan tahanan, ia juga perlu meliputi keperluan semua pengguna lain seperti kanak-kanak yang mengiringi tahanan, pelawat dan kakitangan (terutamanya jika kakitangan menetap di dalam premis penjara bersama-sama keluarga mereka disebabkan lokasi penjara yang terpencil);
- punca air yang mencukupi perlu dipasang di seluruh penjara untuk memastikan air tidak menjadi komoditi yang sukar diperolehi sehingga boleh dikawal oleh sekumpulan kecil tahanan. ICRC menyedari bahawa penetapan spesifikasi boleh menyebabkan kesan yang bertentangan. Sebagai contoh, memasang air paip di dalam blok sel boleh menyebabkan tahanan diberikan masa yang lebih singkat untuk berada di luar sel kerana mereka sudah tidak perlu meninggalkan kawasan tempat tinggal untuk mendapatkan bekalan air dari punca air di luar sel. Begitu juga, semakin banyak punca air, semakin tinggi kemungkinan

<sup>45</sup> WHO, *Guidelines for Drinking-water Quality*, fourth edition, 2011: [http://www.who.int/water\\_sanitation\\_health/publications/2011/dwq\\_guidelines/en/](http://www.who.int/water_sanitation_health/publications/2011/dwq_guidelines/en/).

pembaziran air akan berlaku akibat penyalahgunaan pili air dan kurang penyelenggaraan. Bagaimanapun, adalah penting untuk mengelakkan kesan bertentangan ini melalui pengurusan operasi dan pengawasan yang baik dan melalui peringatan secara berterusan bahawa matlamatnya adalah untuk menambah baik keadaan pemenjaraan secara menyeluruh, dan bukan hanya terhadap elemen-elemen yang kecil, walaupun ia penting.

→ stok penimbang (*buffer stock*) iaitu simpanan air seperti takungan air bawah tanah atau menara air) perlu diselenggara sebagai sebahagian daripada sistem air untuk memenuhi keperluan tahanan dan kakitangan sekurang-kurangnya 24 jam sekiranya sistem normal mengalami kegagalan.

### Air dan komuniti tempatan

Biasanya, bukan sesuatu yang mustahil untuk komuniti tempatan mengambil air daripada saluran bekalan yang membawa air ke penjara atau untuk air dicemari (sama ada secara sengaja atau tidak sengaja) pada puncanya atau di sepanjang laluannya. Permintaan bekalan air untuk penjara perlu dimasukkan dalam pengiraan yang meliputi semua pengguna, iaitu populasi di sekitarnya. Langkah-langkah praktikal untuk mengelakkan masalah seperti ini dan bagi menyelesaikan isu berkaitan bekalan air dengan penduduk sekitar termasuk:

- membina perpaipan tambahan dan berasingan atau pemasangan lain (seperti perigi atau tangki) sebagai sebahagian daripada program pembinaan bagi meningkatkan bekalan kepada komuniti tempatan;
- memasang sistem pengumpulan dan penyimpanan takungan untuk mengumpul air sepanjang malam semasa permintaan daripada komuniti sekeliling berada pada tahap paling rendah.

### Bekalan air dan penjara-penjara baharu dan diperluaskan (Topik ini disentuh dengan lebih lanjut dalam Bab 9)

Jika sistem bekalan air sedia ada akan diperluaskan atau penjara baharu dibina, pasukan perancang perlu membiasakan diri dengan perundungan dan peraturan pihak berkuasa tempatan serta prosedur pentadbiran yang relevan. Penjara baharu perlu ditempatkan di kawasan yang mempunyai bekalan air mencukupi pada kos yang berpatutan.

Jika kapasitinya perlu diperluaskan, langkah pertama adalah untuk menilai keadaan dan kapasiti bekalan dan sistem pengagihan sedia ada di penjara itu. Walaupun ini mungkin kelihatan jelas, bukan sesuatu yang asing untuk penderma atau penyedia mempunyai sistem yang lebih digemari mereka dan akibatnya, aturan yang lebih berpotensi untuk menjimatkan kos dan lebih mampan tidak diendahkan. Terdapat banyak contoh penjara yang dibina menggunakan sistem yang didorong oleh pembekal dan tanpa perancangan awal yang tidak memberikan penyelesaian jangka panjang dan mampan.

Perancangan harus mengambil kira potensi pertambahan populasi penjara dan komuniti persekitaran serta kapasiti sistem bekalan air untuk memenuhi sebarang peningkatan dalam permintaan. Perancang-perancang perlu sedar bahawa pelaburan kewangan yang diperlukan bagi menaiktaraf kapasiti rangkaian pengagihan sedia ada atau untuk membina loji rawatan air yang baharu adalah sangat mahal berbanding kos permulaan untuk memasang sistem yang boleh disesuaikan untuk memberi perkhidmatan kepada populasi yang semakin meningkat. Memasang sistem bekalan air yang tidak boleh diperluaskan untuk memenuhi keperluan lebih besar pastinya melibatkan kos yang jauh lebih tinggi dalam jangka masa panjang. Oleh itu, sistem tersebut dan konfigurasinya tidak boleh berada pada had kapasitinya ketika ia dibina.

Bekalan air untuk sebuah penjara yang besar selalunya memerlukan perundungan yang meluas dengan semua pihak berkuasa tempatan yang relevan dan komuniti tempatan. Oleh yang demikian, daripada peringkat paling awal lagi, proses perancangan perlu melibatkan perundungan dengan kumpulan-kumpulan ini dan hasilnya perlu disampaikan kepada pasukan perancang.

Objektif proses perundingan tersebut perlu melibatkan penentuan hak untuk mengakses dan menjamin bekalan air serta perkongsian sumber air secara saksama dengan komuniti yang terjejas. Proses ini mungkin memerlukan kelulusan peringkat lebih tinggi daripada jabatan kerajaan, ada kalanya, campur tangan oleh ketua kerajaan. Persetujuan dengan pihak berkuasa tempatan perlu diperincikan dalam kontrak yang sah di sisi undang-undang. Sebarang pemeriksaan terhadap spesifikasi reka bentuk, kelengkapan dan teknologi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan perlu dijalankan.

Pertemuan dengan komuniti yang berada betul-betul di sekeliling penjara seharusnya dapat menerangkan impak penjara terhadap bekalan air setempat, walaupun jika penjara itu dijangka tidak mendatangkan sebarang impak. Dalam penjara yang besar, saiz sistem bekalan air boleh ditingkatkan secukupnya supaya dapat memberi manfaat kepada komuniti di sekeliling. Ini kerana jika aturan yang saksama dengan komuniti tidak dapat dicapai atau dikekalkan, pengalaman delegasi ICRC menunjukkan ada kalanya ahli komuniti menyalurkan air secara haram untuk memenuhi keperluan mereka sendiri dan mungkin mensabotaj bekalan air.

Sekiranya semua jalan perundingan telah digunakan tanpa mendapat jaminan bekalan air ke penjara, perancangan untuk pembinaan penjara itu tidak seharusnya diteruskan.

#### C. PENGAGIHAN AIR KECEMASAN

Walaupun di dalam penjara yang dibina dan diuruskan sebaik-baiknya, bekalan air tetap boleh terganggu. Ia bukan sesuatu yang jarang terjadi, terutamanya di negara konflik, pasca-konflik dan negara-negara membangun di mana terdapat kelemahan dalam sistem bekalan dan pengagihannya. Akses kepada air adalah antara pencetus kepada kekacauan tahanan. Sekiranya bekalan tidak dipulihkan segera, tahanan boleh menimbulkan gangguan dan merosakkan harta benda ketika mereka cuba mendapatkan bekalan air. Adalah penting untuk pengurusan penjara bersedia dan mampu bertindak balas dengan pantas untuk memulihkan dan menggantikan bekalan air.

Untuk menyediakan air ketika sistem normal menghadapi kegagalan, stok penimbang (iaitu simpanan air) perlu disimpan untuk memenuhi keperluan tahanan dan kakitangan bagi tempoh minimum 24 jam. Aturan kontingensi dengan pihak berkuasa tempatan perlu dibuat untuk penghantaran air dalam situasi di mana stok standard dan stok penimbang tidak mencukupi.



Cecilia Goin/ICRC

Rajah 18 Kemudahan penyimpanan air kecemasan

Jika air adalah terhad disebabkan oleh perubahan musim atau faktor-faktor lain, pengagihan yang saksama perlu dibuat melalui aturan kontingensi yang telah dimaklumkan kepada tahanan dan kakitangan. Sistem catuan perlu diuruskan dengan cara yang dapat memastikan golongan sakit, tahanan berumur, ibu yang menyusu dan kanak-kanak tidak dihalang daripada mendapatkan air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan minuman dan penjagaan kebersihan harian mereka. Latihan simulasi *table-top* dan *in situ* perlu dijalankan secara kerap bagi memastikan pelan air kecemasan adalah berkesan apabila ia dilaksanakan.

Air tambahan atau air ganti boleh dibekalkan secara sementara melalui penghantaran oleh lori air atau sebagai air botol, walaupun ia menelan belanja yang besar.



# **5. SANITASI DAN KEBERSIHAN**

Bab ini menyentuh mengenai infrastruktur yang diperlukan untuk mencapai dan mengekalkan piawaian sanitasi dan kebersihan yang efektif serta implikasi operasi yang relevan.

### **Realiti**

Mencapai sanitasi asas yang efektif adalah cabaran besar dalam kebanyakan penjara. Bukan sesuatu yang asing jika kakitangan dan tahanan tidak biasa dengan penggunaan tandas yang betul. Kawasan tandas menjadi sumber penyakit kerana pengetahuan yang terhad mengenai kepentingan pembersihan secara tetap dan betul, serta cara penyakit berjangkit. Kekurangan dana, kemudahan yang usang dan infrastruktur sanitasi yang tidak mencukupi untuk bilangan tahanan yang ada merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada cabaran ini.

Tandas dan kemudahan sanitasi adalah bahagian yang boleh dilihat dalam sistem pemindahan sisa cecair. Limpahan kumbahan yang disebabkan oleh parit yang tersumbat atau tidak sesuai kerap dilihat di penjara. Ia mungkin berpunca daripada infrastruktur yang tidak mencukupi, pembersihan sistem yang tidak betul selepas tempoh gangguan bekalan air atau, dalam sesetengah kes, sabotaj. Masalah tersumbat biasa berlaku di dalam tangki septik dan dalam penapisan lubang resap, iaitu di penghujung sistem tersebut.

Masalah tersumbat mungkin berpunca daripada objek pejal yang dibuang ke dalam sistem pemindahan, biasanya berlaku apabila tahanan tidak diberikan bahan pembersihan sesuai yang mencukupi dan penggunaan objek asing seperti batu, pakaian dan bahan-bahan pejal lain. Masalah tersumbat juga berlaku apabila tangki septik itu terletak terlalu jauh dan sistem perpaipan yang diperlukan untuk mencapai tangki tersebut menggunakan terlalu banyak paip sesiku dengan terlalu banyak perubahan arah. Adalah lebih baik dan lebih murah dalam jangka masa panjang untuk membina sebuah tangki tambahan yang lebih hampir dengan kawasan itu.

Tangki septik adalah tempat di mana bahan organik diuraikan secara biologi dan di mana cecair, yang diasinkan daripada bahan pejal, dipindahkan sama ada ke lubang resap atau sistem kumbahan perbandaran. Bagaimanapun, ia selalunya dibina sebagai tangki retensi (*retention tank*) yang perlu dikosongkan.

Situasi bermasalah lain yang diperhatikan oleh delegasi ICRC termasuk tangki septik yang dibina di lokasi yang menyebabkan ia tidak boleh dikosongkan (contohnya akses kenderaan disekat oleh laluan yang sempit atau tembok keselamatan) dan penambahan bangunan yang dibina di atas tangki septik.

Masalah-masalah yang berlaku di bawah tanah biasanya adalah yang paling sukar untuk diselesaikan. Kerja mengumbah atau baik pulih adalah sukar jika lokasi paip-paip pemindahan itu tidak diketahui, terutamanya di penjara lama di mana modifikasi telah dibuat kepada sistem tersebut tetapi tidak direkodkan. Dalam situasi lain, langkah penjimatan kos mungkin menyebabkan kekurangan lurang untuk membolehkan pemeriksaan dibuat.

Pengurus penjara perlu mempunyai pengetahuan mengenai infrastruktur tersembunyi (*hidden infrastructure*) supaya mereka dapat memberikan kontrak dengan betul untuk membaiki atau menyelenggara sistem sanitasi.

Susunan sanitasi penjara perlu diatur dalam cara tertentu supaya ia tidak menimbulkan konflik atau masalah kepada komuniti tempatan di kawasan sekitar penjara.

### **Spesifikasi teknikal**

- **Tandas: 1:25 orang.** Minimum satu tandas perlu disediakan untuk setiap kawasan tempat tinggal yang menempatkan sehingga 25 tahanan. Jika sel individu disediakan, setiap sel perlu mempunyai satu tandas. Dalam sel berpenghuni ramai atau dormitori, sesetengah budaya memerlukan bilangan tandas dan kelengkapan bilik mandi yang lebih banyak.
- **Bilik mandi: 1:50 – 3 mandian setiap minggu (minimum dan bergantung kepada keadaan iklim tempatan)**
- **Pili air di tandas: 1 untuk setiap blok tandas untuk mencuci tangan** <sup>46</sup>

<sup>46</sup> ICRC, Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara, ICRC, Geneva, Bab 2.5.

## Amalan baik dan implikasi operasi

### A. INFRASTRUKTUR

Spesifikasi minimum satu **tandas** untuk setiap 25 tahanan mengandaikan bahawa mereka mempunyai akses tanpa had ke kawasan tandas. Tandas sepatutnya terletak di dalam atau hampir dengan sel atau blok tempat tinggal dengan akses 24 jam sama ada tanpa halangan atau diberikan oleh kakitangan berdasarkan permintaan. Tandas perlu berfungsi dengan baik dan agen pembersihan perlu sentiasa ada.

Dalam sesetengah keadaan, nisbah tandas kepada tahanan mungkin perlu diubah. Sebagai contoh, 1:25 mungkin tidak sesuai jika tahanan ditempatkan di dalam sel individu yang tidak mempunyai tandas dan pintunya dikunci pada kebanyakan masa. Dalam kes sebegini, lebih banyak tandas akan diperlukan untuk memastikan tahanan mempunyai akses yang selari dengan piawaian antarabangsa.<sup>47</sup> Kesesuaian nisbah itu perlu dipertimbangkan dengan mengambil kira jumlah masa yang ada untuk setiap tahanan menggunakan tandas dan kekerapan akses yang diberikan.

Jika kakitangan diperlukan untuk mengiringi tahanan menggunakan tandas – contohnya, di dalam blok tempat tinggal di mana tahanan telah dinilai sebagai berisiko tinggi atau mereka sendiri yang terdedah kepada risiko – tandas dan kemudahan mencuci untuk kebersihan diri perlu dipasang di dalam sel atau blok sel. Jika perkara ini tidak boleh dilaksanakan atas sebab-sebab praktikal atau ekonomi, satu sistem perlu diperkenalkan yang membolehkan tahanan untuk menggunakan tandas pada bila-bila masa yang perlu. Ini boleh melibatkan, contohnya, arahan kepada kakitangan untuk bertindak balas terhadap isyarat daripada tahanan yang telah dipersetujui dan menyediakan kakitangan yang cukup untuk bertindak balas sekerap yang mungkin. Di dalam blok dengan tahap keselamatan lebih rendah, di mana tahanan mempunyai akses ke tandas tanpa sekatan, tandas boleh diasingkan daripada ruang tempat tidur. Dalam apa pun keadaan, jarak antara tandas dan bilik mandi dengan tempat tinggal perlu membolehkan ianya diakses pada bila-bila masa. Memastikan tahanan mempunyai akses kepada tandas memerlukan perhatian khusus diberikan kepada penempatan kakitangan, aturan pejabat dan rutin penyeliaan sepanjang 24 jam sehari.

Tandas perlu sesuai mengikut budaya, iaitu, sama seperti yang biasa digunakan dalam komuniti. Lokasi dan *partition* tandas perlu memberikan tahanan tahap privasi semaksimum yang mungkin. Tahanan yang sedang menggunakan tandas tidak seharusnya boleh dilihat oleh tahanan lain. Satu sistem untuk mengepam atau membasuh tandas secara serta-merta selepas penggunaan perlu dipasang dan diselenggara. Sekiranya sistem pengepaman itu gagal, aturan kontingensi yang telah diketahui oleh kakitangan dan tahanan perlu dilaksanakan. Program penyelenggaraan dan pembersihan secara tetap diperlukan untuk memaksimumkan jangka hayat infrastruktur itu, terutamanya jika bahan-bahan mudah rosak digunakan.

ICRC mengesyorkan satu **bilik mandi** untuk setiap 50 tahanan.<sup>48</sup> Bagaimanapun, seperti spesifikasi minimum untuk tandas, cadangan ini perlu difahami dengan teliti. Satu bilik mandi tidak mencukupi untuk setiap 50 tahanan jika rutin operasi dan masa yang diberikan kepada setiap tahanan untuk mandi tidak mencukupi. Contohnya, berdasarkan andaian masa minimum selama 5 minit untuk setiap tahanan membuka pakaian, mandi dan memakai semula pakaian, lebih daripada 4 jam diperlukan untuk mandi jika terdapat satu bilik mandi untuk setiap 50 tahanan. Spesifikasi itu mengandaikan masa yang panjang diperuntukkan kepada setiap orang untuk mandi dan akses kepada bilik mandi secara keseluruhan. Jika kumpulan tahanan berbeza ditempatkan di kawasan yang berasingan, bilangan pancuran bagi setiap kumpulan yang mengandungi sehingga 50 tahanan mungkin perlu ditambah.

Kawasan pancuran dan bilik mandi perlu menyediakan kebersihan asas.<sup>49</sup> Perancang dan pengurus juga harus memastikan kawasan bilik mandi dan aturannya menawarkan privasi dan keselamatan kepada tahanan, terutamanya tahanan yang paling rentan. Tanpa privasi yang secukupnya, tahanan akan mencipta aturan sementara sendiri untuk melindungi maruah asas mereka. Tanpa amalan penilaian risiko dan aturan kakitangan yang cukup, keselamatan tahanan mungkin terjejas. Susun atur yang sesuai adalah seperti yang di bawah.

<sup>47</sup> SMR 12 "Kemudahan kebersihan hendaklah mencukupi bagi membolehkan setiap tahanan memenuhi keperluan untuk membuat air dengan cara yang bersih dan sopan."

<sup>48</sup> ICRC, *Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutuan dalam Penjara*, ICRC, Geneva, Bab 2.5.

<sup>49</sup> SMR 13 "Kemudahan mandi dan pancuran yang mencukupi hendaklah disediakan supaya setiap tahanan boleh mandi atau menggunakan pancuran, pada suhu yang sesuai dengan keadaan iklim, seberapa kerap yang perlu bagi menjaga kebersihan diri mengikut musim dan kawasan geografi, tetapi sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam iklim sederhana."

### **B. BEKALAN AIR, KEBERSIHAN DAN SANITASI**

Bekalan air perlu cukup untuk menyediakan aliran air yang mencukupi ke bilik mandi dan tandas untuk sepanjang hari, terutamanya pada masa permintaan air yang tinggi. Waktu puncak untuk penggunaan bilik mandi dan tandas biasanya adalah pada waktu pagi, sebaik sahaja “bangun tidur” atau “dibuka kurungan” dan sekali lagi ketika “dikurung” atau ketika tahanan masuk tidur. Aliran air perlu mencukupi untuk semua tahanan pada waktu puncak.

Punca air perlu dibina di seluruh penjara di lokasi-lokasi yang memastikan tahanan mendapat akses yang mudah dan kerap, sebaiknya secara berterusan, akses untuk tujuan kebersihan, sanitasi dan penghidratan. Sabun perlu disediakan untuk kegunaan peribadi dan juga pembersihan secara umum, bersama jumlah agen pembersihan dan peralatan lain, termasuk baldi dan mop.

Promosi kebersihan perlu menjadi komponen standard dalam pendidikan dan arahan kepada tahanan. Arahan perlu menyentuh hubungan antara kebersihan asas dan jangkitan penyakit serta kehidupan dalam persekitaran yang sesak. Tahanan boleh dilatih untuk menyampaikan sesi-sesi ini sebagai sebahagian daripada program orientasi tetapi mereka perlu diselia oleh kakitangan kesihatan atau orang dari agensi luar (termasuk organisasi bukan kerajaan).

### **C. PEMBERSIHAN TANDAS**

Membersihkan tandas dan kawasan sekitarnya perlu dianggap sebagai tugas yang penting dalam penjara. Tandas diselenggara dengan paling berkesan sekiranya tugas membersihkannya diberikan secara khusus kepada sekumpulan tahanan. (Penggunaan tenaga kerja tahanan disentuh dengan lebih lanjut dalam Bab 8). Tahanan yang diberikan tugas membersih perlu dibekalkan dengan bahan dan peralatan yang mencukupi, termasuk pakaian pelindung jika ia diperlukan, dan diberi akses ke kawasan tersebut sepanjang hari bagi memastikan kebersihan dikekalkan.<sup>50</sup> Mereka perlu diberi arahan yang jelas dan spesifik mengenai piawaian kebersihan oleh kakitangan kesihatan. Bahan dan peralatan pembersihan perlu disimpan dalam tempat penyimpanan berkunci. Tahanan yang terlibat dalam tugas sebegitu perlu diberi masa dan kemudahan untuk membersihkan diri dan menukar pakaian.

Kakitangan perlu memastikan objek asing termasuk beg plastik, batu dan serpihan lain, tidak diletakkan di dalam tandas. Sebarang indikasi bahawa tandas telah tersumbat atau sistem kumbahan tidak berfungsi dengan baik perlu disiasat dengan segera sebelum situasi bertambah buruk dan menimbulkan risiko kepada kesihatan kakitangan dan tahanan.

### **D. AKSES KEPADA KAWASAN SANITASI**


Masa untuk menggunakan kawasan sanitasi bagi mencuci dan membasuh pakaian perlu diberikan sebagai tambahan kepada piawaian minimum iaitu mendapat udara segar selama satu jam setiap hari.

### **E. PENGURUSAN AIR BUANGAN**

Masalah yang menelan kos tinggi berlaku apabila pemasangan tidak diuruskan mengikut spesifikasi reka bentuknya. Contohnya, tangki septik sepatutnya dikosongkan setiap satu hingga tiga tahun apabila kandungan bahan organik separa pejal mencecah satu pertiga daripada ketinggian dari dasar tangki. Bagaimanapun, apabila tiba masa untuk mengosongkan tangki, kontraktor biasanya hanya akan mengeluarkan bahagian cecair kerana ia memudahkan kerja mereka dan kurang membebankan peralatan pengepaman mereka. Ini akhirnya akan menyebabkan tangki itu tersumbat sepenuhnya. Kakitangan penyelenggaraan penjara harus sedar perkara seperti ini mungkin berlaku dan memantau kerja kontraktor untuk memastikan tangki septik dikosongkan dengan baik. Kakitangan penyelenggaraan penjara perlu mendidik orang yang relevan mengenai pengurusan dan penyelenggaraan tangki septik memandangkan wujud salah tanggapan mengenai tangki septik.

---

<sup>50</sup> SMR 15 “Tahanan hendaklah menjaga kebersihan diri, dan untuk tujuan ini bekalan air dan barang keperluan bilik air yang perlu bagi menjaga kesihatan dan kebersihan diri hendaklah disediakan untuk mereka.”



Rajah 19 Sistem pengumpulan dan pemindahan air buangan. Kebanyakan komponennya berada di bawah tanah.

Alternatif kepada tangki septic tradisional telah dibina dengan jayanya di sesetengah penjara menggunakan sistem biogas. Kelebihan utama sistem biogas adalah ia merawat efluen dengan lebih berkesan dan dalam jangka masa yang lebih panjang. Ia juga menyediakan sumber tenaga tambahan dalam bentuk gas boleh terbakar, yang boleh digunakan di dapur, seterusnya mengurangkan kos operasi memasak.

Pilihan biogas memerlukan penilaian secara terperinci untuk memastikan terdapat pengetahuan di peringkat tempatan berkaitan sistem itu. Pembinaan unit itu perlu memenuhi piawaian berkualiti tinggi, yang mungkin tidak mampu dicapai oleh kontraktor tempatan. Pengetahuan dan kemahiran spesifik diperlukan bagi mengendalikan dan menyelenggara sistem itu. Satu penilaian sistem biogas telah dijalankan di Nepal dan memberikan maklumat yang bermanfaat.<sup>51</sup>

Lukisan skala sistem kumbahan dan air, di atas dan di bawah tanah, perlu disediakan kepada pengurusan penjara sekiranya penyelenggaraan dan pembinaan ingin dilakukan secara cekap dan lebih kos efektif. Setiap kali pengubahsuaian dibuat atau kemudahan baharu dibina, kontraktor perlu menyediakan pelan sistem air dan kumbahan kepada semua pihak berkuasa yang relevan, termasuk pihak berkuasa penjara. Lokasi pelan ini perlu diketahui oleh pengurusan penjara.

Apabila populasi penjara dijangka akan meningkat, pengurusan penjara perlu berunding dengan pihak berkuasa yang relevan dan mendapatkan nasihat (termasuk berkaitan kos) daripada pakar teknikal mengenai impak terhadap sistem kumbahan tempatan akibat peningkatan tersebut.

Satu program penyelenggaraan kumbahan secara rutin yang disokong oleh dana yang cukup adalah penting. Penyelenggaraan perlu termasuk memberikan perhatian segera kepada air yang menitis daripada pili air dan paip bocor. Undang-undang atau peraturan pengurusan air buangan yang relevan di peringkat tempatan perlu dipatuhi. Tahanan mungkin boleh dilatih untuk menjalankan kerja penyelenggaraan tetapi mereka perlu diselia oleh kakitangan. (Penggunaan tahanan sebagai tenaga kerja disentuh dengan lebih lanjut dalam Bab 8.)

<sup>51</sup> C. Lohri et al., *Evaluation of Biogas Sanitation Systems in Nepalese Prisons*, EAWAG, Dübendorf, 2010, [http://www.eawag.ch/forschung/sandec/publikationen/swm/dl/biogas\\_nep\\_prison.pdf](http://www.eawag.ch/forschung/sandec/publikationen/swm/dl/biogas_nep_prison.pdf).

#### F. PENGURUSAN SISA PERUBATAN

Aktiviti penjagaan kesihatan bertujuan melindungi kesihatan, menyembuhkan penyakit dan menyelamatkan nyawa. Aktiviti yang terlibat untuk mencapai matlamat itu menghasilkan sisa, yang boleh membawa kepada jangkitan, trauma atau pendedahan kimia atau radiasi.



Walaupun risiko yang dikaitkan dengan sisa perubatan yang berbahaya dan cara serta kaedah pengurusan sisa itu telah diterangkan secara menyeluruh dalam penulisan dan biasanya diketahui, amalan rawatan terbaik dan kaedah-kaedah pembuangannya memerlukan sumber kewangan dan teknikal yang besar serta rangka kerja undang-undang. Ini selalunya tidak ada dalam konteks di mana ICRC menjalankan tugasnya. Kesannya, pihak berkuasa kebangsaan selalunya tidak mempunyai kelengkapan untuk mengendalikan sisa perubatan yang berbahaya.

Pengurusan sisa yang lemah boleh menjadkan keselamatan kakitangan kesihatan, kakitangan yang diperlukan untuk mengendalikan sisa perubatan, pesakit dan keluarga mereka, serta populasi di sekitar penjara. Tambahan pula, rawatan atau pembuangan sisa yang tidak betul boleh membawa kepada pencemaran alam sekitar. Risiko-risiko yang dikaitkan dengan sisa perubatan yang berbahaya boleh dikurangkan secara ketara melalui langkah-langkah yang mudah dan sesuai.

Memandangkan kerumitan pengurusan sisa perubatan yang berkesan, pembaca dirujuk kepada penerbitan ICRC iaitu *Medical Waste Management 2011* untuk teks dan helaian data lengkap (disediakan dalam Bahasa Perancis dan Inggeris).

# **6. WANITA, KANAK-KANAK PEREMPUAN DAN KANAK-KANAK TANGGUNGJAN**

Peruntukan am yang terkandung dalam dokumen ini dan buku panduan Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekutaran dalam Penjara turut terpakai untuk wanita. Peruntukan dalam bahagian untuk kanak-kanak<sup>52</sup> terpakai untuk kanak-kanak perempuan yang dipenjarakan<sup>53</sup> dan untuk kanak-kanak tanggungan yang dipenjarakan bersama ibu mereka. Bab ini memberi tumpuan kepada keperluan khusus wanita, kanak-kanak perempuan serta kanak-kanak tanggungan yang dipenjarakan bersama mereka dari sudut air, sanitasi, kebersihan dan persekitaran. Menyediakan keperluan khusus itu tidak sepatutnya dianggap sebagai diskriminasi tetapi lebih kepada percubaan untuk memastikan kesaksamaan jantina.<sup>54</sup> Sesetengah isu yang disentuh dalam bab ini, contohnya, perkara yang berkaitan dengan penempatan dan kemudahan lawatan, juga terpakai untuk tahanan lelaki yang mempunyai tanggungjawab sebagai bapa, terutama lelaki yang mempunyai tanggungjawab tunggal sebagai bapa.

### **Realiti**

Di seluruh dunia, majoriti yang sangat besar (purata sekitar 95%) orang di dalam penjara adalah lelaki. Kebanyakan bangunan penjara dan sistemnya direka dan diatur oleh lelaki dan untuk lelaki.

Walaupun terdapat penjara berasingan untuk wanita, ia dianggap sebagai sesuatu yang mahal, memandangkan bilangan wanita yang ditempatkan di situ lebih kecil dan wanita juga dilihat memberikan risiko yang lebih rendah kepada masyarakat. Apabila sumber untuk penjara di peringkat kebangsaan sudah pun terbeban, penjimatan akan dibuat; oleh itu, bilangan penjara wanita semakin berkurangan, yang selalunya mengakibatkan ramai wanita ditahan jauh dari anak-anak mereka, ahli keluarga yang lain serta rakan-rakan. Kaktangan tambahan dan sumber-sumber lain yang diperlukan untuk memenuhi tahap minimum bagi keperluan spesifik wanita selalunya bermakna wanita di dalam penjara mempunyai akses yang kurang kepada perkhidmatan dan sumber utama untuk pendidikan, serta rekreasi fizikal berbanding lelaki.

Di kebanyakan negara, wanita ditempatkan di satu bahagian di dalam penjara yang dibina untuk lelaki. Ini memberikan cabaran dari segi perlindungan, privasi dan pergerakan ulang alik untuk menggunakan perkhidmatan asas yang ada seperti mandi dan mencuci pakaian.

Tambahan pula, peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang memenuhi keperluan tertentu wanita – seperti perkhidmatan berkaitan kesihatan reproduktif, yang mungkin kurang diketahui atau difahami – selalunya tidak menjadi keutamaan kerana wanita merupakan kumpulan minoriti. Wanita bersaing dengan populasi lelaki yang jauh lebih ramai untuk mendapatkan sumber di kawasan yang sama.

Kebiasaannya, ruang yang diperuntukkan untuk wanita tidak cukup, terutamanya berkaitan dengan kawasan rekreasi di luar bangunan, manakala lokasi kemudahan yang ada biasanya tidak mengambil kira keperluan wanita. Ketiadaan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan khusus wanita merupakan satu masalah besar jika kanak-kanak perempuan ditempatkan bersama wanita dan wanita (serta kanak-kanak perempuan) tinggal bersama dengan kanak-kanak tanggungan, walaupun ia sesuatu yang melanggar piawaian antarabangsa yang menetapkan bahawa kanak-kanak perlu ditempatkan secara berasingan daripada orang dewasa.

Hakikat bahawa negara-negara gagal untuk menggunakan piawaian antarabangsa mengenai layanan saksama terhadap tahanan wanita dan bahawa piawaian itu sendiri tidak cukup jelas mengenai ciri-ciri dan keperluan wanita di dalam penjara diakui dengan penerimaan panduan tambahan Peraturan Bangkok oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2010.<sup>55</sup> Memandangkan

<sup>52</sup> Seseorang yang berusia di bawah usia 18 tahun, menurut Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-Kanak.

<sup>53</sup> Lihat, contohnya, Peraturan 37 di bawah Peraturan PBB mengenai Layanan terhadap Tahanan Wanita dan Langkah-Langkah tanpa Pemenjaraan bagi Pesalah Wanita (Peraturan Bangkok), dirujuk selepas ini sebagai Peraturan Bangkok atau BR: "Tahanan juvana wanita hendaklah mempunyai akses yang sama kepada pendidikan dan latihan vokasional seperti yang disediakan kepada tahanan juvana lelaki."

<sup>54</sup> Peraturan 1 di bawah Peraturan Bangkok (BR1): "Agar prinsip tanpa diskriminasi yang termaktub dalam Peraturan 6 di bawah Peraturan Minimum Standard bagi Layanan terhadap Tahanan dapat diamalkan, perhatian perlu diambil mengenai keperluan khusus tahanan wanita dalam aplikasi Peraturan ini. Memenuhi keperluan tersebut untuk mencapai kesaksamaan jantina pada tahap yang tinggi tidak akan dianggap sebagai diskriminasi." Berkaitan layanan terhadap tahanan wanita, lihat juga: C. Lindsey-Curtef, F. Tercier Holst-Roness, L. Anderson, *Addressing the Needs of Women Affected by Armed Conflict: An ICRC Guidance Document*, ICRC, 2004.

<sup>55</sup> Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sesi Enam Puluh Lima, Jawatankuasa Ketiga, Perkara agenda 105, Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Layanan terhadap Tahanan Wanita dan Langkah tanpa Pemenjaraan bagi Pesalah Wanita (Peraturan Bangkok), Doc. Ref: A/RES/229, 16 March 2011 ([http://www.unodc.org/documents/justice-and-prison-reform/crimeprevention/United\\_Nations\\_Rules\\_for\\_the\\_Treatment\\_of\\_Women\\_Prisoners\\_and\\_Non-custodial\\_Measures\\_for\\_Women\\_Offenders\\_the\\_Bangkok\\_Rules.pdf](http://www.unodc.org/documents/justice-and-prison-reform/crimeprevention/United_Nations_Rules_for_the_Treatment_of_Women_Prisoners_and_Non-custodial_Measures_for_Women_Offenders_the_Bangkok_Rules.pdf)).

terdapat perbezaan besar dalam keadaan di seluruh dunia, diakui bukan semua aspek dalam Peraturan itu boleh dilaksanakan dengan segera. Bagaimanapun, ia memberikan panduan penting mengenai keadaan perkhidmatan yang perlu disediakan di penjara dan perlu dirujuk apabila pelan dirangka atau disemak semula. Peraturan Bangkok juga perlu dirujuk jika terdapat pertimbangan untuk melakukan perubahan yang mungkin memberi impak positif atau negatif terhadap tempat tinggal wanita dan akses kepada kemudahan.

## **Amalan baik dan implikasi operasi**

### **A. TEMPAT TINGAL**

Wanita mungkin ditempatkan sama ada dalam satu kawasan yang berasingan sepenuhnya ataupun di dalam bangunan wanita yang berasingan, tetapi berada di dalam kawasan yang sama dengan penjara lelaki.<sup>56</sup> Kawasan yang berasingan sepenuhnya adalah lebih baik. Ini kerana reka bentuk bangunan tersebut akan mencerminkan tahap risiko keselamatan yang rendah oleh wanita. Piawaian antarabangsa menggalakkan keadaan tempat tahanan yang terbuka dan pilihan yang berasaskan komuniti.<sup>57</sup>

Jika sumber yang ada tidak membenarkan penjara wanita ditempatkan di kawasan yang berasingan dalam masa terdekat, reka bentuk dan lokasi premis dan kemudahan yang digunakan wanita seberapa boleh perlu mencerminkan klasifikasi biasa mereka iaitu berisiko rendah<sup>58</sup> dan pada masa yang sama tidak menjelaskan keperluan berdasarkan jantina mereka berhubung keselamatan dan privasi, kebersihan dan kesihatan, penjagaan secukupnya untuk mana-mana kanak-kanak yang tinggal bersama, mengekalkan hubungan dengan ahli keluarga (terutamanya kanak-kanak) dan reintegrasi ke dalam komuniti sebaik dibebaskan. Pertimbangan perlu diberikan untuk menempatkan wanita di dalam komuniti jika tempat tinggal dan perkhidmatan yang ada di penjara menjadi risiko kepada keselamatan dan kesihatan wanita serta anak-anak tanggungan mereka.

Reka bentuk kemudahan untuk wanita, termasuk pengezonan seharusnya mampu membolehkan wanita tidur dan mendapatkan akses yang tetap dan selamat kepada air untuk memasak, minum dan mencuci, ke kawasan penyediaan makanan, tandas, bilik mandi, kawasan mencuci pakaian, penjagaan kesihatan, ruang program dan rekreasi (termasuk rekreasi fizikal) dan membolehkan mereka bertemu peguam dan ahli keluarga sambil diselia oleh kakitangan wanita dan tanpa membuat sebarang hubungan fizikal, visual atau pendengaran dengan tahanan lelaki.

Kemungkinan untuk tahanan lelaki bertembung dengan tahanan wanita semasa berlaku sesuatu kecemasan perlu diminimumkan. Prosedur pemindahan penjara, atau sebahagian daripada penjara, perlu menyediakan laluan/pintu keluar kecemasan yang berasingan untuk lelaki dan wanita atau, sekiranya ia adalah satu-satunya pilihan yang ada, pemindahan wanita perlu dibuat lebih awal ke lokasi yang sudah ditentukan, selamat, dan berasingan.

### **B. KESELAMATAN**

Tembok yang memisahkan kuarters wanita dari kuarters lelaki perlu kukuh supaya mereka tidak dapat melihat sesama sendiri dan mengelakkan komunikasi yang tidak dibenarkan atau yang tidak diingini (contohnya, komunikasi lisan yang menghina dan menggugut). Bangunan dan sempadan yang memisahkan tahanan lelaki dan wanita sepatutnya cukup kukuh untuk menghalang sebarang akses ke bahagian satu lagi dan perlu sentiasa diperiksa. Rutin keselamatan tambahan dan prosedur yang mengenal pasti dan melengkapkan struktur keselamatan fizikal perlu dilaksanakan. Contohnya, laluan akses dan corak pengambilan kakitangan perlu diatur supaya dapat mengehadkan akses kakitangan lelaki ke kuarters wanita pada setiap masa dan memastikan apabila terdapat keperluan untuk kakitangan lelaki memasuki penjara/bahagian wanita, kakitangan lelaki itu perlu sentiasa ditemani oleh kakitangan wanita.<sup>59</sup> Langkah berjaga-jaga tertentu perlu diambil di tempat pusat tahanan pra-perbicaraan.<sup>60</sup> Cermin tidak boleh digunakan untuk menyelia kawasan yang boleh menjelaskan maruah atau privasi, seperti di dalam

<sup>56</sup> SMR 8 (a) "Lelaki dan wanita hendaklah seberapa yang boleh ditahan di institusi berlainan; di sebuah institusi yang menerima lelaki dan wanita, seluruh premis yang diperuntukkan untuk wanita hendaklah diasangkan sepenuhnya."

<sup>57</sup> BR 5 "Pihak berkuasa penjara hendaklah menggunakan pilihan seperti cuti khas (pembebasan berlesen), penjara terbuka, rumah perantaraan, serta perkhidmatan berasaskan komuniti semaksimum yang mungkin untuk tahanan wanita..." Lihat juga Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Langkah-Langkah tanpa Pernenjaraan (Peraturan Tokyo).

<sup>58</sup> BR 41 "Penilaian risiko dan klasifikasi tahanan yang peka terhadap jantina hendaklah: (a) Mengambil kira risiko yang lebih rendah secara umumnya oleh wanita terhadap orang lain, dan juga kesan-kesan yang amat memudarkan terhadap tahanan wanita yang boleh diakibatkan oleh langkah keselamatan tinggi dan peningkatan tahap pengasingan."

<sup>59</sup> SMR 53 (2) "Tiada seorang pun kakitangan lelaki boleh memasuki bahagian institusi yang dikhaskan untuk wanita melainkan dengan diiringi oleh pegawai wanita."

<sup>60</sup> BR56 "Risiko penderaan yang terutamanya dihadapi oleh wanita dalam tahanan sebelum perbicaraan harus difahami oleh pihak berkuasa yang relevan, yang harus mengambil langkah-langkah sesuai dalam segi polisi dan amalan untuk memastikan keselamatan wanita tersebut pada masa itu."

bilik mandi dan tandas. Kakitangan wanita harus ditugaskan di kawasan di mana pemeriksaan harus dilakukan untuk memastikan pemeriksaan ke atas wanita hanya dilakukan oleh pegawai wanita dan tidak dapat dilihat oleh pegawai lelaki.

#### C. KEMASUKAN DAN PENEMPATAN

Wanita perlu ditempatkan berhampiran keluarga mereka untuk memudahkan pengekalan hubungan kekeluargaan melalui lawatan selain perhubungan lain dan hubungan yang boleh menggalakkan kepulangan mereka ke dalam komuniti dengan jayanya sebaik dibebaskan.<sup>61</sup> Premis di mana prosedur kemasukan seperti pemeriksaan dijalankan perlu direka untuk melindungi keselamatan, privasi dan maruah wanita. Sebagai sebahagian proses kemasukan itu, atau sebaiknya di peringkat lebih awal, wanita dengan kanak-kanak tanggungan perlu diberikan peluang untuk membuat perancangan mengenai soal penjagaan kanak-kanak terbabit. Sama ada penjara adalah tempat yang sesuai untuk dihuni oleh kanak-kanak ini bergantung kepada beberapa faktor, termasuk ciri-ciri kemudahan yang ada untuk penempatan mereka, yang perlu sehampir mungkin menyerupai kemudahan untuk kanak-kanak di luar penjara.<sup>62</sup> Wanita yang dipulaukan keluarga dan komuniti dan/atau jika keluarga dan komuniti mereka merupakan risiko yang serius adalah lebih baik ditempatkan di penjara yang berhampiran dengan tempat di mana mereka boleh hidup dengan selamat sebaik dibebaskan.

#### D. PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PENJAGAAN KESIHATAN

Keperluan spesifik wanita berhubung dengan perkhidmatan kesihatan dan perubatan perlu ditonjolkan dalam reka bentuk kemudahan kesihatan, dengan lebih banyak ruang disediakan berbanding kemudahan di dalam penjara lelaki.<sup>63</sup> Kebanyakan wanita akan berasa terancam apabila mendedahkan tubuh mereka; termasuk disebabkan oleh pantang larang budaya atau pengalaman keganasan domestik, penderaan seksual atau pemangsaan. Selain itu, kanak-kanak juga dikenal pasti sebagai kumpulan paling rentan yang integritinya perlu dilindungi. Sewajarnya, cara perkhidmatan penjagaan kesihatan disediakan, termasuk reka bentuk kemudahan, perlu sesuai dengan budaya dan memberikan keutamaan tertentu untuk memastikan keadaan yang menjamin keselamatan dan privasi dan menghormati maruah, wanita dan kanak-kanak yang menggunakan kemudahan tersebut.

Kemudahan kesihatan perlu menyediakan bilik temu bual dan bilik pemeriksaan tertutup, kawasan rawatan, ruang penyimpanan di mana rekod-rekod boleh disimpan secara sulit dan kawasan menunggu yang cukup luas untuk wanita duduk di kawasan terlindung. Tandas perlu ada dalam kemudahan kesihatan. Kemudahan itu perlu mudah diakses dari kawasan tempat tinggal dan reka bentuknya perlu membolehkan kawalan keselamatan yang berkesan. Wanita sepatutnya tidak perlu berjalan melintasi kawasan tahanan lelaki apabila pergi dan balik dari kemudahan kesihatan.

Pertimbangan harus diberikan untuk menempatkan wanita mengandung di tempat tinggal berasingan, terutamanya dalam kes di mana terdapat komplikasi kehamilan. Tempat tinggal berasingan mungkin bermanfaat dalam minggu-minggu terakhir kehamilan, apabila wanita mungkin perlu menggunakan kemudahan tandas dan bilik mandi dengan lebih kerap dan mungkin memerlukan lebih ruang untuk berjalan di kawasan sekitar. Tempat tinggal berasingan tidak seharusnya menyebabkan wanita mengandung dipencarkan. Rutin dan prosedur perlu membolehkan wanita mengandung bercampur dengan tahanan wanita yang lain dan mengakses semua perkhidmatan dan kemudahan yang ada untuk wanita.<sup>64</sup>

<sup>61</sup> BR 4 "Tahanan wanita hendaklah ditempatkan, setakat yang boleh, di penjara berhampiran dengan rumah mereka atau tempat pemulihian sosial, dengan mengambil kira tanggungjawab penjagaan mereka, selain pilihan wanita tersebut dan ketersediaan program dan perkhidmatan yang sesuai."

<sup>62</sup> BR 49 "Keputusan untuk membenarkan kanak-kanak tinggal bersama ibu mereka di dalam penjara hendaklah berdasarkan kepada kepentingan kanak-kanak itu. Kanak-kanak di dalam penjara bersama ibu mereka tidak boleh sama sekali dilayan seperti tahanan." BR 50 "Tahanan wanita yang mempunyai anak di dalam penjara bersama-sama mereka perlu diberikan semaksimum mungkin peluang untuk meluangkan masa bersama anak-anak mereka." BR51 (2) "Persekutuan yang disediakan untuk didikan kanak-kanak itu hendaklah sehampir yang mungkin dengan persekitaran didikan untuk kanak-kanak di luar penjara."

<sup>63</sup> BR10(1) "Perkhidmatan penjagaan kesihatan yang khusus kepada jantina yang sekurang-kurangnya sama taraf dengan yang disediakan untuk komuniti, perlu disediakan untuk tahanan wanita."

<sup>64</sup> SMR 23 (1) "Di institusi untuk wanita, kemudahan khas hendaklah disediakan untuk semua penjagaan dan rawatan pranatal dan pascanatal."

#### **E. KEBERSIHAN**

Wanita perlu mempunyai akses serta-merta dan selamat untuk ke tandas 24 jam sehari. Jika kemudahan tandas ditempatkan di luar kawasan tempat tinggal, pengurusan penjara bertanggungjawab untuk memastikan kakitangan sentiasa ada 24 jam sehari untuk membolehkan akses yang selamat ke tandas tanpa kelewatan. Tandas perlu dibina untuk memberikan privasi pada tahap maksimum.

Akses harian yang selamat ke kemudahan pancuran/bilik mandi perlu disediakan, terutamanya untuk wanita dan kanak-kanak perempuan yang mengandung, baru melahirkan anak, menyusu atau datang haid dan mereka yang tinggal bersama bayi dan kanak-kanak tanggungan. Kemudahan bilik mandi perlu mengambil kira keperluan dan penggunaan yang meningkat dan menyediakan privasi. Sabun untuk kebersihan diri dan mencuci pakaian serta tuala perlu disediakan dalam kuantiti secukupnya supaya tahanan dapat mengekalkan tahap kebersihan yang memuaskan.

Wanita perlu disediakan dengan produk sanitari bersesuaian untuk menguruskan waktu datang haid (termasuk pembuangan bahan-bahan) dengan bermaruah dan privasi. Tahanan perlu disediakan dengan bekalan produk seperti itu yang mencukupi bagi memenuhi keperluan individu.

#### **F. TEMPAT TINGGAL, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN UNTUK IBU DAN BAYI MEREKA**

##### **SERTA KANAK-KANAK KECIL**

Ruang tempat tinggal yang berasingan sepenuhnya dari tempat tinggal dan kawasan tahanan lelaki, perlu disediakan untuk wanita dan anak-anak mereka. Ia perlu menyediakan persekitaran tempat tinggal pada tahap paling normal yang boleh. Ia perlu termasuk ruang tidur dan kawasan bermain di dalam dan di luar bangunan dengan mengambil kira ruang yang diperlukan untuk kanak-kanak. Ruang itu perlu mempunyai kawasan khusus untuk menyediakan makanan dan minuman bayi. (Mungkin perlu untuk memasang ruang dapur yang kecil bagi tujuan itu.)

Wanita yang mempunyai anak bersama-sama mereka di penjara perlu diberikan sedikit kelonggaran daripada tanggungjawab menjaga anak mereka selama 24 jam setiap hari. Penjagaan anak secara berterusan bukan perkara biasa dalam kebanyakan budaya, terutamanya jika mereka mempunyai keluarga yang besar. Dalam mana-mana budaya, kedua-dua ibu dan anak boleh mendapat manfaat daripada perpisahan dalam tempoh yang singkat dan ini perlu diambil kira dalam rutin dan prosedur penjara. Oleh itu, ibu yang dengan bayi dan kanak-kanak harus mempunyai akses kepada tahanan wanita lain. Rutin operasi harus membenarkan lawatan tahanan lain ke unit ibu dan bayi selain membentarkan pergerakan selamat antara unit tersebut dengan perkhidmatan utama yang perlu diakses oleh ibu dan kanak-kanak.

Ibu dengan anak perlu diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam pekerjaan dan program lain yang akan membantu menyumbang kepada reintegrasi berkesan ke dalam komuniti sebaik mereka dibebaskan. Bagi memudahkan perkara ini, perancangan perlu dibuat supaya kanak-kanak dijaga oleh sukarelawan komuniti, sanak-saudara yang melawat, kakitangan atau tahanan yang layak dan sudah disaring<sup>65</sup>

#### **G. PEMAKANAN**

Bekalan air dan makanan serta aturan memasak perlu mengambil kira hakikat bahawa wanita yang mengandung dan sedang menyusu memerlukan makanan dan minuman tambahan, dan bayi serta kanak-kanak memerlukan diet yang baik. Penyimpanan makanan yang sewajarnya (contohnya almari, bekas) perlu disediakan, dengan akses dikawal oleh ibu. Bayi dan kanak-kanak perlu dikira sebagai orang tambahan di dalam penjara dan penjara perlu menyediakan keperluan pemakanan mereka dan membekalkan bekas makanan dan minuman yang sesuai.<sup>66</sup>

<sup>65</sup> SMR 23 (2) "Jika bayi menyusu dibenarkan untuk terus berada bersama-sama ibu mereka di institusi, peruntukan hendaklah dibuat untuk menyediakan tugas yang dikendalikan oleh orang berkelayakan. Bayi tersebut hendaklah ditempatkan di tugas ini apabila mereka tidak berada dalam penjagaan ibu mereka."

<sup>66</sup> BR 48 (1) "Tahanan wanita yang sedang mengandung dan menyusukan anak harus menerima nasihat mengenai kesihatan dan diet mereka di bawah program yang disediakan dan dipantau oleh pengamal kesihatan yang berkelayakan. Makanan yang cukup dan tepat pada masanya, persekitaran yang sihat dan peluang senaman yang tetap harus disediakan secara percuma kepada wanita mengandung, bayi, kanak-kanak dan ibu yang menyusu." BR 48 (3) "Keperluan perubatan dan pemakanan tahanan wanita yang baru melahirkan anak, tetapi anak-anak mereka tidak ada bersama di dalam penjara, juga perlu dimasukkan ke dalam program rawatan."

## H. KERJA, PENDIDIKAN, REKREASI DAN PERKHIDMATAN PROGRAM LAIN

Tanpa mengira di mana mereka dikurung, tahanan wanita perlu sekurang-kurangnya mendapat akses kepada pendidikan, rekreasi dan perkhidmatan program lain yang sama seperti lelaki.<sup>67</sup> Mereka perlu diberikan kawasan rekreasi luar dan bilik yang bersesuaian untuk pendidikan, kerja dan program lain. Bilik-bilik itu mungkin serbaguna tetapi perlu terpisah dari kawasan yang diakses oleh tahanan lelaki.

## I. KEMUDAHAN MELAWAT

Lawatan bersentuhan harus dijadikan kebiasaan. Ruang yang diperuntukkan untuk lawatan perlu mengambil kira prinsip ini selain hakikat bahawa sebahagian besar wanita yang berada di dalam penjara adalah pengasuh utama bagi kanak-kanak tanggungan. Reka bentuk bahagian melawat perlu termasuk kawasan bermain dan kawasan lain di mana ibu-ibu boleh menjalinkan hubungan yang bermakna dengan anak-anak serta ahli keluarga lain.<sup>68</sup> Kawasan ini perlu cukup besar untuk membolehkan beberapa orang kanak-kanak untuk bergerak di sekitarnya dalam masa yang sama. Mengambil kira keadaan cuaca yang lazim, sebaiknya kawasan melawat disediakan di dalam dan luar bangunan. Makanan dan minuman juga harus dibenarkan untuk dinikmati bersama pelawat di kawasan melawat bersentuhan.

Kemudahan pemeriksaan perlu direka supaya ia dapat melindungi keselamatan, privasi dan maruah wanita serta pelawat mereka, termasuk kanak-kanak yang datang melawat.

Jika lawatan tanpa bersentuhan adalah satu-satunya pilihan yang ada, kemudahan yang disediakan perlu membolehkan kanak-kanak kecil untuk melihat ibu mereka daripada posisi duduk dan untuk berkomunikasi secara lisan dengan mereka.

<sup>67</sup> BR42 (1) "Tahanan wanita harus mendapat akses kepada program aktiviti yang seimbang dan menyeluruh yang mengambil kira keperluan sesuai mengikut jantina." Bahagian lain dalam Peraturan ini membabitkan program-program yang dibuat untuk memenuhi keperluan wanita mengandung, ibu menyusu, wanita bersama kanak-kanak dan wanita yang memerlukan sokongan psikososial.

<sup>68</sup> UNODC, *Handbook for Prison Managers and Policymakers on Women and Imprisonment*, United Nations, New York, 2008, pp. 61–63.

# **7. JUVANA**

Bab ini menyentuh mengenai isu-isu mengenai pesalah juvana dalam penjara. Kanak-kanak mempunyai ciri-ciri dan keperluan khusus sebagai satu kumpulan atau sebagai individu. Dalam kumpulan itu, kanak-kanak mempunyai keperluan tertentu pada peringkat perkembangan yang berbeza dan kanak-kanak perempuan mempunyai keperluan khusus. Syor-syor di dalam bab ini boleh digunakan untuk kanak-kanak perempuan dan lelaki yang dipenjarakan (lihat juga syor-syor dalam Bab 6). Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak mentakrifkan kanak-kanak sebagai kanak-kanak lelaki atau perempuan di bawah usia 18. Syor-syor umum di dalam dokumen ini dan di dalam buku panduan ‘Air, Sanitasi, Kebersihan dan Persekitaran dalam Penjara’ turut boleh digunakan untuk kanak-kanak.

### **Realiti**

Walaupun piawaian antarabangsa diambil kira sehingga tahap tertentu dalam perundangan kebangsaan di kebanyakan negara, undang-undang itu dan lebih-lebih lagi amalan semasa biasanya tidak mencukupi. Sistem kebajikan sosial, kehakiman dan penjara kurang pengetahuan, kapasiti dan sumber untuk menguruskan kanak-kanak, terutamanya apabila terdapat sebilangan besar lelaki dewasa. Terdapat perbezaan ketara di peringkat nasional mengenai pemahaman dan definisi kanak-kanak dari segi tempoh belum dewasa dan tanggungjawab jenayah, yang ada kalanya berbeza untuk kanak-kanak perempuan dan lelaki. Pengetahuan juga kurang mengenai keperluan perkembangan fizikal dan emosi mereka. Ini diburukkan lagi, dalam sesetengah kes, oleh ketiadaan dokumen pendaftaran kelahiran dan kaedah alternatif lain bagi menentukan usia. Oleh itu, di kebanyakan negara, kanak-kanak boleh ditemui sedang menjalani hukuman penjara yang panjang atau pendek, di dalam sistem dan bangunan penjara, yang tidak atau kurang menyediakan ruang untuk senaman fizikal, pendidikan, latihan vokasional atau lawatan keluarga. Kanak-kanak turut ditemui di dalam penjara bersama populasi dewasa, terdedah kepada risiko penderaan fizikal, dan pengaruh yang tidak membantu perkembangan potensi positif mereka sebagai ahli masyarakat dan tiada akses untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh membantu mereka.

### **Amalan baik dan implikasi operasi**

Penjara bukan tempat di mana kanak-kanak boleh membesar dengan baik dari segi fizikal, psikologi, intelektual dan emosi. Malah, penahanan biasanya mendatangkan banyak risiko kepada mereka yang belum matang dan lemah dari segi fizikal. Ini diakui dalam piawaian dan norma antarabangsa, yang mengkehendaki supaya penangkapan, penahanan atau pemenjaraan kanak-kanak hanya digunakan bagi tempoh sesingkat yang mungkin dan sebagai langkah terakhir, serta kanak-kanak perlu diasingkan daripada orang dewasa.<sup>69</sup> Panduan antarabangsa juga mengkehendaki supaya keadaan tempat tahanan untuk kanak-kanak yang ditahan perlu menyumbang kepada objektif menyediakan penjagaan, perlindungan, pendidikan dan kemahiran vokasional, meningkatkan dan mengekalkan kesihatan dan rasa hormat pada diri sendiri, dan menggalakkan sikap dan kemahiran yang mampu membantu membangunkan potensi kanak-kanak tersebut sebagai ahli masyarakat.<sup>70</sup> Piawaian itu juga menarik perhatian kepada hakikat bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai keperluan tertentu.

#### **A. TEMPAT TINGGAL**

Para juvana sebaik-baiknya ditempatkan di kawasan yang berasingan sepenuhnya daripada kawasan di mana orang dewasa ditempatkan dan meluangkan masa mereka. Dalam memberi keutamaan kepada penyediaan bangunan dan kawasan yang memastikan juvana terpisah sepenuhnya dari orang dewasa, pihak berkuasa penjara berusaha untuk memenuhi keperluan kanak-kanak untuk perlindungan dan meningkatkan kemungkinan ruang dan bangunan akan digunakan dalam cara yang mengutamakan serta memenuhi keperluan khusus mereka. Banyak negara yang mengiktiraf dalam undang-undang dan/atau peraturan-peraturan penjara mereka bahawa ketika mereka bentuk premis tahanan yang akan menempatkan kanak-kanak, jumlah ruang per kapita yang lebih besar diperlukan berbanding apa yang diperuntukkan untuk orang dewasa.

<sup>69</sup> Lihat, sebagai contoh, Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (Artikel 6, para. 5, 10, para. 2 (b), dan 10, para. 3), Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC), Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (terutamanya Peraturan 5 (1), 8 (d), 21 (2), 71 (5) dan 77 (1)), Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Perlindungan Juvana Yang Dilucutkan Kebebasan Mereka, Konvensyen Geneva Keempat (Artikel 50) dan Protokol Tambahan I (Artikel 77), Piagam Afrika mengenai Hak dan Kebajikan Kanak-Kanak (Artikel 17, para. 1), Garis Panduan Robben Island (No. 36).

<sup>70</sup> Peraturan Minimum Standard Pertubuhan-Pertubuhan Bangsa Bersatu untuk Pentadbiran Keadilan Juvana (Peraturan Beijing, Artikel 26) dan Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Perlindungan Juvana Yang Dilucutkan Kebebasan Mereka (Artikel 12).

Jika bangunan tidak dapat disediakan di kawasan yang berasingan, tempat tinggal kanak-kanak perlu diasangkan sepenuhnya daripada kawasan yang dihuni oleh orang dewasa. Untuk ciri-ciri pembinaan dan amalan sokongan yang boleh menyediakan perlindungan daripada kemungkinan berlaku perhubungan antara kanak-kanak dan orang dewasa atau pelanggaran privasi kanak-kanak oleh orang dewasa, lihat Bab 6. Kanak-kanak perempuan perlu ditempatkan secara berasingan daripada kanak-kanak lelaki (untuk ulasan selanjutnya berkaitan keperluan kanak-kanak perempuan, lihat juga Bab 6, Wanita, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak tanggungan).

Tempat tidur biasanya perlu terdiri daripada kumpulan kecil dormitori atau bilik tidur individu dan membolehkan penyeliaan bagi memastikan perlindungan kanak-kanak,<sup>71</sup> termasuk daripada kanak-kanak lain.<sup>72</sup>

## B. KESELAMATAN

(Lihat Bab 6)

## C. KEMASUKAN DAN PENEMPATAN

Lokasi tempat tahanan yang menempatkan kanak-kanak perlu memudahkan akses kepada pendidikan, latihan vokasional dan perkhidmatan lain yang mempunyai kepentingan tertentu bagi memenuhi keperluan kedua-dua kanak-kanak lelaki dan perempuan (lihat juga Bab 6).

## D. KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN

Saringan, pencegahan dan peruntukan penjagaan kesihatan di dalam penjara perlu mencukupi untuk memenuhi keperluan tertentu kanak-kanak lelaki dan perempuan serta untuk memastikan keselamatan, privasi dan menghormati maruah mereka. Perlu ada kemudahan bagi mencegah penyalahgunaan dadah dan alkohol serta program pemulihan yang disesuaikan secara spesifik mengikut umur, jantina dan keperluan lain.<sup>73</sup>

## E. KEBERSIHAN

Sekiranya kanak-kanak dapat mengambil bahagian dalam aktiviti fizikal yang kerap, ini akan meningkatkan keperluan mereka untuk menggunakan kemudahan bagi membersihkan diri dan pakaian mereka. Perlu juga diberi perhatian bahawa panduan antarabangsa menetapkan kanak-kanak perlu dibenarkan memakai pakaian mereka sendiri, berbanding pakaian penjara<sup>74</sup>. Ini mungkin menyebabkan mereka perlu menggunakan kemudahan mencuci pakaian dengan lebih kerap (lihat juga Bab 6).

## F. PEMAKANAN

Bekalan makanan dan air perlu mengambil kira keperluan tertentu kanak-kanak yang ditahan dalam penjara, dengan mengambil kira aktiviti mereka dan peringkat berbeza dalam pertumbuhan fizikal.<sup>75</sup>

## G. PENDIDIKAN AM DAN VOKASIONAL SERTA REKREASI

Reka bentuk dan struktur kemudahan perlu bersesuaian dengan keperluan kanak-kanak terhadap privasi, rangsangan deria, peluang untuk bercampur dengan rakan sebaya dan mengambil bahagian dalam sukan, senaman fizikal dan aktiviti-aktiviti masa lapang.<sup>76</sup> Kanak-kanak mempunyai hak kepada pendidikan sekurang-kurangnya hingga usia tamat persekolahan yang wajib. Adalah disyorkan supaya pendidikan ini disediakan di luar kawasan penjara,<sup>77</sup> namun jika ia tidak dilakukan, bangunan bersesuaian, termasuk perpustakaan, perlu disediakan di dalam kawasan penjara.

<sup>71</sup> Peraturan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Perlindungan Juvana Yang Dilucutkan Kebebasan Mereka, Artikel 32.

<sup>72</sup> Penjara yang menempatkan kanak-kanak sehingga usia 18 tahun akan mempunyai individu-individu yang berada pada peringkat sangat berbeza dari segi emosi, psikologi dan pertumbuhan fizikal, tanpa panduan dan perlindungan yang biasanya (sebaik-baiknya) disediakan oleh ahli keluarga dewasa.

<sup>73</sup> *Ibid.*, Artikel 54.

<sup>74</sup> *Ibid.*, Artikel 36.

<sup>75</sup> *Ibid.*, Artikel 37.

<sup>76</sup> *Ibid.*, Artikel 32, 47.

<sup>77</sup> *Ibid.*, Artikel 38.

#### H. KEMUDAHAN MELAWAT

Komunikasi yang mencukupi dengan dunia luar<sup>78</sup> dilihat sebagai bahagian penting dalam hak kepada layanan adil dan berperikemanusiaan serta penting sebagai persediaan juvana untuk pulang ke pangkuan masyarakat.<sup>79</sup> Kanak-kanak dalam tahanan, dan terutamanya mereka yang dalam tahanan pra-perbicaraan, mempunyai keperluan yang sekurang-kurangnya sama dengan orang dewasa untuk akses ke ruang peribadi di mana mereka boleh bertemu penasihat undang-undang dan lain-lain. Kanak-kanak mempunyai hak untuk menerima lawatan yang tetap dan kerap dari keluarga, dengan saranan lawatan itu diadakan “secara prinsipnya sekali seminggu dan tidak kurang daripada sekali sebulan, dalam keadaan yang menghormati keperluan juvana untuk privasi, perhubungan dan komunikasi tanpa sekatan.”<sup>80</sup> Keperluan ini perlu diambil kira melalui penyediaan bilangan dan jenis bilik pertemuan dan ruang yang disediakan.

---

<sup>78</sup> *Ibid.*, Artikel 59; “Juvana perlu dibenarkan untuk berkomunikasi dengan keluarga mereka, rakan-rakan dan orang lain atau wakil dari organisasi luar yang bereputasi baik.”

<sup>79</sup> *Ibid.*, Artikel 59, 60, 61.

<sup>80</sup> *Ibid.*, Artikel 60.

# **8. PENYELENGGARAAN PENJARA**

**TERMASUK PENGLIBATAN TAHANAN  
DALAM MENYELENGGARA  
LOJI DAN PERALATAN**

## Bab ini menyentuh mengenai isu-isu umum berkaitan penyelenggaraan penjara dan penglibatan tahanan dalam aktiviti berkenaan. Ia merujuk kepada piawaian antarabangsa yang relevan dan mempertimbangkan implikasi operasi mereka.

Buku panduan ICRC tidak menyatakan secara langsung berkaitan penggunaan tahanan untuk menyelenggara atau mengendalikan loji dan peralatan. Bagaimanapun, di kebanyakan negara membangun, adalah perkara biasa untuk tahanan mengambil tanggungjawab dalam fungsi-fungsi ini. ICRC mencari penyelesaian yang pragmatik kepada isu kemanusiaan dan selalunya memilih untuk melatih tahanan bagi menjalankan aktiviti penyelenggaraan, sekiranya ia dapat diterima dan dipersetujui pihak berkenaan.

### **Realiti**

Banyak penjara, terutamanya yang berdepan masalah kesesakan yang kronik, tidak mempunyai kakitangan untuk menyelenggara infrastruktur dan peralatan atau kakitangan pembersihan untuk menguruskan tugas berkenaan. Selalunya tidak ada peruntukan belanjawan untuk penyelenggaraan, termasuk penyelenggaraan perkhidmatan penting. Dalam keadaan seperti itu, tahanan boleh mengambil tanggungjawab untuk mengendalikan dan menyelenggara perkhidmatan air dan sanitasi serta perkhidmatan lain. Memberikan latihan penyelenggaraan kepada tahanan menunjukkan bahawa adalah demi kepentingan tahanan untuk memastikan loji dan peralatan berada dalam keadaan baik.

Bagaimanapun, terdapat risiko bahawa tahanan dan/atau kakitangan mungkin memperkenalkan sistem pembayaran, mengenakan bayaran kepada tahanan lain untuk akses kepada perkhidmatan. Dalam situasi seperti itu, tahanan dan/atau kakitangan mungkin akan cuba mewajarkan pembayaran sebagai sesuatu yang perlu untuk meliputi kos peralatan dan bahan-bahan yang tidak disediakan oleh pengurusan penjara. Perkara ini harus diuruskan dengan baik oleh kakitangan bagi memastikan ia mematuhi Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan, yang melarang tahanan daripada menyelia, mengawal dan mengenakan bayaran untuk perkhidmatan. Situasi sebegini akan mewujudkan diskriminasi dan kemungkinan berlakunya penderaan berterusan terhadap tahanan yang tidak mampu membayar yuran berkenaan.

### **Amalan baik dan implikasi operasi**

#### **A. PRINSIP-PRINSIP UTAMA**

Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan penjara kekal dalam keadaan yang baik. Tanggungjawab ini termasuk menyediakan bahan-bahan, kelengkapan dan peralatan, menjalankan kerja penyelenggaraan, memastikan kualiti kerja yang dijalankan, dan menggaji atau mengambil kontraktor yang berkemahiran untuk mengurus, mengatur dan menyelia kerja penyelenggaraan. Tahanan yang mempunyai kemahiran bersesuaian boleh diambil bekerja.

Loji dan peralatan penting perlu disediakan oleh kerajaan dan program penyelenggaraan yang mencukupi perlu dibangunkan dan dilaksanakan.

Program penyelenggaran perlu terdiri daripada respons pencegahan, pembetulan dan krisis. Penyelenggaraan pencegahan termasuk pembersihan secara tetap dan pemeriksaan infrastruktur dan perkhidmatan. Ia juga perlu membabitkan latihan kepada tahanan untuk memenuhi tanggungjawab penyelenggaraan di bawah penyeliaan kakitangan penjara.

Sebagai sebahagian daripada pendidikan/latihan mereka, tahanan perlu diberi peluang untuk mengembangkan kemahiran baharu dan sedia ada serta rasa tanggungjawab.<sup>81</sup> Dalam sesetengah sistem penjara, tahanan dilatih dalam kemahiran dan kaedah pembinaan dan kemudian diaambil bekerja dalam pasukan pembinaan yang dipantau untuk membina kemudahan penjara.

---

<sup>81</sup> SMR 71 (2) "Semua tahanan yang menjalani hukuman hendaklah diwajibkan bekerja, tertakluk kepada kecergasan fizikal dan mental seperti yang ditentukan oleh pegawai perubatan." SMR 71 (3) "Kerja yang secukupnya dan bermanfaat hendaklah diberikan bagi memastikan tahanan bekerja secara aktif pada hari kerja biasa." SMR 71 (4) "Seboleh-bolehnya, kerja yang diberikan hendaklah mengekalkan atau meningkatkan keupayaan tahanan untuk mencari rezeki secara jujur selepas dibebaskan." SMR 71 (5) "Latihan vokasional dalam bidang yang berfaedah perlu disediakan untuk tahanan yang boleh memanfaatkannya dan terutamanya untuk tahanan muda." SMR 71 (6) "Tahanan hendaklah dibenarkan memilih jenis kerja yang ingin dilakukan oleh mereka, mengikut batas-batas yang seajar dengan pemilihan pekerjaan yang sesuai dan dengan keperluan pentadbiran dan disiplin institusi."

Perlu diberi perhatian bahawa tugas pembersihan domestik biasanya dianggap sebagai aktiviti wajib untuk semua tahanan, walaupun ia adalah sebahagian daripada penyelenggaraan.

## B. MEMBANGUNKAN PELAN PENYELENGGARAAN

Keperluan penyelenggaraan dipengaruhi oleh kualiti infrastruktur dan kepakaran teknikal yang digunakan dalam pembinaan asal, kualiti alat gantian, ketersediaan kemahiran penyelenggaraan teknikal, ketepatan masa respons, iklim dan kualiti penyeliaan kakitangan.

Tugas penyelenggaraan utama termasuk:

- pembersihan harian (kawasan tempat tinggal, dapur dan kawasan tempat penyediaan makanan, tandas, pejabat, halaman dan parit-parit);
- pemeriksaan harian untuk mengenalpasti infrastruktur dan peralatan yang rosak;
- pemeriksaan tetap dan pengurusan tangki septik;
- pemeriksaan tetap bumbung dan talang air;
- pemeriksaan litar elektrik;
- pembersihan dan disinfeksi infrastruktur penyimpanan air;
- mengecat – cat anti karat pada logam;
- nasihat kepada tahanan baru mengenai aturan penyelenggaraan;
- pembaikan segera perkhidmatan air, sanitasi, elektrikal, sistem paip dan perkhidmatan lain, sekiranya perlu.

Bahan penyelenggaraan dan alat ganti perlu ada di peringkat tempatan, dan begitu juga dengan kepakaran teknikal yang diperlukan untuk menjalankan kerja penyelenggaraan. Jika pemberi dana mencadangkan penyediaan peralatan dan loji (termasuk kenderaan), perlu ditentukan sama ada alat gantinya boleh diperolehi di peringkat tempatan serta tahan lama. Saranan boleh diberikan kepada pemberi dana sebelum komitmen awal dibuat.

Pelan penyelenggaraan perlu:

- berdasarkan kepada pendekatan penyelenggaraan bersifat pencegahan dan termasuk penggantian rutin disebabkan keadaan haus dan lusuh selain kapasiti untuk bertindak balas segera terhadap situasi krisis; satu pemeriksaan mengenai penggunaan peralatan perlu dijalankan secara tetap untuk memastikan masalah haus dan lusuh dapat diminimumkan;
- dikira sebagai butiran yang berasingan dalam belanjawan operasi. Satu kaedah untuk merekod/perakaunan perlu dilaksanakan yang menunjukkan perbelanjaan penyelenggaraan bulanan. Belanjawan tahunan untuk kos-kos rutin dan tidak tetap perlu dibuat dan anggaran belanjawan yang seterusnya perlu dibentangkan secara tahunan;
- termasuk prosedur operasi bagi setiap tugas.

Sekiranya belanjawan penyelenggaraan yang mencukupi tidak ditetapkan, loji dan peralatan mungkin mengalami kerosakan yang sepatutnya boleh dielakkan, atau dana mungkin perlu dipindahkan dari belanjawan yang lain (contohnya makanan, perkhidmatan perubatan) untuk menyediakan wang bagi kerja penyelenggaraan yang penting.

Penyelenggaraan harian yang penting termasuk:

- membersihkan semua premis;
- pengurusan sampah;
- pembersihan saliran dan laman;
- mengenalpasti dan membaiki loji dan peralatan yang rosak, terutama pintu, tingkap, tandas dan longkang.

Penyelenggaraan tetap yang penting termasuk:

- membersihkan bumbung dan paip saliran;
- memeriksa tangki septik dan lubang resap;
- menukar penapis dan minyak penjana;
- memeriksa dan membersihkan panel kawalan elektrikal;
- membersihkan dan mendisinfeksi penyimpanan air;
- membaik pulih kerja-kerja batu;
- mengecat bahagian logam dengan cat anti-karat.

Memasang sebarang sistem, seperti **sistem pendaftaran elektronik tahanan**, yang bergantung kepada bekalan berterusan tenaga elektrik boleh menyebabkan cabaran besar sekiranya bekalan sebegitu tidak dapat dijamin. Elektrik yang dibekalkan oleh grid komuniti selalunya hanya boleh didapati bagi tempoh masa yang terhad setiap hari. Jika perkara seperti ini berlaku, sistem sokongan (*backup*) diperlukan dan kebiasaannya ia disediakan oleh penjana. Sama ada penjana digunakan secara kerap atau tidak, ia perlu diliputi oleh program penyelenggaraan dan pemeriksaan untuk memastikan keteguhannya. Pengalaman telah menunjukkan adalah sukar untuk menyelenggara penjana dan untuk mendapatkan alat gantinya kerana kekurangan dana, ketiadaan alat ganti dan kekurangan kepakaran teknikal tempatan.

Penjara yang berada dalam persekitaran yang kekurangan sumber telah berjaya memasang **panel solar** untuk menambah bekalan tenaganya. Selain daripada pembersihan secara tetap, panel solar hanya memerlukan penyelenggaraan yang minimum dan alat gantinya biasanya boleh didapati di dalam negara.

**Biogas** perlu dipertimbangkan sebagai satu cara untuk menyumbang kepada keperluan tenaga. Teknologi ini memerlukan penyeliaan dan pengetahuan pakar. Ini selalunya boleh diperolehi jika sistem biogas telah pun digunakan oleh komuniti tempatan. (Lihat juga Bab 5, Amalan baik dan implikasi operasi, (e) Pengurusan air buangan.)

**Alat pemadam api** perlu dipasang melalui aturan dengan pihak berkuasa bomba tempatan. Pemeriksaan secara tetap perlu dijalankan sebagai sebahagian daripada pelan penyelenggaraan menyeluruh dan latihan kebakaran dibuat secara kerap (termasuk pemindahan kecemasan semua kakitangan dan tahanan).

**Kemudahan memasak** perlu direka bentuk berdasarkan jenis tenaga yang digunakan. Sebagai contoh, ruang tertutup yang sesuai untuk elektrik atau gas, boleh menjadi kawasan yang berbahaya jika kayu lembab atau bahan mudah terbakar yang lain digunakan sebagai bahan api.

#### C. PERTIMBANGAN PENYELENGGARAAN SEMASA MEREKA BENTUK PENJARA BAHRU DAN MEMBESARKAN PENJARA SEDIA ADA

Pembangunan pelan penyelenggaraan tahunan penjara adalah penting. Ia termasuk semua bangunan dan peralatan serta memastikan pemeriksaan penyelenggaraan secara tetap dan rutin (lihat Bahagian (b) di atas, Membangunkan pelan penyelenggaraan). Selalu diandaikan bahawa penyelenggaraan adalah minimum pada tahun pertama dan tahun-tahun awal bagi bangunan baharu atau yang telah dipulihkan. Bagaimanapun, pengalaman menunjukkan kemerosotan bangunan bermula semasa fasa pembinaan itu sendiri. Oleh itu, belanjawan untuk penyelenggaraan tahunan perlu dibuat bermula tahun pertama operasi penjara walaupun kelengkapannya mungkin masih di bawah jaminan.

#### D. MENGURUS DAN MENYELIA KERJA<sup>82</sup>

Memandangkan tanggungjawab untuk penyelenggaraan adalah di bawah kerajaan, kakitangan perlu mengambil tanggungjawab penyeliaan. Tahanan yang menjalankan kerja itu mungkin mempunyai kemahiran yang sama, malah mungkin lebih berkemahiran berbanding kakitangan tetapi itu tidak mengurangkan tanggungjawab kakitangan.

Sistem penyelenggaraan yang berkesan memerlukan seorang kakitangan sebagai pegawai penjaga (*officer-in-charge*) dan mempunyai akses secara langsung kepada pengurus penjara yang bertanggungjawab ke atas dana. Pegawai penyelenggaraan perlu terlibat dalam pemilihan tahanan untuk ditugaskan dalam kerja penyelenggaraan. Tanggungjawab pegawai penjaga termasuk menyediakan pelan penyelenggaraan, menyediakan dan menguruskan belanjawan, menyusun dan menyelia pelaksanaan pelan, mengawal penggunaan bahan dan peralatan serta melatih tahanan.

Pasukan penyelenggaraan memerlukan penyeliaan, rekod, prosedur operasi dan sokongan teknikal untuk menjalankan penyelenggaraan selain alat, peralatan dan bahan-bahan yang diperlukan. Penyeliaan oleh kakitangan harus juga mengambil kira peralatan dan kelengkapan serta kualiti dan keberkesanan kerja yang dijalankan.

<sup>82</sup> SMR 72 (1) "Penyusunan dan kaedah kerja di dalam institusi hendaklah seberapa yang boleh menyerupai penyusunan dan kaedah kerja yang sama di luar institusi, bagi mempersiapkan tahanan untuk menghadapi suasana kehidupan bekerja yang biasa."

Dalam apa keadaan sekali pun, tahanan tidak boleh dituntut untuk membayar tahanan lain bagi perkhidmatan yang memenuhi keperluan asas mereka. Tahanan tidak memiliki harta kerajaan dan oleh itu tidak boleh mengenakan bayaran kepada tahanan lain untuk menggunakan ataupun mendapat akses kepada, peralatan dan/atau perkhidmatan.

#### E. PERATURAN KERJA

Keadaan kerja perlu tertakluk kepada undang-undang yang sama seperti yang digunakan di luar penjara.<sup>83</sup> Kerja perlu dijalankan dengan cara selamat dan mengikut keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Tahanan perlu dilengkapi dengan peralatan dan bahan yang diperlukan, diberi arahan sebaiknya dan menerima latihan yang mencukupi (contohnya berhubung risiko renjatan elektrik) sebelum memulakan kerja.

#### F. PEMILIHAN TAHANAN UNTUK BEKERJA

Proses pemilihan seharusnya dijalankan secara telus. Tahanan yang dipilih perlu sihat dan mempunyai kemahiran yang diperlukan (atau berpotensi sekiranya latihan dicadangkan). Kerja yang dijalankan perlu mengikut kapasiti keupayaan fizikal mereka dan tidak boleh menyebabkan kesusahan kepada mereka.<sup>84</sup> Sekiranya mereka tidak dapat menjalankan tugas mengikut piawaian yang diperlukan selepas menjalani latihan yang diluluskan, tahanan tidak boleh dibenarkan untuk menjalankan tugas yang dicadangkan. Sistem formal mengenai risiko keselamatan dan penilaian keperluan harus disediakan. Risiko perlu diambil kira dalam proses pemilihan awal dan dalam proses penilaian semula secara berterusan.

#### G. GANJARAN

Tahanan perlu diberikan ganjaran untuk kerja mereka,<sup>85</sup> walaupun ganjaran tidak semestinya dalam bentuk wang. Ganjaran mungkin diberikan menerusi sistem pengurangan hukuman, menambah baik atau menaiktaraf tempat tinggal, makanan tambahan atau lawatan tambahan.

Mungkin terdapat kadar berbeza bagi ganjaran dan pampasan untuk tahanan tetapi isu utamanya adalah pembayaran untuk setiap jawatan perlu ditetapkan dan melibatkan skala.

<sup>83</sup> A. Coyle, *A Human Rights Approach to Prison Management, Handbook for Prison Staff*, second edition, ICPS, United Kingdom, 2009, p. 93.

<sup>84</sup> SMR 71 (1) "Kerja di dalam penjara tidak boleh bersifat menyakitkan."

<sup>85</sup> SMR 76 (1) "Sistem ganjaran yang saksama hendaklah diadakan untuk kerja yang dilakukan oleh tahanan."



# **9. MERANCANG PEMBINAAN ATAU PEMULIHAN PENJARA**

Bab ini menyentuh mengenai isu-isu utama yang perlu dipertimbangkan dan ditangani ketika merancang pembinaan atau pemulihan sesebuah sesebuah penjara atau sebahagian daripada penjara. Bukanlah peranan ICRC untuk menggalakkan pembinaan penjara tetapi hakikatnya adalah wajar untuk menggantikan infrastruktur yang sudah usang dan tidak lagi sesuai dengan tujuannya, dalam keadaan tertentu, untuk membina tempat tinggal tambahan di penjara. Pemerhatian ICRC mendapati proses perancangan yang lemah menyumbang kepada kelemahan yang menyebabkan kemerosotan dalam keadaan pemenjaraan dan layanan terhadap tahanan.

Bab ini memberikan panduan bagi aspek-aspek penting dalam proses perancangan.

### **Realiti**

Untuk mereka bentuk dan membina sebuah penjara yang berfungsi dengan baik, pasukan reka bentuk dan kontraktor pembinaan perlu diberikan pelan yang jelas dan menyeluruh, termasuk perincian bagaimana penjara itu akan beroperasi, fungsi-fungsi dan aktiviti-aktivitinya, dan pergerakan tahanan di dalam serta antara kawasan yang berbeza (lihat juga Bab 2). Piawaian dan norma yang ditakrifkan secara jelas juga diperlukan untuk membina satu sistem yang memenuhi keperluan dalam lingkungan belanjawan yang ada. Norma dan piawaian ini selalunya mempunyai kekurangan atau tidak realistik.

Bukan sesuatu yang asing bagi cadangan reka bentuk hanya mengambil kira komponen pembinaan dan tidak memberi perhatian kepada komponen lain yang penting untuk menyediakan persekitaran yang selamat, terjamin dan berperikemanusiaan. Reka bentuknya mungkin tidak memasukkan kemudahan memasak, kemudahan lawatan, bengkel, kemudahan program dan pendidikan, bilik temuramah, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, pejabat kakitangan dan kemudahan pentadbiran. Kesilapan reka bentuk yang lain termasuk gagal mengenal pasti sumber air atau elektrik yang mencukupi, sistem pengudaraan yang tidak mencukupi dan sistem sanitasi yang tidak mencukupi untuk bilangan tahanan yang dirancang. Kesilapan ini bukan mudah atau murah untuk diperbaiki pada tahap seterusnya. Kesilapan reka bentuk yang menelan belanja paling besar selalunya adalah reka bentuk yang memerlukan nisbah kakitangan kepada tahanan yang tinggi untuk mengekalkan keselamatan dan kawalan yang secukupnya.

Pihak berkuasa kebangsaan selalunya mempunyai kapasiti yang tidak mencukupi untuk menjalankan proses perancangan teratur dan menyeluruh yang diperlukan untuk pembangunan kemudahan baharu atau kerja pembesaran; oleh itu delegasi ICRC selalunya diminta untuk memberikan ulasan terhadap pelan laksar. Reka bentuk yang terlalu ringkas dan/atau proses perancangan secara ad hoc menyebabkan reka bentuk yang tidak sesuai dan bangunan yang tidak sepadan dengan tujuannya. Proses perancangan juga selalunya gagal untuk mengambil kira belanjawan dan bilangan kakitangan yang diperlukan untuk mengendalikan penjara selari dengan reka bentuknya. Tanggungjawab untuk mereka bentuk dan pembinaan selalunya terbahagi kepada lebih daripada satu jabatan. Dalam kes sebegini, panduan operasi perlu didapatkan daripada pihak berkuasa penjara kebangsaan.

Bagi mengurangkan kesesakan, selalunya wujud tekanan untuk membuka penjara sebelum proses pentaulahan diselesaikan, menyebabkan amalan kerja tidak selamat yang menjelaskan keselamatan dan kawalan.

### **Amalan baik dan implikasi operasi**

Merancang, mereka bentuk dan membina sebuah penjara adalah satu proses yang panjang. Kesilapan yang mahal berlaku apabila jalan pintas diambil. Kesilapan-kesilapan termasuk mereka bentuk premis yang tidak selari dengan rejim pengurusan penjara yang dirancang, memilih lokasi yang tidak sesuai untuk penjara tersebut dan menggunakan bahan pembinaan yang tidak sesuai. Pada tahap minimum, isu-isu berikut perlu ditangani ketika merancang penjara baharu atau tambahan kepada kemudahan sedia ada di semua negara, termasuk negara membangun.

#### **A. PELAN INDUK**

Pelan induk perlu dihasilkan untuk memberi panduan kepada pembangunan keseluruhan sistem penjara. Ia perlu menerangkan kesemua kemudahan penjara, termasuk kapasitinya, tahap keselamatan dan keadaan infrastruktur sedia ada selain matlamat sistem penjara tersebut, nilai-nilai terasnya dan sebarang jurang dalam sistem berkenaan. Ia memudahkan penilaian terhadap keperluan infrastruktur yang tertunggak.

Proses membangunkan pelan induk termasuk langkah-langkah berikut:

- menentukan nilai-nilai teras yang dijadikan dasar oleh jabatan penjara ketika membuat keputusan berkaitan pengurusan dan pembangunan sistem;
- menentukan matlamat untuk sistem penjara dan untuk setiap penjara;
- menjalankan penilaian keperluan untuk menentukan kapasiti dan keupayaan institusi sedia ada dan menganalisis populasi dan pola penjara;
- membuat pelan yang merangkumi keseluruhan sistem penjara untuk memastikan strukturnya menyediakan pelbagai fungsi dan kapasiti penjara yang memenuhi keperluan kumpulan atau kategori tahanan berbeza.

Proses permulaan perancangan induk bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk bilangan penjara di dalam sistem tersebut serta pengetahuan yang dimiliki oleh kakitangan utama yang terabit dalam proses perancangan tersebut. Pelan induk itu perlu dikemaskini setiap tahun.

## B. STRATEGI PENGURUSAN

Pelan induk adalah asas kepada pembangunan strategi pengurusan yang menyokong reka bentuk penjara baharu atau pembesaran penjara. Strategi pengurusan perlu dibangunkan oleh kumpulan pelbagai latar belakang yang diketuai oleh pengamal pengurusan penjara dan melibatkan pakar polisi, ahli psikologi, pekerja sosial, profesional kesihatan, pakar program penjara dan industri, pakar keselamatan penjara dan arkitek/jurutera dengan kepakaran dalam reka bentuk dan pengurusan penjara.

Strategi pengurusan menerangkan bagaimana penjara itu diuruskan. Ia perlu termasuk:

- matlamat penjara dan asas falsafah penjara;
- perkhidmatan dan kemudahan yang perlu disediakan dan hubungan fungsian antara keduanya;
- polis operasi utama, termasuk rejim dan waktu operasi, pendekatan penyeliaan dan keselamatan;
- bilangan dan jenis tahanan;
- pelbagai program dan aktiviti yang dicadangkan;
- perkhidmatan dan kemudahan di dalam setiap blok tempat tinggal dan sel;<sup>86</sup>
- saiz keseluruhan penjara di dalam perimeter luaran dan ukuran dormitori, bilik dan sel dalam kawasan tempat tinggal;
- belanjawan projek dan jadual pembinaan yang dirancang;
- struktur pengurusan, struktur organisasi kakitangan dan bilangan kakitangan (penjagaan, pentadbiran, program, industri, kesihatan, penyelenggaraan dan lain-lain).

Kos merupakan satu pertimbangan bagi semua pihak berkuasa ketika menentukan rejim pengurusan sesebuah penjara. Cara bangunan digunakan boleh meningkatkan atau mengurangkan kos operasi penjara. Sekiranya masa tahanan di luar sel tempat tinggal dan blok ditingkatkan, kos keseluruhan operasi penjara boleh dikurangkan kerana tiada keperluan untuk mempunyai bilangan kakitangan yang ramai jika perkhidmatan disediakan kepada tahanan dan pengawasan rapi diteruskan. Dalam rejim yang lebih terbuka, kos kakitangan mungkin boleh dikurangkan lagi sekiranya tahanan melakukan aktiviti-aktiviti domestik (memasak, mencuci pakaian, berkebun, akses kepada air dan kemudahan sanitasi, dan lain-lain) tanpa sekat. Sikap terhadap pengurusan tahanan yang mempunyai tahap keselamatan berbeza adalah berlainan antara bidang kuasa/negara-negara.

Adalah penting untuk menerangkan operasi penjara kerana reka bentuk yang dihasilkan perlu menyokong operasinya. Maklumat diberikan mengenai kepelbagaiannya jenis bangunan, tujuannya, hubungan fungsian antara bangunan dan pergerakan tahanan, kakitangan serta orang lain yang mempunyai urusan sah di penjara (contohnya pelawat, pekerja). Strategi pengurusan perlu diluluskan oleh ketua jabatan penjara dan sebaiknya turut diluluskan oleh menteri kerajaan yang relevan.

<sup>86</sup> SMR 63 (3) "Sebaik-baiknya bilangan tahanan di institusi tertutup tidak begitu besar sehingga menghalang tahanan daripada mendapatkan layanan secara individu. Di sesetengah negara, bilangan penghuni institusi sedemikian dianggap tidak harus melebihi 500 orang. Di institusi terbuka, bilangan penghuni hendaklah sekecil yang boleh."

### C. PASUKAN REKA BENTUK – KOMPOSISI DAN FUNGSI

#### Komposisi

Pasukan yang bertanggungjawab untuk membangunkan reka bentuk penjara adalah termasuk pengurus penjara, arkitek, jurutera, pakar keselamatan, ahli psikologi, guru, pegawai industri penjara, serta profesional perubatan dan kesihatan. Pemimpin tradisional yang boleh memberi nasihat mengenai keperluan budaya tahanan wajar menyertai pasukan ini. Lebih baik sekiranya ahli-ahli dalam pasukan itu mempunyai pengalaman dalam reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan penjara atau mampu belajar daripada pengalaman dan pengetahuan orang lain.

Pasukan reka bentuk dan pembuat keputusan perlu mempunyai pengetahuan yang baik mengenai instrumen antarabangsa yang relevan. Jika jabatan berbeza mempunyai tanggungjawab untuk aspek penjara yang berbeza, setiap jabatan perlu mempunyai wakil dalam pasukan reka bentuk itu. Sekiranya perkara ini tidak boleh dilaksanakan, pasukan reka bentuk itu perlu mewujudkan satu aturan formal untuk membolehkan jabatan-jabatan menyumbang secara berkesan dalam proses mereka bentuk. Sebagai contoh, kumpulan rujukan perkhidmatan kesihatan mungkin boleh ditubuhkan.

#### Peranan dan organisasi kerja

Pasukan reka bentuk bertanggungjawab dalam memastikan reka bentuk awal dan skematik mencerminkan hubungan fungsian bangunan seperti yang digambarkan dalam strategi pengurusan. Reka bentuk ini perlu menyokong pelaksanaan operasi penjara seperti yang dirancang. Jika terdapat cadangan untuk menambah tempat tinggal dalam kemudahan sedia ada, ia perlu menjadi tanggungjawab pasukan reka bentuk untuk menentukan sama ada perkhidmatan-perkhidmatan sedia ada mencukupi dan sama ada terdapat keperluan untuk kemudahan tambahan bagi memenuhi permintaan yang meningkat.

Tanggungjawab pasukan reka bentuk adalah termasuk:

- penyediaan garis panduan bertulis untuk program operasi;
- peruntukan ruang untuk semua kegunaan;
- pelan konsep;
- kriteria reka bentuk dan panduan reka bentuk;
- kelulusan reka bentuk akhir, termasuk belanjawan.

Adalah penting untuk ahli-ahli pasukan melawat penjara bagi mendapatkan maklumat secara langsung mengenai isu-isu praktikal yang perlu dipertimbangkan semasa fasa reka bentuk. Penjara sedia ada mungkin ada batasannya dan pengurus mungkin tidak mempunyai pandangan menyeluruh mengenai pilihan alternatif. Bagaimanapun, pengalaman praktikal pengurus penjara, digabungkan dengan sumber maklumat lain mengenai reka bentuk dan pembinaan penjara boleh menambahbaik kualiti usaha-usaha yang dilakukan oleh pasukan reka bentuk.

Sebelum membangunkan reka bentuk awal, jadual peruntukan ruang perlu dibuat, iaitu ruang yang diperlukan untuk setiap tahanan bagi tempat tinggal, ruang perkhidmatan, ruang keselamatan yang khusus, pentadbiran dan ruang luaran dan dalaman yang tertentu. Reka bentuk awal perlu mempunyai:

- pelan lantai untuk semua bangunan;
- lukisan pandangan bagi bahagian depan bangunan dan semua sisi;
- perincian mengenai penggunaan tapak;
- keadaan reka bentuk unit-unit penempatan; dan
- semua kawasan perkhidmatan dan aktiviti. Kawasan perkhidmatan perlu termasuk kemasukan dan pembebasan, pagar masuk, kesihatan mental dan perubatan, penyediaan makanan, tempat tinggal, industri, rekreasi, sukan, pendidikan, lawatan, lawatan guaman dan pentadbiran.

Fasa ini juga termasuk menentukan pilihan sistem keselamatan bangunan dan teknologi yang akan diguna pakai.

Reka bentuk itu perlu menambil kira keperluan berbeza antara tahanan yang sudah dijatuhkan hukuman dengan tahanan pra-perbicaraan. Sebagai contoh, ruang melawat untuk tahanan pra-perbicaraan perlu mengambil kira keperluan mereka untuk menerima lawatan yang lebih kerap daripada penasihat undang-undang manakala mereka yang sudah dijatuhkan hukuman pula memerlukan kemudahan latihan vokasional, pekerjaan dan pendidikan untuk mempersiapkan mereka bagi reintegrasи yang berkesan dalam komuniti selepas mereka tamat menjalani hukuman.

Pasukan reka bentuk perlu bertemu secara kerap. Pertemuan secara mingguan dapat memastikan keputusan dibuat tepat pada masanya dan boleh disemak semula tanpa mendatangkan impak besar kepada kemajuan kerja.

Kata sepakat diperlukan semasa proses reka bentuk. Dalam mengendalikan tolak ansur ini, pengurus projek dan jawatankuasa pemandu perlu memastikan ciri-ciri reka bentuk itu menyokong strategi pengurusan yang telah diluluskan melalui cara yang kos efektif dan memenuhi peruntukan minimum instrumen antarabangsa dan piawaian kebangsaan. Secara khususnya, syor bagi ruang minimum untuk setiap orang mempunyai impak besar terhadap reka bentuk, pembinaan dan kos pengurusan penjara. Bidang kuasa yang melaksanakan ukuran minimum ini biasanya turut mempunyai garis panduan untuk reka bentuk tempat tinggal penjara.

Selepas reka bentuk awal telah diluluskan, perincian pembangunan reka bentuk dilengkapkan dan disusuli dengan penyediaan dokumentasi pembinaan dan spesifikasi akhir. Fasa ini termasuk membangunkan pelan akhir dan spesifikasi, jadual pembinaan dan belanjawan akhir projek. Proses anggaran belanjawan perlu merangkumi reka bentuk dan pembinaan, belanjawan operasi tahunan dan belanjawan permulaan.

Pasukan reka bentuk bertanggungjawab untuk pembangunan sistem kawalan kualiti yang meliputi piawaian untuk diguna pakai semasa proses pembinaan. Projek keseluruhan dan pelan akhir perlu diluluskan oleh ketua jabatan dan sebaiknya oleh menteri kerajaan yang relevan.

Sama ada pembinaan penjara dikontrakkan kepada sektor swasta atau dilaksanakan oleh kakitangan kerajaan, tanggungjawab untuk pengurusan projek itu perlu kekal di bawah jabatan kompeten melalui seorang pengurus projek atau pegawai lain yang ditetapkan. Pasukan reka bentuk bertanggungjawab untuk mengawasi belanjawan dan jadual pengurusan serta perlu mendapatkan laporan mingguan dan bulanan daripada pengurus projek sepanjang fasa reka bentuk dan pembinaan.

Semua proses, termasuk proses tender, perlu telus dan konsisten dengan polisi kerajaan yang berkaitan. Sekiranya perlu, pasukan reka bentuk perlu membangunkan prosedur yang relevan.

#### D. LOKASI PENJARA

Matlamat sesebuah penjara perlu menjadi faktor utama sebagai panduan untuk memilih lokasinya. Tapak penjara perlu berdekatan dengan bekalan air yang realistik dan grid elektrik tempatan. Ia perlu berdekatan pusat bandar yang boleh menyediakan sekumpulan kakitangan dan perkhidmatan yang bersesuaian, termasuk sekolah untuk keluarga kakitangan. Lokasinya juga perlu berhampiran dengan perkhidmatan perubatan dan kecemasan. Ia perlu mempunyai (atau boleh mendapatkan) jaringan pengangkutan awam yang baik dan berpatutan bagi membolehkan keluarga tahanan datang melawat secara kerap dan kakitangan mempunyai akses kepada pengangkutan yang berpatutan untuk ke tempat kerja. Sesebuah penjara yang bertujuan menempatkan tahanan pra-perbicaraan perlu terletak hampir dengan mahkamah di mana kes bagi majoriti daripada tahanan akan didengar. Kawasan tanahnya perlu mencukupi untuk menyediakan sokongan makanan dan aktiviti-aktiviti yang menjana pendapatan serta tempat tinggal kakitangan, jika penyediaan tempat tinggal kakitangan merupakan polisi kerajaan. Kawasan yang cenderung banjir dan bahaya alam sekitar yang lain perlu dielakkan.



Rajah 20 Ilustrasi akibat pemilihan tapak

Lokasi terpencil mungkin menawarkan kos tanah yang lebih murah pada awalnya tetapi ia mungkin tidak memberikan penjimatan dalam jangka masa panjang. Ini kerana kos pengangkutan barang dan perkhidmatan mungkin jauh lebih tinggi. Kos tempat tinggal kakitangan juga mungkin perlu disubsidi, selain memberikan insentif kepada mereka untuk tinggal di kawasan terpencil. Kawasan luar bandar dan terpencil mungkin tidak mampu menyediakan rangkaian penuh perkhidmatan profesional (pendidikan, kesihatan, perubatan, kecemasan) yang diperlukan di penjara. Sulit untuk menarik pakar-pakar seperti kakitangan perubatan, ahli psikologi dan guru untuk datang ke lokasi terpencil. Anggota kakitangan yang berpindah ke kawasan terpencil biasanya akan mengalami tahap tekanan yang tinggi dan ketidakhadiran boleh berlaku dengan kerap, terutamanya jika mereka terpisah daripada keluarga mereka.

Rundingan perlu dibuat dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, termasuk jabatan elektrik dan air serta kerajaan wilayah dan tempatan. Sokongan pihak berkuasa tempatan adalah penting untuk memastikan akses kepada perkhidmatan awam, termasuk penyelenggaraan jalan, pembuangan sampah, akses kepada grid elektrik dan rangkaian bekalan air. Pemilikan sah dan sebarang sekatan di peringkat tempatan yang berkaitan dengan tanah perlu ditentukan sebelum fasa reka bentuk bermula.

Pada peringkat paling awal, proses perundingan dengan komuniti perlu dilaksanakan untuk memastikan isu-isu berkaitan komuniti dapat ditangani dan semua maklumat setempat yang relevan berhubung pembinaan dan pengurusan penjara dapat diperolehi.

#### E. PANDUAN PEMBINAAN

Penyeliaan terhadap pembinaan penjara memerlukan pemeriksaan di lokasi (*on-site*) setiap hari oleh pengurus projek dengan bantuan daripada pakar-pakar operasi penjara. Ia perlu berasaskan pelan projek dan program ujian. Pemeriksaan ini adalah tambahan kepada penyeliaan rutin pembinaan dan pengurusan yang perlu disediakan oleh kerajaan atau melantik secara *outsource* pakar-pakar yang relevan dalam seni bina, pembinaan, keselamatan, ilmu mekanik, pembekalan elektrik, perpaipan, kejuruteraan struktur dan, yang penting, operasi penjara.

Pengalaman menunjukkan bahawa pakar operasi penjara dapat membantu mengelakkan perubahan dalam pembinaan yang menelan belanja tinggi dengan mengenal pasti, pada peringkat awal, kecacatan reka bentuk yang secara tidak sengaja dimasukkan dalam pelan dan yang boleh diperbetulkan dengan kos minimum pada peringkat itu. Mesyuarat ulasan secara tetap perlu diadakan antara pasukan reka bentuk di sepanjang tempoh pembinaan bagi memastikan sebarang perkara boleh diuruskan dengan cepat dan seawal yang mungkin bagi mengelakkan sebarang perbelanjaan besar. Pasukan reka bentuk perlu menilai kesesuaian semua kelengkapan, perabot, peralatan dan sistem serta kemasan dalaman di semua ruang penjara.

## F. PENTAULIAHAN

Proses pentaulahan adalah langkah akhir dalam memastikan semua aspek bagi penjara tersebut berfungsi seperti yang dirancang dan sesuai untuk tujuannya. Pentaulahan penjara dijadualkan dan diselaraskan dengan tempoh "peralihan operasi/pengaktifan dan latihan" yang juga berlangsung dalam fasa pembinaan. Ia dilakukan di penghujung tempoh pembinaan, sebelum penjara dibuka dan sebelum ia menerima tahanan. Tujuan proses pentaulahan adalah untuk menguji sistem dan komponen bangunan bagi memastikan ia berfungsi, sesuai dan memenuhi tujuan reka bentuk dan piawaian yang ditetapkan. Ujian akan dibuat dengan meniru cara penjara beroperasi. Contohnya, semua tandas perlu dipam dan semua pili air perlu dibuka untuk 30 minit pada waktu tahanan dijadualkan mandi dan menggunakan tandas bagi memastikan infrastruktur itu dapat memenuhi permintaan pada waktu puncak.

Proses pentaulahan penjara bermula di peringkat permulaan pembinaan dan berterusan sepanjang program pembinaan. Ia bukan satu proses yang sembarangan. Ia memerlukan pasukan pengurusan projek untuk membangunkan pelan projek yang menyeluruh, terdiri daripada polisi dan prosedur untuk semua aspek dalam pelan pengurusan tahanan dan operasi kemudahan itu. Ini termasuk rutin tetap, penggunaan loji dan peralatan, akses dan jalan keluar kenderaan serta pejalan kaki, pengurusan perkhidmatan air dan sanitasi, pelan kontingensi untuk kebakaran, rusuhan, bencana alam, melarikan diri, bunuh diri, dan lain-lain. Proses pentaulahan perlu disokong oleh pelan pengambilan dan latihan kakitangan. Pelan ini adalah bagi memastikan bilangan kakitangan yang mencukupi semasa peringkat akhir pentaulahan.

Perunding atau ejen pentaulahan perlu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penyedia perkhidmatan penjara menerima dan memahami semua manual penyelenggaraan dan maklumat jaminan yang termasuk di bawah perolehan dan penyerahan kemudahan itu daripada kontraktor. Satu fail teknikal perlu disediakan oleh syarikat pembinaan/pengurus projek dan perlu memberikan perincian penuh mengenai perkhidmatan dan pemasangan di bawah tanah dan di atas tanah, notis bahan dan panduan penyelenggaraan. Kakitangan relevan yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan berterusan infrastruktur penjara perlu diberikan latihan oleh syarikat pembinaan sebelum penyerahan premis berkenaan.

Dalam sistem penjara yang sesak, pihak berkuasa mungkin mencari jalan pintas untuk menyingkatkan proses pentaulahan dan mula memindahkan tahanan ke kemudahan berkenaan. Perkara ini perlu dielakkan. Proses pentaulahan adalah tempoh semasa semua perkhidmatan dan rutin operasi diuji dan disemak semula untuk memastikan keselamatan, keadaan yang teratur dan keselamatan dapat dikekalkan. Oleh yang demikian, sebarang penyingkatan atau jalan pintas yang dibuat semasa proses itu akan menjelaskan keselamatan dan kawalan.



### **MISI**

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) adalah pertubuhan antarabangsa yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi khusus kemanusiaan untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa-mangsa konflik bersenjata dan situasi keganasan yang lain dan untuk memberikan bantuan kepada mereka. ICRC juga berikhtiar untuk menghalang kesengsaraan dengan mempromosikan dan memperkuatkannya undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada 1863, ICRC memainkan peranan dalam melahirkan Konvensyen Geneva dan Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah. Ia menerajui dan menyelaras aktiviti-aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan tersebut dalam konflik bersenjata dan situasi-situasi keganasan lain.



ICRC